



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS

PENGGAL KELIMA

MESYUARAT KEDUA

Shah Alam, 09 Julai (Isnin)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

YB Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Cempaka)

YB Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Liu Tian Khiew

YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)
(Timbalan Speaker)

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali
YB Tuan Ng Suee Lim
YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar
YB Tuan Lee Kim Sin
YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei
YB Tuan Lau Weng San
YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman
YB Tuan Haji Saari bin Sungib
YB Tuan Yap Lum Chin
YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay
YB Tuan Philip Tan Choon Swee
YB Tuan Dr. Mohd Nasir bin Hashim
YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz
YB Tuan Amirudin bin Shari
YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin
YB Tuan Manoharan a/l Malayalam
YB Puan Lee Ying Ha
YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan
YB Puan Gan Pei Nei
YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad

YB Dato' Haji Mohamed Satim bin Diman,
DSSA., KMN., ASA., PJK.

YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,
DSSA., AMS., AMN., PJK

YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK. JBM.,Dr.(Hc)

YB Dato' Haji Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., JSM., SSA

YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,
DPMS., ASA., PJK.

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,
DSSA., AMS., PJK.

YB Dato' Haji Amiruddin bin Setro,
DPMS.,ASA.

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor
DPMS., KMN., AMN., ASA.

YB Tuan Hasiman bin Sidom, PJK.

YB Dato' Haji Warno bin Dogol
DSIS., AMS., SMS., AMN., PJK.

YB Dato' Marsum bin Paing,
DPMS., SSA., ASA.

YB Dato' Sri Subahan bin Kamal,
SSAP., DIMP.

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus,
KMN., SIS., ASDK.

YB Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz,
DMSM., JP., AMS.

YB Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim,
DPSM., AMS.

YB Tuan Yap Ee Wah

YB Tuan Wong Koon Mun,
JMN., SMS., PJK.

YB Tuan Haji Sulaiman bin Haji Abdul Razak
SMS., PPN.

YB Tuan Ismail bin Sani,
SMS., PJK.

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali
DPMS., DIMP., SMS.

TIDAK HADIR

YB Tuan Dr. Mohamad Khir bin Toyo, PJK

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

YB Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Suliman bin Abd Rahman, PPT
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Puan Noor Asdiana bt. Abd Kadir
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Mazian bt. Manan
Penolong Setiausaha

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha

Puan Siti Salbiah bt. Masri
Penolong Pegawai Tadbir

Encik Md. Saref bin Salleh
Bentara

Encik Redzuan bin Adam
Encik Ibrahim bin Mat Mom
Penolong Bentara

Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid
Puan Hajah Noridah bt. Abdullah
Pelapor Perbahasan

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahhirahmannirahim. Assalamualaikum w.b.t* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat kedua Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Kedua Belas pada hari ini 9 Julai 2012 dimulakan dengan bacaan doa.

I DOA

SETIAUSAHA DEWAN: Bacaan doa.

II PROKLAMASI

SETIAUSAHA DEWAN: OLEH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, DARJAH KERABAT (SELANGOR), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.), DARJAH KERABAT (TERENGGANU), DARJAH KERABAT (KELANTAN), DARJAH KERABAT (PERAK), DARJAH KERABAT (PERLIS), DARJAH KERABAT (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT (KEDAH), DARJAH KERABAT (JOHOR), SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.), DATO' SETIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S.), SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA.

BAHAWASANYA Fasal (1) Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, memperuntukkan bahawa DULI YANG MAHA MULIA SULTAN hendaklah dari semasa ke semasa melalui Proklamasi yang disiarkan dalam *Warta* memanggil Dewan Negeri :

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, DARJAH KERABAT (SELANGOR), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.), DARJAH KERABAT (TERENGGANU), DARJAH KERABAT (KELANTAN), DARJAH KERABAT (PERAK), DARJAH KERABAT (PERLIS), DARJAH KERABAT (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT (KEDAH), DARJAH KERABAT (JOHOR), SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.), DATO' SETIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S.), SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN DAN DAERAH TAKLUKNYA, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA di bawah Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, DENGAN INI MEMANGGIL Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 09 Julai 2012 hingga 13 Julai 2012 dan pukul 10.00 pagi kecuali hari Jumaat pukul 9.30 pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Kedua Penggal

Kelima Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Kedua Belas yang akan diadakan di Dewan Negeri Selangor, Shah Alam.

DIPERBUAT di Istana Alam Shah, Klang pada 23 hari bulan Mei 2012.
[DUN. Sel. 30287/12 Jld 12]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor,

TUAN SPEAKER: Salam sejahtera dan selamat datang kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli EXCO, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor, Pegawai-pegawai Kerajaan dan para pemerhati sekalian. Bertemu sekali lagi dalam mesyuarat ke-2 dewan yang mulia ini pada pagi ini bagi penggal kelima Dewan Negeri Selangor yang ke-12. Untuk urusan seterusnya saya silakan Setiausaha Dewan.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan mesyuarat seterusnya membentangkan kertas-kertas mesyuarat.

- i. Kertas mesyuarat Bil.4/2012
 - Rang Undang-undang Enakmen Pembekalan Tambahan 2012. Rang Undang-undang Enakmen Peruntukan Diraja pindaan 2012.
- ii. Kertas Mesyuarat Bil.6/2012, Laporan Tahunan 2011
 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor,
- iii. Kertas Mesyuarat Bil.7/2012
 - Laporan Jawatankuasa Kira-kira Awam Negeri Selangor *Public Account Committee* (PAC) mengenai Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009.
- iv. Kertas Mesyuarat Bil.8/2012
 - Anggaran Perbelanjaan Pertama 2012 dan memorandum Perbendaharaan mengenai Anggaran Perbelanjaan Perbekalan Tambahan Pertama 2012 bagi Kerajaan Negeri Selangor.

-
Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

III. PERTANYAAN-PERTANYAAN

TUAN SPEAKER: Bukit Antarabangsa.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Tuan Speaker saya kemukakan Soalan No. 1.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK: SKIM MIKROKREDIT MISKIN BANDAR (MIMBAR)

1. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
 - a) Apakah jaminan Kerajaan Negeri untuk menyediakan sejumlah peruntukan yang mencukupi bagi menjamin kelangsungan Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MIMBAR) untuk memenuhi permohonan di kalangan peniaga-peniaga kecil yang semakin meningkat?
 - b) Berapakah jumlah peruntukan yang disediakan untuk skim ini bagi tahun 2012 dan berapakah jumlah yang telah diagihkan sehingga Jun 2012?

YB PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya bagi menjawab Soalan No. 1 saya akan menjawab sekali dengan soalan daripada Lembah Jaya iaitu Soalan 172. Soalan yang ditanyakan oleh Antarabangsa apakah jaminan kerajaan negeri untuk menyediakan sejumlah peruntukan yang mencukupi bagi menjamin kelangsungan, ingin saya nyatakan di sini kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sejumlah dana sebanyak RM20 juta ringgit bagi memastikan keperluan peniaga kecil di bawah miskin Bandar ini dapat dipenuhi melalui program Pinjaman Mikrokredit tanpa faedah ini. Justeru bagi memastikan kelangsungan program ini dan sasaran dapat dicapai dana yang diperolehi dilaksanakan ataupun diberikan secara berperingkat dan ianya dipastikan dapat diterima oleh MiMBAR yang melaksanakan program ini pada waktu yang tepat dengan kadar yang mencukupi untuk pembiayaan sasaran di mana setiap minggu disasarkan 150 orang. Selain daripada itu, MiMBAR juga akan menggunakan dana pusingan iaitu wang kutipan dengan izin *revolving fund* yang mana ianya merupakan jumlah wang yang dibayar semula oleh peminjam secara berperingkat ini bagi memastikan jika kelangsungan daripada pendapatan pihak yang memberikan dana sebanyak RM20 juta itu daripada MBI ianya dapat kita gunakan bagi memastikan KPI kita dapat dicapai. Walau bagaimanapun dengan pertambahan peserta berjaya yang semakin meningkat pada setiap minggu dana pusingan iaitu *revolving fund* ini masih belum bukan saja dapat mencukupi sepenuhnya tetapi ia perlu lagi suntikan dana yang dikatakan daripada RM20 juta itu, Insya-Allah.

Yang keduanya berapakah jumlah peruntukan yang disediakan untuk skim ini pada tahun 2012 dan berapakah jumlah yang telah diagihkan sehingga 20 Jun 2012. Untuk pengetahuan Yang Berhormat sekalian, MiMBAR Selangor mencadangkan sebanyak RM20 juta bermula daripada Mac 2011 dan ianya untuk pengetahuan semua masih

belum diselesaikan atau pun dana ini masih belum digunakan sepenuhnya yang mana sehingga 28 Jun 2012 ini MiMBAR Selangor masih menggunakan dana yang sedia ada yang telah diluluskan iaitu sebanyak RM11,210,000 yang telah pun diperuntukkan. Jadi kita mengharapkan bahawa sejumlah RM20 juta yang diperuntukkan ini pastinya akan dihabiskan akan disempurnakan pada hujung tahun ini, kalau kita lihat trend yang mana peminjam-peminjam atau pun pembiaya pembiayaan yang perlu diberikan saya yakin dana tambahan perlu dilaksanakan untuk tahun depan tetapi pastinya dengan kita memberikan sasaran sebanyak 250 orang peminjam setiap minggu itu dana lebih itu sebanyak RM9 juta yang masih berbaki Insya-Allah dapat disempurnakan sehingga hujung tahun ini.

Bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Lembah Jaya, apakah perancangan kerajaan bagi membantu rakyat untuk mereka yang bukan dari golongan pekerja, saya mencadangkan supaya kita ingin merasakan bahawa kerajaan ini mengamalkan dasar daripada *welfare* kepada *workfare* iaitu daripada kebajikan kepada pendapatan serta pekerjaan. Jadi kita tidak meninggalkan golongan-golongan yang dalam lingkungan kemiskinan tetapi mereka ini perlu dibantu dan kita yakin bahawa mereka tidak ada asas yang cukup untuk melaksanakan perniagaan yang kecil-kecilan, oleh itu kerajaan negeri telah pun terutama di bawah MiMBAR Selangor telah merancang beberapa program bagi golongan yang bukan peniaga untuk meraih pendapatan lebih dengan menjalankan beberapa program. Ingin saya nyatakan di sini Tuan Speaker bahawa pakej program yang dilaksanakan untuk mereka ini adalah pakej pembersihan karpet yang mana ianya telah pun bermula setiap kumpulan mempunyai 2 hingga 3 orang khususnya ibu tunggal bagi setiap kumpulan akan bertanggungjawab membersihkan masjid menggunakan pakej yang disediakan.

Pakej kedua adalah program pembungkusan semula produk yang mana pembungkusan produk yang menyasarkan golongan ibu tunggal dan juga orang kurang upaya atau suri rumah yang mempunyai kesukaran berniaga kerana tiada kesempatan atau kemampuan untuk keluar dari rumah untuk bekerja. Jadi pembungkusan ini dibuat daripada dalam rumah dan akhirnya mereka yang disasarkan itu membolehkan ianya berpendapatan. Dan ketiganya pakej produk dalam Mikrokredit di mana bagi membantu peserta meningkatkan pendapatan MiMBAR Selangor juga mengambil inisiatif dengan menawarkan produk-produk bantuan niaga, jadi selain daripada itu soalan yang ditanyakan apakah bagaimanakah langkah seterusnya untuk membantu peniaga-peniaga jadi saya yakin bagi langkah yang seterusnya sebenarnya kerajaan Selangor di bawah MiMBAR Selangor mensasarkan peminjam-peminjam Mikrokredit yang telah pun berjumlah sebanyak 4,452 orang ini kita mensasarkan 20% daripada mereka ini akan ditingkatkan kemampuan dan keupayaan perniagaan mereka supaya daripada mereka bermula dengan perniagaan kecil-kecilan dan mereka akan

melaksanakan perniagaan yang lebih bertahap tinggi, Insya-Allah terima kasih, itu sahaja.

SETIAUSAHA DEWAN: Ya, Bukit Antarabangsa.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Ya, terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih Yang Berhormat EXCO di atas jawapan yang diberikan. Kita dimaklumkan bahawa kerajaan negeri telah menyediakan dana sejumlah RM20 juta untuk maksud program MiMBAR ini. Berdasarkan jawapan Yang Berhormat EXCO sebentar tadi setakat ini kerajaan negeri telah mengeluarkan sejumlah lebih kurang RM11 juta bermakna ada lebihan RM9 juta lagi dalam program MiMBAR. Namun daripada apa yang saya dapat maklum balas daripada peminjam-peminjam khususnya peminjam baru dalam kebanyakan keadaan MIMBAR tidak dapat mengeluarkan secara terus daripada bajet yang telah diperuntukkan sebaliknya MIMBAR terpaksa menggunakan *revolving fund* seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat EXCO tadi dan beliau juga menjelaskan *revolving fund* ini juga tidak mencukupi kerana pemohon-pemohon yang baru diluluskan belum lagi membuat pembayaran balik. Persoalan saya ialah mengapa perkara ini berlaku sedangkan peruntukan yang telah dibajetkan masih besar masih ada RM9 juta lagi di dalam MBI, mengapa MIMBAR terpaksa menggunakan *revolving fund* bagi meluluskan pemohon-pemohon yang baru. Yang kedua setelah Yang Berhormat EXCO memaklumkan bahawa lebih 4,500 peminjam telah menikmati program ini apakah bentuk latihan yang disiapkan atau pun dicadangkan oleh kerajaan negeri bagi memastikan peminjam-peminjam ini dapat terus meningkatkan keupayaan mereka dan mengilap potensi mereka bagi meningkatkan pendapatan di masa yang akan datang, terima kasih.

YB PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Bukit Antarabangsa, bagi soalan yang ditanyakan kenapa terpaksa kita menggunakan *revolving fund*, ingin saya nyatakan di sini bahawa MiMBAR Selangor telah pun buat *projection* ataupun satu langkah di mana kita menyasarkan setiap minggu sasaran peminjam adalah sebanyak 120,000 orang tetapi dalam keadaan tertentu ataupun yang bermusim kadangkala permohonan yang kita, diterima adalah berlebihan daripada yang dijangkakan jadi kalau kita ikutkan praktis daripada Kerajaan Selangor, kita punya *projection* nantilah kita berikan itu contohnya kita sasarkan dalam masa tiga bulan yang pertama kita sasarkan RM5 juta, duit perlu diberikan di bawah MiMBAR itu tetapi akhirnya kita lihat permintaan bertambah dan dengan itu ia terpaksa tidak orang kata kita menggunakan daripada bajet yang sedia ada ataupun *revolving fund* yang ada tapi ingin juga saya nyatakan di sini bahawa tujuan kita menyediakan dua puluh juta ini bukanlah semata-mata untuk ia dihabiskan bajet RM20 juta ini untuk juga menjadikan sebahagian kewangan ini untuk ianya lestari, dengan pembayaran semula boleh dibuat oleh peminjam-peminjam ini pastinya duit itu akhirnya ada berkumpul, semula daripada sini juga boleh menambah pendapatan ataupun memberi bantuan kepada mereka yang perlu, jadi saya

sebenarnya berterima kasih kepada Bukit Antarabangsa sebenarnya saya tidak nafikan kadang kala bila permintaan permohonan ini bertambah tetapi dengan bajet yang dengan jumlah kewangan yang disasarkan ini tidak dapat disampaikan dengan sebaik mungkin kadang kala ia berlaku sedikit bersangkutan di situ tetapi saya ingin membuat kesimpulan di sini sebenarnya kita lihat MiMBAR Selangor, dan satu sistem Mikrokredit yang sebenarnya tanpa faedah, dan ianya sistem Mikrokredit yang julung-julung kalinya di Malaysia yang memberikan bantuan Mikrokredit secara persendirian kita lihat alhamdulillah sokongan daripada rakyat dan permohonan daripada rakyat bertambah dengan ini kita jangkakan saya rasakan dengan pada mulanya MiMBAR Selangor ini Mikrokredit Bandar ini kita buat dalam dan modus operandi yang sangat berbeza kita rasakan ini inovasi baru tetapi alhamdulillah kita yakin sekarang ini telah hampir satu tahun setengah kita yakin ia dapat diterima dan saya mengharapkan kelestarian *revolving fund* ini dan bajet seterusnya dapat diberikan terutamanya kepada musim-musim yang tertentu seperti menjelang Hari Raya dan sebagainya. Untuk soalan kedua tambahan apakah bentuk latihan, buat masa ini bentuk latihan yang kita laksanakan pada mereka yang telah pun melalui ataupun menerima pinjaman MiMBAR ini mereka telah diberikan satu ilmu bagaimanakah pengurusan kewangan dan juga berdaya saing yang perlu dilaksanakan dan kita juga sebenarnya berkongsi pengalaman daripada usahawan-usahawan yang berjaya yang mana mereka memulakan program-program kecil-kecilan dan akhirnya mereka dapat ataupun mereka berjaya dalam bidang keusahawanan bukan itu saya doa-doa yang diberikan bukan sekadar memberi latihan sebegitu sahaja tetapi mereka dipantau dengan diberikan latihan yang khusus berpandukan kepada keperluan pengetahuan dan kemahiran yang mereka perlukan maksudnya saya kalau mereka ini adalah peminjam dari golongan wanita yang perlukan skill dan sebagainya kita akan menaiktarafkan ilmu yang ada pada mereka itu kepada skill-skill yang lebih tinggi dan itu saja jawapan daripada saya. Terima kasih.

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Soalan tambahan. Terima kasih YB Exco di atas penerangan Skim MiMBAR cuma saya nak maklumat tambahan sedikit di kawasan saya khasnya dapatkah disenaraikan jumlah pemohon di terima dan di tolak senarai yang diluluskan, terima kasih Speaker.

YB PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: untuk pengetahuan YB Batang Kali, untuk Skim MiMBAR ini ianya tidak dilaksanakan kerana skim MiMBAR ini hanya fokus kepada lapan PBT yang mana PBT yang melaksanakan di bawah Perbandaran dan Bandaraya jadi untuk itu saya tidak ada data langsung tentang MiMBAR di kawasan Batang Kali.

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Tuan Speaker saya mohon penjelasan sedikit mengapa Skim Mikrokredit, skim Bandar kawasan saya di Batang Kali kita banyak Bandar, Bandar Bukit Beruntung, Bandar Bukit Sentosa, Bandar Utama, dan mereka adalah rakyat Negeri Selangor mengapa mereka kita diabaikan terima kasih.

YB PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Untuk pengetahuan YB Batang Kali, Kerajaan Selangor menyediakan dua jenis Skim Mikrokredit Miskin Bandar dan satu Mikrokredit Luar Bandar iaitu SKIMSEL namanya jadi di bawah Batang Kali itu di mana-mana Majlis PBT yang di bawah daerah seperti Majlis Daerah Hulu Selangor di mana SKIMSEL dilaksanakan tetapi MiMBAR tidak dilaksanakan ini adalah untuk kita memastikan pendekatan yang dilaksanakan itu berbeza dan kita lihat bagaimanakah saingan dan juga potensi antara SKIMSEL dan Mikrokredit Bandar itu dapat dilaksanakan, seperti yang saya nyatakan SKIMSEL sebenarnya agak lebih sesuai di kawasan Batang Kali kerana ianya mengambil pendekatan berkumpulan tidak seperti MiMBAR di mana seperti kita tahu di dalam kawasan Bandar dan Perbandaran kita lihat pinjaman secara peribadi itu lebih *demand* lebih dimohon daripada permintaan berkumpulan jadi itu jawapannya.

TUAN SPEAKER: Seri Serdang, tidak hadir, Batu Caves

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima Kasih, Tuan Speaker soalan No. 3

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

**TAJUK: BANTUAN KEPADA SEKOLAH AGAMA RAKYAT, SEKOLAH JENIS
KEBANGSAAN CINA DAN TAMIL**

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Selepas 4 tahun dasar ini dilaksanakan berapa banyak sekolah-sekolah yang telah memperoleh bantuan? Sila jumlahkan mengikut kategori
- b) Berapakah bidang/jenis/tujuan bantuan yang sering dipohon oleh sekolah-sekolah?
- c) Apakah mekanisme pemantauan bagi memastikan peruntukkan yang disalurkan benar-benar dimanfaatkan untuk tujuan permohonan?

Y.B PUAN HAJAH HALIMAH ALI: *Assalamualaikum* WBT dan Selamat Sejahtera terima kasih kepada Batu Caves, Batu Caves mahu tahu tentang bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat, SJK(C) dan SJK (T) yang pertama selepas empat tahun dasar ini dilaksanakan berapa banyak sekolah-sekolah yang telah memperolehi bantuan ini, mengikut kategori jadi jumlah penerima mengikut kategori sekolah adalah seperti berikut:-

Kategori Sekolah Agama Rakyat sebanyak dua ratus lima puluh enam buah, Sekolah Jenis Kebangsaan (C) seratus dua belas buah, Sekolah Jenis Kebangsaan (T) sembilan puluh tujuh buah, dan saya ingin sebutkan di sini bahawa sekolah, data Sekolah Agama Rakyat masih tidak lengkap dan kita masih dalam proses mendaftarkan sekolah-sekolah agama rakyat kerana mereka sebelum ini tidak berani berdaftar dan tidak berdaftar di mana-mana jabatan sama ada Jabatan Agama Islam Selangor, Jabatan Pelajaran, kerana mereka fobia di ambil di pinggir dan mahu ditutup dan itu masalah sekolah agama rakyat dan apabila Pakatan Rakyat Selangor mengambil alih mereka muncul dan mahu berani bersama dengan kita berani memberikan data-data mereka. Kedua berapakah bidang jenis tujuan bantuan yang sering dipohon oleh sekolah? Saya berkongsi dengan Batu Caves di mana *guiding principal* dengan izin yang diguna pakai oleh Jawatankuasa Tetap Pendidikan Selangor, dalam pengagihan peruntukan kerajaan negeri ialah untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran di semua jenis sekolah ini berada di tahap optima ini rasional kenapa orang bagi begini? Berapa jumlah ini? Mengapa bagi banyak ini? Dia tidak akan sama melihatkan keperluan yang kritikal mana yang kurang kritikal dan juga mana yang ditambah nilai, jadi untuk fizikal contohnya, membina bangunan tambahan, membina dewan serba guna, membina susur gajah, membina gelanggang bola keranjang, pembelian komputer, pemasangan kamera litar tertutup, mengecat sekolah dan sebagainya, tandas, *wiring* inilah di antara contoh-contoh fizikal yang digunakan oleh sekolah untuk mendapatkan bantuan daripada kerajaan negeri, yang kedua yang bukan bersifat fizikal, contoh Sekolah Jenis Kebangsaan (T) sebelum ini, memohon yuran untuk membayar yuran kepada pelajar-pelajar yang sangat daif yang tidak mampu membayar yuran mereka sebelum ini begitu juga oleh kerana saya sebutkan tadi di antara dasar ini kita mahu mempertingkatkan dan pencapaian pelajar-pelajar ini mereka juga di antara fokusnya ialah *total imitation camp* di mana bahasa Inggeris diajar dalam satu iklim daripada pagi sampai ke malam mereka hanya boleh bertutur dalam bahasa Inggeris ini juga yang digunakan di dalam peruntukan yang diminta oleh sekolah-sekolah ini, walau bagaimanapun permohonan berbentuk fizikal infrastruktur diberi keutamaan berdasarkan hasrat kerajaan untuk menyediakan suasana pembelajaran yang kondusif sekolah di negeri Selangor begitu juga di antara yang kita lihat selama kita mendapat mandat daripada kerajaan dalam empat tahun ini sekolah agama rakyat yang selama ini saya katakan di pinggir maka mereka mempunyai guru-guru yang tidak terlatih maka antara fokus bantuan sekolah agama rakyat oleh Kerajaan Selangor ialah kita mencari guru-guru yang pakar dan juga daripada Kementerian, daripada maktab perguruan yang mengajar *paragog* begitu asas yang diperlukan oleh mereka, selain daripada itu sudah tentulah antara peruntukan sebahagian daripada peruntukan itu adalah untuk menaikkan pencapaian akademik dan sahsiah pelajar. Pecahan ketiga apakah mekanisme pencapaian bagi memastikan peruntukan yang disalurkan benar-benar dimanfaatkan untuk tujuan permohonan kerajaan negeri ada membuat

pemantauan dengan memohon pihak sekolah mengemukakan laporan pelaksanaan projek berserta gambar dan juga sebelum permohonan mereka diluluskan kita juga memohon kalau sekiranya dia kata untuk buat tambahan bangunan atau pun untuk membaik tandas kita mahu mereka berserta gambar sebelum mendapat kelulusan itu dan juga selepas itu apa yang telah mereka lakukan, kita juga ada membuatkan laporan secara rawak kepada Jawatankuasa Tetap Pendidikan selain daripada itu kita ada Jawatankuasa Kecil Penilai Bantuan Pendidikan yang terdiri daripada Adun dan juga lawatan-lawatan tapak ke sekolah hasil daripada laporan tersebut Jawatankuasa Penilai Bantuan Pendidikan dapat membuat penilaian terhadap sekolah yang memohon dan menerima bantuan dan sekiranya pelaksanaan projek dan perbelanjaan projek kita belum mencapai tujuh puluh peratus permohonan seterusnya yang dikemukakan oleh sekolah kepada pihak kerajaan akan ditolak atau di tangguh kerana mereka tidak menunjukkan prestasi yang baik untuk menggunakan peruntukan yang telah diagihkan oleh kerajaan, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sungai Pelek

YB TUAN YAP EE WAH: Terima kasih, Tuan Speaker, soalan tambahan saya adalah mengenai, permohonan untuk membayar yuran, jawapan yang dibagi daripada Exco tadi mengatakan bahawa SJK(T) memohon bayar yuran untuk murid-murid sekolah, sekolah mana yang memohon yuran, apa yang bayar dan berapa jumlah sekolah dan berapa jumlah perbelanjaan? Terima kasih

YB PUAN HAJAH HALIMAH ALI: Terima kasih, Sungai Pelek untuk pengetahuan Sungai Pelek yuran tahunan bagi sekolah ini baru-baru ini sahaja yang tidak perlu bayar, sebelum ini perlu dibayar dan bagi SJK(T) saya tidak ada jumlah yang *detail* sekarang ini yang itu boleh kita kemukakan kepada Sungai Pelek akan datang mengikut rekod kita, yuran ini dipohon oleh PIBG oleh Lembaga Pengelola sekolah kebanyakan semua sembilan puluh tujuh Sekolah Tamil adalah yang kita beri ini adalah maknanya semua Sekolah Tamil melihatkan kepada keperluan kalau mereka ini daif daripada ladang dan sebagainya tidak berkemampuan dan slip gaji dan pengesahan daripada Adun atau daripada ketua kampung mereka, mereka ini memang perlu dan kalau tak mereka tidak boleh ke sekolah maka itulah yang diberi tahun 2012 tidak ada sebelum ini sebelum yuran dimansuhkan oleh kementerian memang kita beri untuk *detail* nanti kita beri

YB TUAN LEE KIM SIN: Speaker.

TUAN SPEAKER: Kajang

YB TUAN LEE KIM SIN: Terima kasih Tuan Speaker. Kajang ingin bertanya berkaitan dengan peruntukan yang diberi pada sekolah-sekolah ini, sebenarnya peruntukan ini harus dipertanggungjawabkan oleh pihak Kementerian Pelajaran ya, dan

kerajaan negeri memberi peruntukan bantuan begini kerana berlakunya ketidakadilan ke atas sekolah-sekolah seperti sekolah jenis kebangsaan Cina dan juga sekolah Tamil dan juga sekolah-sekolah agama yang bawah kerajaan negeri. Jadi dalam keadaan begini kalau peruntukan diteruskan lagi, adakah ini menggalakkan kerajaan pusat tidak memberi peruntukan yang secukupnya untuk pembangunan sekolah-sekolah seperti sekolah-sekolah Kebangsaan Cina dan juga sekolah Tamil. Minta penjelasan.

YB PUAN HAJAH HALIMAH BT ALI: Terima kasih kepada Kajang. Untuk pengetahuan kajang, sepatutnya pendidikan ini adalah di antara keperluan asas rakyat di sesebuah negara dan menjadikan tanggungjawab sepenuhnya Kementerian Pelajaran. Tapi seperti yang telah disebutkan oleh Kajang tadi, di mana sekolah jenis kebangsaan Cina, sekolah jenis kebangsaan Tamil, aa...diberikan peruntukan, memang kita tidak nafikan, diberikan peruntukan tapi tidak mencukupi dan masih berada di dalam keadaan yang daif. Ini mungkin satu lagi jenis sekolah yang dibantu oleh kerajaan negeri yang tidak diberi perhatian langsung oleh Kementerian Pelajaran iaitu sekolah agama rakyat. Untuk pengetahuan Kajang ini mungkin cara yang apa metafora tetapi daripada semua-semua sekolah ini, sekolah agama rakyat adalah yang paling kaya kerana sebelum 2008 sekolah agama rakyat di Selangor tidak menerima mana-mana bantuan barang satu sen sama ada daripada kementerian persekutuan ataupun kementerian ataupun kerajaan negeri Selangor. Sekolah jenis kebangsaan Tamil, sekolah jenis kebangsaan Cina, sekurang-kurang ada bantuan modal, sekurang-kurang. Kalau tak, ada juga bantuan penuh. Sekolah agama rakyat tidak ada langsung. Persoalannya kalau kita kerajaan negeri beri adakah itu memanjakan mereka sampaikan kementerian pelajaran, tak payahlah nak tolong Selangor. Tidak juga, kalau kita lihat kepada Kajang lah di mana alhamdulillah, bila kerajaan negeri memutuskan beri RM4 juta kepada sekolah Tamil, RM6 juta kepada sekolah jenis kebangsaan Cina, RM6 juta kepada sekolah agama rakyat, alhamdulillah, nanti kita dalam 2-3 hari ini, kita tambahkan RM2.5 juta untuk sekolah agama rakyat, tiba-tiba, tiba-tiba kementerian pelajaran mengumumkan akan memberikan tuisyen percuma untuk calon SPM. Jadi ini adalah tambahan dan kita lihat juga bajet 2012, bila 4 tahun kita telah beri, kita peruntukan tetap tahunan, bajet tahunan untuk memberi kepada sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil Cina, dan sekolah agama rakyat ini maka kita lihat bajet 2012 untuk pertama kalinya ada diperuntukkan untuk sekolah jenis Tamil, sekolah jenis kebangsaan Cina RM100 juta dan sebagainya jadi ini menyedarkan kementerian pelajaran untuk memberikan perhatian yang sewajarnya kepada sekolah-sekolah walaupun merekalah yang mengambil inisiatif untuk memberikan segala tumpuan yang diperlukan oleh sekolah-sekolah untuk mencapai pencapaian yang maksimum. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Teratai.

YB PUAN LEE YING HA: Tuan Speaker, soalan no. 4.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

**TAJUK: PROJEK 'CERIA' UNTUK MEMBERI BANTUAN DALAM MEMBAIKI
PANGSAPURI BERKOS RENDAH**

4. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- a) Apakah kesan yang ada bagi projek 'Ceria'?
 - b) Berapakah pangsapuri telah mengambil bahagian dan berapakah telah dilaksanakan?

YB TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: *Assalamualaikum WBT* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Speaker dan terima kasih kepada Teratai di atas soalnya. Secara amnya skim baik pulih pangsapuri melalui program CERIA (*Caring Government for Residents' Improvement Aid*) ataupun skim baik pulih negeri berkebajikan telah meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat perumahan bertingkat di negeri Selangor dan di mana kita lihat kesan-kesannya adalah mengurangkan beban kewangan yang ditanggung oleh pihak pengurusan bangunan terutamanya oleh badan pengurusan bersama ataupun JMB ataupun *Management Corporation* dengan izin ataupun Perbadanan Pengurusan MC dalam membaik pulih harta bersama yang melibatkan kos yang tinggi seperti 'lif, bumbung , mengecat dan sebagainya. Selain daripada itu program ini telah berupaya ataupun telah berjaya mengeratkan hubungan kerjasama di antara penghuni dan pihak pengurusan iaitu JMB dan juga MC. Di mana kita melihat bahawa penduduk perlu menyumbang kepada 20% atau sebahagian daripada kos baikpulihan dan oleh sebab mereka terpaksa menyumbang maka akan berlaku mesyuarat dan perbincangan di antara JMB , MC atau persatuan bersama dengan penduduk. Seterusnya ianya memulihkan keyakinan penduduk untuk membayar caj penyenggaraan kepada JMB atau MC oleh kerana apabila kemudahan-kemudahan telah di baikpulihan maka ini akan memberi satu keyakinan baru kepada penghuni-penghuni bahawa JMB dan MC berupaya menyelesaikan masalah-masalah mereka dan mereka insya-Allah akan lebih terbuka atau lebih bertanggungjawab untuk membayarkan yuran atau *maintenance* caj, caj penyelenggaraan tersebut. Selain daripada itu ia juga dapat meningkatkan tahap keselamatan serta kesihatan penduduk di kawasan yang menerima bantuan baik pulih tersebut dan setakat ini ataupun setakat 22 Jun 2012 sebanyak 69 pangsapuri telah dipilih untuk menyertai Skim CERIA ini. sebanyak 26 kawasan telah siap dibaikpulihan manakala 25 kawasan masih dalam proses kerja-kerja baik pulih. Dari segi pecahan mengikut pihak berkuasa tempatan, setakat ini bagi kawasan MB Petaling Jaya sebanyak 11 kawasan pangsapuri, MBSA -19 , MBSJ

- 7 , MpKajang - 4, MPAJ - 8 , MPKajang - 7, Majlis Daerah Kuala Langat - 1 dan Majlis Perbandaran Selayang -12. Saya juga ingin menjawab soalan daripada, soalan yang berkaitan daripada YB Rawang iaitu bertanyakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi mengatasi flat kos rendah yang tidak dapat membentuk JMB untuk menguruskan pentadbiran flat mereka. Sebenarnya beberapa langkah yang disarankan oleh kerajaan negeri mengatasi masalah flat kos rendah yang gagal menubuhkan JMB dan ia adalah seperti berikut :

- 1) Kita menggalakkan penglibatan semua Ahli Dewan Negeri ataupun ADUN atau Ahli Majlis di pihak Berkuasa Tempatan, berperanan sebagai orang tengah dalam menyelesaikan pertikaian antara pemaju dan penduduk atau sesama penduduk yang menjadi punca kegagalan penubuhan JMB . Sekiranya masih gagal maka ada satu peruntukan di bawah seksyen 25(1) Akta Bangunan Harta bersama penyelenggaraan dan pengurusan iaitu Akta 663 di mana kita boleh mengguna pakai kuasa pihak Setiausaha Bangunan ataupun COB untuk melantik agen pengurusan bagi menguruskan dan menyelenggarakan flat kos rendah. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Bangi

TUAN SPEAKER: Bentara, Bentara tolong bantu.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Tuan Speaker *sorry*, soalan no. 5.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR.
(BANGI)**

TAJUK : MASALAH SAMPAH

5. Kekecohan mengenai sampah masih berlaku.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Sejauh manakah masalah sampah dapat diatasi?
- b) Benarkah berlaku sabotaj dari pihak yang kepentingan mereka disekat?
- c) Apakah pendekatan jangka panjang diambil bagi memperbaiki perkhidmatan sampah?

YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Terima kasih. Tuan Speaker, soalan Bangi adalah berkaitan dengan masalah sampah. Bangi ingin nak tahu sejauh manakah masalah sampah dapat diatasi dan juga benarkah berlaku sabotaj dan juga apakah pendekatan jangka panjang.

Tuan Speaker, kerajaan negeri melalui semua PBT , akan sentiasa menjalankan aktiviti pemantauan terhadap kerja-kerja kutipan sampah dan pembersihan awam. Talian bebas tol aduan sampah iaitu 1800882824 yang diselaraskan oleh Bahagian Korporat SUK Selangor membuktikan komitmen penuh kerajaan negeri untuk menyelesaikan segala aduan dengan kadar segera. Tindakan daripada beberapa pihak NGO seperti Yayasan Amal juga harus dipuji kerana terus membantu PBT dalam memantau kawasan setempat daripada sebarang aktiviti berunsur sabotaj sejak pengambilalihan penuh pada bulan Mac 2012 jumlah aduan didapati menunjukkan penurunan. Kerajaan negeri telah dimaklumkan oleh PBT bahawa terdapat unsur-unsur sabotaj, wujud pihak yang tidak bertanggungjawab, merancang untuk menggagalkan kerja-kerja kutipan sampah di Selangor dengan menghalang lori serta mengancam pekerja. Selain daripada itu tindakan melonggokkan sampah sejurus selepas kutipan rutin dilakukan oleh pihak kontraktor untuk tatapan media. Dan semua Datuk Bandar dan juga YDP, dan juga Pengarah dan kakitangan telah diminta untuk turun padang sendiri dan mereka pun telah berbuat demikian, dan nampaknya keadaan sudah jadi, sudah jadi orang putih kata normal. Kerajaan negeri melalui semua PBT telah mengambil pelbagai langkah bagi mengatasi masalah berkenaan seperti sentiasa mengadakan perjumpaan bersama dengan kontraktor agar dapat mengetahui masalah yang dihadapi. Oleh yang demikian, semua PBT harus sentiasa mengawasi perkhidmatan yang diberikan oleh semua kontraktor supaya menepati syarat yang telah ditetapkan semasa proses pelantikan dilakukan. Selain daripada ahli majlis dan yang diminta untuk membuat pemantauan setiap kawasan kutipan sampah dan pembersihan awam telah ada satu sistem di mana ada penyelia tertentu untuk membuat pemantauan dengan secara rapi. Selain daripada itu Kerajaan negeri melalui anak syarikat iaitu Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) telah membuat pembelian sebanyak 50 buah lori *compactor* untuk diagihkan kepada semua PBT dan kita ada rancangan, me..tambah lagi 50 lagi *compactor* yang baru ini adalah kerana kita mendapati *compactor* yang sedia ada itu banyaknya sudah usang, uzur dan sebagainya dan selalu rosak dan sebab itu kita ada ambil langkah ini. Selain daripada itu kita membenarkan dan menggalakkan semua PBT untuk menubuhkan *pack up team* ataupun pasukan *in-house* tetapi ini kita katakan tidak lebih daripada 15% kalau berbanding dengan keseluruhannya. Dan kita juga kerapkan kutipan sampah di kawasan pangsapuri kos rendah . ini adalah kerana kita mendapati di kawasan ini sampah memang banyak dan kita haruslah membuat setiap hari dan ini satu pendekatan yang baru dan kita teruskan zon bersih yang dianggap berjaya dan dengan semangat dan pendekatan yang baru, tahun ini kita melancarkan satu lagi konsep yang baru iaitu zon hijau dan bantuan akan diberikan kepada setiap PBT untuk mengenal pasti tempat yang sesuai untuk menjadi zon hijau di mana zon hijau pun merupakan satu kawasan yang zon bersih. Dan kita juga ada CSR , kita juga meminta syarikat-syarikat yang ingin memberi bantuan secara CSR, caranya termasuk memberi bantuan dari segi memberi tong sampah percuma

dan diedarkan kepada setiap keluarga dan juga kita ada gotong-royong bersama dengan syarikat-syarikat yang ingin mengadakan program CSR. Jadi dan kita juga menggalakkan setiap PBT untuk membuat tangkapan terhadap kutu sampah dan ini telah dilaksanakan di beberapa PBT termasuk MPK dan sebagainya. Jadi langkah-langkah yang saya sebut di atas telah bersama-sama membantu kita menangani ataupun menyelesaikan masalah sampah. Jadi kita rasa bangga kita boleh katakan hari ni kita telah menyelesaikan masalah sampah pada keseluruhannya. Selain daripada itu kita juga dapat menjimatkan banyak wang dan wang ini akan disalurkan balik untuk mempertingkatkan perkhidmatan kutipan sampah dan pembersihan awam. Memang masih ada masalah tetapi kita sentiasa mengalu-alukan orang awam juga mana-mana pihak untuk membuat aduan supaya kita membuat tindakan segera untuk mengatasinya. Sekian. Terima kasih.

YB TUAN LEE KIM SIN: Tuan Speaker, soalan tambahan.

YB PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Bangi.

YB TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR: Terima kasih Tuan Speaker. Kita berterima kasih kerana dari segi mengangkat sampah konvensional dari rumah ke rumah sudah berjalan dengan baik. Tetapi berkenaan dengan konsep Zon Bersih dan Zon Hijau, kita melihat lebih kepada, apa ni, bombastik, kata-kata sahaja kerana kalau kita lihat umpamanya sampah-sampah terutama di jalan-jalan, di pekan-pekan dan sebagainya, tidak ada yang bertanggungjawab untuk membersihkan di sini. Mengapa tidak diwujudkan pekerja khas yang bekerja membersihkan, menyapu kawasan-kawasan ini setiap hari. Yang kedua, tentang Zon Hijau, kita pun, saya nampak ini semacam kata-kata sahaja tetapi usaha untuk menghijaukan kawasan tidak dilakukan dengan sebetulnya. Saya ingat ADUN Bangi nampak, sebenarnya dari segi menghijaukan kawasan ini, perlu ada kecintaan dari kalangan pekerja yang mencintai keindahan, kehijauan itu baru ertinya bersungguh-sungguh dari segi kerja. Kalau tidak, kalau kita nak suruh Zon Hijau, dipanggil suruh ambil anak-anak pokok suruh tanam sahaja. Tidak ada ertinya suatu rangka pendekatan yang disusun bagi tiap-tiap kawasan itu umpamanya di mana perlu ditanam, di mana perlu dihijaukan dan sebagainya. Ertinya, perlu tiap-tiap..terutama PBT mewujudkan suatu rangka pendekatan kawasan-kawasan yang perlu dihijaukan supaya ia nampak cantik dan indah. Sekian.

YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Terima kasih. Tuan Speaker, Zon Bersih bukan kata-kata sahaja. Tahun ini kita sudah masuk tahun ke-3 dan tempat-tempat yang asalnya sangat kotor, sekarang sudah jadi tempat yang benar-benar bersih. Dan usaha ini diteruskan dengan semangat yang baru dan tahun ini pertandingan juga akan diadakan di antara semua PBT di mana juri-juri datang dari orang yang bebas, bukan

pegawai lagi. Dan untuk Zon Hijau, kita baru sahaja melancarkan, baru sahaja. Jadi kita belum boleh nampak apa-apa kesan lagi. Tetapi mana-mana konsep ataupun program kalau kita nak menjayakan, kita perlu kerjasama semua pihak, bukan sahaja pegawai, Ahli Majlis dan sebagainya. Orang setempat itu lebih penting kadang-kadang sebab mereka, kerjasama, memberi pendidikan kepada anak-anak muda kita dan sama-samalah kita menjaga. Tetapi ada satu isu kita mengaku memang berlaku iaitu selepas kontraktor-kontraktor membuat kerja masing-masing orang awam terus membuang sampah merata-rata. Jadi, ini satu perkara yang kita ingin kerjasama memerlukan kerjasama semua orang. Dan lagi satu, masih ada orang, dari kedai ke ataupun rumahnya, mereka masih belum tahu macam mana menguruskan sampah, maksud saya, sampah perlu dimasukkan dalam beg plastik sebelum masukkan tong sampah dan perlukan tong sampah. Tetapi nampaknya ada orang menabur sampah merata-rata sahaja jadi saya tau lah, ini perkara yang berlaku selama.. bukan senang ataupun *overnight* kita boleh mengatasi masalahnya, tetapi kita minta lah semua pihak termasuk penduduk-penduduk memberi kerjasama kepada kita semua dan kita akan terus mengadakan usaha-usaha yang baru, pendekatan yang baru supaya satu hari nanti Selangor boleh jadi negeri yang paling bersih di seluruh Malaysia. Sekian, terima kasih.

YB PUAN HAJAH HANIZA BT MOHAMED TALHA: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sungai Pelek

YB TUAN YAP EE WAH: Terima kasih, Tuan Speaker. Saya dapat jawapan daripada EXCO bahawa, 50 buah '*compacter*' sudah beli. Tapi, saya ingin nak tahu berapa harga sebuah *compacter* yang dibeli itu, nombor satu. Nombor dua, saya hairan dan pelik kenapa kontraktor yang dilantik oleh kerajaan, *compacter* yang ada sekarang usang, buruk sehingga menjejaskan prestasi untuk mengurus sampah. Cara macam mana untuk melantik kontraktor-kontraktor sampah sebelum diberikan kontrak itu. Saya rasa pelik sedikit dan duit ini untuk membeli *compacter* 50 buah ini, rasa saya adalah duit rakyat negeri.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, ini masa tanya soalan, bukan bagi pandangan.

YB TUAN YAP EE WAH: Ya.

TUAN SPEAKER: Saya tidak mahu lagi mengulangi ingatan saya berulang kali ya.

YB TUAN YAP EE WAH: Tak, maka soalan saya..

TUAN SPEAKER: Kita terus kepada soalan.

YB TUAN YAP EE WAH: Soalan saya, kenapa kontraktor yang *compacter* nya usang dan buruk boleh dapat kontrak?

TUAN SPEAKER: Bagus.

YB TUAN YAP EE WAH: Ok. Kemudian, nombor dua, berapakah harga satu *compact* yang kerajaan negeri sekarang beli, ok. *Thank you.*

YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, syarat untuk dilantikkan sebagai seorang kontraktor adalah termasuk kontraktor yang ada *compact* sendiri ataupun *compact* yang boleh menyewa *compact*. Ini memang satu pendekatan sejak zaman Alam Flora dan Alam Flora pada zaman itu, kita, kalau tak silap saya, pada zaman yang sepanjang 13 tahun itu, mereka jarang membeli *compact* yang baru untuk menggantikan yang lama. Jadi, selepas 13 tahun, jadi kebanyakan sudah jadi, sudah *compact* lamalah. Jadi, ini salah siapa? Tetapi yang penting kita mencari penyelesaian sebab itu kita membeli *compact* yang baru supaya dapat disewa kepada kontraktor yang perlukannya dengan harga yang berpatutan, bukan percuma, dan juga dialihkan kepada PBT-PBT yang ingin mengadakan pasukan *in-house* dengan cara itu kita dapat mempertingkatkan perkhidmatan bersama-sama. Ini caranya. Saya sudah banyak kali memberi penjelasan di sini. Saya tak..saya pun pelik mengapa sampai hari ini tak faham itu. Sebab, kalau *you* nak semua kontraktor mesti memiliki *compact*, tahu kah YB berapa harganya satu *compact* jadi, bukan satu cara yang betul lah. Jadi, sebab itu, kalau kita khaskan itu, mengapa zaman Alam Flora pun tak buat macam itu juga. Kalau kita had kan macam itu, maksudnya hanya orang yang sudah kaya barulah boleh jadi kontraktor. Betul tak? Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kajang

YB TUAN LEE KIM SIN: Terima kasih, Tuan Speaker. Kajang ingin bertanya dua soalan. Satu, apakah status implementasi 15% *in-house* pengurusan sisa pepejal oleh PBT, ya. Yang Kajang nampak di kawasan PBT Kajang, iaitu MPKJ, masih tidak ada implementasi seperti yang dijawab oleh EXCO pada sesi sidang yang lepas ya. Sehingga hari ini belum ada implementasi jadi apakah pelan implementasi. Kedua, masalah sampah yang masih tidak dapat diselesaikan kita nampak masalahnya adalah masalah dari segi pemantauan. Jadi sistem pemantauan di setiap PBT untuk memastikan kontraktor-kontraktor mengutip sampah mengikut jadual dan mengutip, buat kerja dengan selengkapnya ikut syarat yang ditentukan, apakah sistem ataupun cara pemantauan yang dijalankan. Apa yang kita nampak masih tidak diimplementasikan, masih ada masalah. Susulan daripada situ, soalnya, sampah pukal seperti sampah kebun dan juga sampah pukal sisa binaan tidak termasuk dalam kontrak-kontrak yang disyaratkan oleh kontraktor. Jadi apakah cara untuk mengatasi masalah ini. Sekian, terima kasih.

YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, kita kerajaan negeri telah memberi kebenaran kepada setiap PBT untuk mengadakan pasukan *in-house* tidak

lebih daripada 15% dan bukan semua, memang, bukan semua PBT telah dapat melaksanakan dengan segera tetapi PBT seperti MPK telah melaksanakan, kalau Kajang belum lagi melaksanakan, saya minta Kajang lah untuk buat kadar segera kerana kita nampak kebaikan, ada pasukan *in-house* tersendiri tetapi kita harus ingat kerajaan negeri Selangor termasuk PBT hanya secara penuhnya mengambil alih kerja ini dalam bulan Mac tahun ini. Jadi kita harus berilah masa yang cukup untuk semua PBT untuk melaksanakan. Dan memang untuk pemantauan, memang ada kelemahan sebab itu kita masih mencari cara yang .. dan juga pendekatan yang lebih baik, saya bagi contoh, di MBPJ mereka ada sistem pemantauan GPS di mana setiap *compactor* dipasang dengan satu *device*, dengan izin, dan kita tahu sekarang pukul berapa *compactor* itu berjalan, pukul berapa *compactor* itu matikan enjin, pukul berapa *compactor* ini telah..pekerjanya sudah pergi rehat. Sebab itu, kita telah meminta semua PBT di Klang *valley* untuk membuat sedemikian, seperti MBPJ baru-baru ini. Dan kita rasa, kita masih mencari sistem pemantauan yang lebih mantap, kalau ada, jadi kita akan teruskan usaha ini. Dan, memang, memang sisa pepejal di bawah PBT tetapi benda-benda yang lain macam *solid* sisa pepejal di kawasan perindustrian, dan juga untuk bangunan, *renovation* dan sebagainya tidak masuk PBT dan sebagainya tetapi kerajaan sudah sediakan ada tapak pelupusan untuk bahan-bahan seperti disebutkan tadi jadi, kalaulah kontraktor yang berkenaan menjalankan tugas dengan betul-betul, tak jadi masalah. Masalah sekarang ialah ada..masih ada pekerja ataupun '*tauke-tauke*' mengangkat sampah ini, mereka tidak mengikut peraturan. Mereka fikir kalau kita buang sampah di sini sana lebih menguntungkan. Itu satu sikap yang tidak betul lah. Sebab itu kita telah mencari, sedang berusaha mencari cara-cara macam mana kita dapat menangani masalah ini termasuk pasangankan CCTV seperti apa yang kita buat di MPK dan kita juga beri ganjaran kepada sesiapa yang memberi *information* kepada kita supaya kita boleh tangkap lori-lori ataupun orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Jadi ini kerja berterusan dan kita tidak dapat rehat. Setiap PBT, semua Datuk Bandar dan juga YDP sudah jadi '*tauke*' sampah, mereka terpaksa lah meneruskan kerja yang bukan senang ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

YB PUAN HAJAH HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Tuan Speaker, dikemukakan soalan 6.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: TANAH RIZAB MELAYU

6. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa luaskah tanah rizab Melayu di Selangor yang sudah bertukar status mengikut tahun bermula 1986 dan daerah? Nyatakan status baru tanah?

YAB DATO' MENTERI BESAR: *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum* WBT. Taman Medan meminta penjelasan tanah rizab Melayu. Sejak bermulanya dirizabkan pada tahun 1986. Sejumlah **383,457.34 ekar** ialah jumlah tanah rizab Melayu yang diwartakan.

Dari jumlah itu Sabak Bernam memiliki 172,823 ekar dan Petaling hanya 2,733 ekar dan dari jumlah ini keluasan yang telah dibatalkan sejak daripada tahun 1986 ia sejumlah 6,198.12 ekar dan diganti yang diganti sebab dibatalkan dan diganti ialah 2,945 ekar. Sejumlah 3,252 ekar yang belum diganti. Hulu Selangor terdapat 1,110 ekar yang rizab Melayu yang dibatalkan. Hulu Langat 633 ekar, Kuala Langat 4,415 ekar, Sabak Bernam 38.5 ekar dan pembatalan rizab ini tidak digalakkan sejak 2008 jadi oleh sebab itu kita tidak membenarkan pertukaran rizab kerana kita rasa jumlah ini mesti dipertahankan dan kedua ada juga permohonan yang untuk mengganti. Kita berpendapat kalau hendak ganti pun dia mestilah mempunyai nilai yang saksama. Kalau tanah di Petaling diganti dengan tanah di Sabak Bernam maknanya kita tak terima sebab itu tidak memberikan peluang untuk kita menentukan Tanah Rizab Melayu itu di tempat yang sesuai. Jadi semua data-data ini terdapat kita sudah kemaskinikan data-data ini terdapat dalam Sistem Selangor *Land Information System*, jadi kalau mana-mana ahli masyarakat nak bertanya tentang ini, pegawai boleh melihat melalui sistem *Land Information System* dan dia boleh dia dapat rekod-rekod tanah tersebut supaya tak ada masalah yang mereka tidak tahu tentang tanah-tanah tersebut ialah Tanah Rizab Melayu. Jadi sekarang tanggungjawab kerajaan negeri ialah mencari tanah-tanah yang kita juga ingin rizabkan semula sebab terdapat 3,252 ekar yang belum kita ganti lagi.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana sejak 2008 telah Pakatan Rakyat memerintah kita terus komited mempertahankan tanah rizab Melayu dalam konteks tanah rizab Melayu ini saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar berkaitan dengan tanah rizab Melayu yang dibuat penggantian seperti yang berlaku di Sekinchan tetapi telah dibuat penggantian, saya ucapkan terima kasih tetapi masih ada lagi satu perkampungan nelayan Bagan Nakhoda Omar, Bagan Nakhoda Omar di Sabak Bernam sebanyak lebih kurang hampir 200 rumah di situ duduk hampir 50 tahun di tanah rizab Melayu mereka telah meminta mengemukakan banyak kali untuk dibuat penggantian supaya tanah-tanah rumah-rumah perkampungan nelayan Cina di situ dapat memiliki satu hari nanti hak milik tanah

tetapi saya dimaklumkan baru-baru ini mereka kebetulan EXCO telah menolak cadangan penggantian tersebut saya minta apa alasan yang sebenarnya mengenai kemusykilan tersebut. Sekian, terima kasih.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Dato' Speaker, terima kasih Yang Berhormat Sekinchan. Satu perkara yang jelas iaitu seperti yang saya nyatakan tadi kerajaan negeri agak merasakan kepentingan rizab Melayu ini mesti dijaga bukan satu perkara yang boleh kita tukar. Walau bagaimanapun terdapat beberapa perkara yang tidak adil maknanya ada kawasan yang sudah diduduki oleh bukan kaum Melayu tetapi di rizabkan kawasan rizab Melayu, jadi itu yang menjadi masalah besar walaupun mereka boleh duduk tetapi mereka tidak boleh memiliki tanah dan jawapan kita ialah kita mesti sebelum bersetuju untuk melepaskan daripada warta pemilikan tanah rizab Melayu itu kita tidak boleh buat masa dulu kita boleh lepaskan sahaja lepas itu kita tak ada jawapannya jadi untuk kerajaan negeri sebelum kita bersetuju untuk oleh kerana atas dasar keadilan bersetuju untuk melepaskan tanah ini bukan lagi tanah rizab Melayu kita mesti ada cari tanah lain dan setiap jadi dengan secara telus bila kita lepaskan ini tanah ini sudah diwartakan jadi kedua-duanya mesti berlaku sekali. Jadi kita tidak hendak kita lepaskan ini lepas itu baru sibuk nak mencari dan itu sebab dan ke dua kita juga mesti cari tempat yang sama sesuailah kalau tidak letakkan dia di Bandar tetapi kita bagi tanah rizab Melayu di kampung maknanya itu tidak sesuai. Untuk perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekinchan kita sudah mula mengenal pasti tanah tersebut jadi tanah tersebut dan satu perkara yang jelas tanah tersebut pula bukan milik kerajaan jadi kita akan membuat dana untuk mengambil alih tanah tersebut baru kita jadikan rizab Melayu untuk menggantikan tanah yang diduduki oleh masyarakat yang sudah lama lebih daripada 45-50 tahun. Jadi ada keadilan untuk mengemas kini tetapi seperti yang saya nyatakan saya tegaskan kerajaan negeri tidak dengan senangnya akan menukar tanah-tanah rizab Melayu.

TUAN SPEAKER: Taman Templer.

YB DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan Speaker, soalan no. 7.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK: PERUNTUKAN KECEMASAN MENANGANI BENCANA ALAM

7. Sebagai sebuah kawasan tropika, negara kita sering mengalami hujan lebat di mana boleh berlakunya tanah runtuh atau tebing parit besar pecah yang

membahayakan orang ramai sebagaimana yang pernah berlaku di tebing parit besar Surau Mustaqim di Jalan 11 Selayang Baru.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Tindakan yang boleh dilakukan oleh mana-mana Wakil Rakyat di negeri Selangor untuk mendapatkan tindakan serta-merta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menangani masalah tersebut sebelum ianya menjadi lebih buruk?
- b) Berapakah jumlah peruntukan khusus kecemasan yang diberi kepada setiap PBT di Negeri Selangor sepanjang 2011-2012?
- c) Perancangan jangka sederhana dan jangka panjang kerajaan negeri Selangor dalam menambak baik sistem perparitan dan saliran di kawasan-kawasan yang dikenal pasti bermasalah khususnya di kawasan Selayang?

YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, soalan Taman Templer adalah berkaitan dengan peruntukan kecemasan menangani bencana alam dan bagaimana tindakan yang boleh dilakukan oleh mana-mana Wakil Rakyat. Tuan Speaker sebenarnya bencana alam dari segi peraturan adalah diketuai ataupun ditangani oleh Pejabat Daerah dan Tanah tetapi PBT juga ada memainkan peranan yang penting. Mana-mana wakil Rakyat yang berkenaan boleh berhubung terus dengan Pihak Majlis bagi memaklumkan masalah ataupun isu berkenaan bagi membolehkan Pihak Majlis mengambil tindakan sewajarnya. Contohnya Majlis Perbandaran Klang telah menubuhkan *Smart Service Squad* itu 3S dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menubuhkan Pasukan Gerakan Bencana beroperasi 24 jam dan Majlis Perbandaran Subang Jaya telah menyediakan talian aduan ataupun *hotline* sebagai saluran penting penerimaan aduan berkaitan perkhidmatan mahupun aduan kecemasan bencana dan talian ini beroperasi 24 jam. Setakat ini sekiranya berlaku sebarang kejadian bencana alam tindakan seperti berikut akan diambil :-

- 1) Menghantar unit *Task Force* bagi memberikan bantuan awalan seperti memindahkan mangsa, membersihkan halangan serta mengawal keselamatan kawasan bencana.
- 2) Pihak Jabatan Kejuruteraan akan turun bagi menilai kos yang diperlukan bagi memperbaiki kerosakan akibat bencana alam.
- 3) Pihak Majlis akan menggunakan peruntukan khas kecemasan yang diperuntukkan dan sekiranya tidak mencukupi Pihak Majlis akan memohon peruntukan khas kepada kerajaan negeri ataupun persekutuan. Yang Berhormat

Taman Templer ingin tahu berapa jumlah peruntukan pada tahun 2011 dan tahun 2012. Saya satu-satu saya akan membacakan. MBSA kedua-dua tahun tidak ada, MBPJ tiada, MPK tahun 2011 tak ada tetapi 2012 kerajaan negeri telah memberi selebih daripada 5 juta selepas bencana alam selepas banjir berlaku di kawasan Klang dan selain daripada itu kerajaan telah memberikan sumbangan khas kepada setiap keluarga yang diadakan banjir. Untuk MPAJ tahun 2011 sebanyak 1.4 juta apabila ada bencana alam di kawasan Ampang tetapi tahun ini tidak ada dan permohonan ini di bawah peruntukan Kerajaan Negeri melalui Pejabat Kewangan Negeri dan UPEN untuk membaik pulih kawasan. Untuk MPSJ tiada tetapi MPSJ ada peruntukan khusus kecemasan di bawah Amanah Tabung Bencana Khas Negeri disalurkan ke Tabung Bencana Daerah melalui Pejabat Tanah dan Daerah. MPS tahun 2011 kita telah membelanjakan sebanyak 40,000 dan tahun ini 100,000. Untuk MPKJ tahun 2011 sebanyak 3,000,000 dan tahun ini pun sebanyak 3,000,000, MP Sepang tak ada, MDKL tak ada, MDHS pun tidak ada, untuk MDKS Kuala Selangor tahun 2011 tiada tetapi tahun ini ada sebanyak 19,000 dan untuk MDSp setakat ini belum ada lagi. Jadi mengurangkan kejadian banjir kilat di dalam kawasan Majlis Perbandaran Selayang JPS telah menaik taraf anak sungai yang mengalir dari Bukit Botak sehingga ke sungai Kampung Selayang Pandang dengan menelan belanja sebanyak 2.8 juta, 2.8 million. Dengan adanya projek tersebut kejadian banjir dapat dikurangkan terutama di jalan 27 Bandar Baru Selayang yang terdiri daripada kawasan perumahan dan perniagaan. Baru-baru ini pihak negeri telah mewujudkan satu projek baru, pelaksanaan Selangorku di bawah program infrastruktur dari Kampung Selayang Pandang sehingga ke kolam air panas iaitu Sungai Jinjang. Cadangan kerja telah dikemukakan kepada Bahagian MASMA Negeri Selangor pada 21hb Jun tahun ini. Terima kasih.

YB DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Ya Taman Templer.

YB DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Terima kasih Tuan Speaker. Saya ucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat atas jawapan yang diberikan. Hanya sebelum saya bertanyakan soalan saya hendak bagi tahun tentang peruntukan 2.7 permintaan yang dibuat pada tahun 2007 masa kerajaan dulu dan diguna pakai untuk membuat longkang. Apa pun terima kasih. Soalan saya kepada Yang Berhormat apa ini EXCO tentang peruntukan yang diperuntukkan contohnya satu malapetaka yang berlaku di sebuah surau di Jalan Selayang Baru yang bernama Surau Mustaqim di mana oleh sebab sungai atau longkang di sebelah dengan surau tersebut begitu lama tidak dijaga dan juga kerana banjir selalu berlaku maka runtuhnya tembok di surau tersebut masa bulan Ramadhan tahun lepas maka saya pun telah turun dan Yang Di Pertua MPS pun telah turun untuk melihat keadaan di situ. Hanya sayangnya apabila dimohon peruntukan maka disebutkan kata peruntukan tak ada jadi soalan saya adalah kalau YB bukankah peruntukan itu diletakkan bukan dipohon hanya bila berlaku dan sehingga ke

hari ini masih tidak ada apa-apa peruntukan yang diturunkan untuk membantu malapetaka tersebut. Jadi soalan saya ada tak permintaan daripada pihak Majlis Perbandaran Selayang untuk membantu memberikan peruntukan untuk membantu membaik pulih peruntukan tersebut. Terima kasih.

YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, oleh kerana ini adalah satu perkara-perkara yang spesifik saya akan mengkajilah selepas mendapat laporan daripada di Selayang MPS daripada YDP Selayang sendiri dan kita akan kaji dan kita akan tengok macam mana kita boleh dapat bersama-sama mengatasi masalah itu, Surau Mustaqim ya. Okey terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sementa.

YB DATO' HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI PALIL: Dato' Speaker, soalan no. 8.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI PALIL
(SEMENTA)**

TAJUK: PEMBANGUNAN SEMULA SUNGAI KLANG

8. Pada 2009 kerajaan negeri pernah mencanangkan cadangan projek Pembangunan Semula Sungai Klang bernilai berbilion ringgit.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Setelah tiga tahun berlalu, apakah perkembangan projek tersebut yang boleh dibanggakan?
- b) Siapakah pihak yang terlibat sebagai pelabur dan kontraktor projek tersebut?
- c) Apakah projek ini menghadapi sebarang masalah yang menghalang pelaksanaannya?

YAB DATO' MENTERI BESAR: Dato' Speaker, YB Sementa menanyakan tentang perkembangan pembangunan projek pembersihan dan pembangunan semula Sungai Klang. Jadi untuk makluman Dewan, satu *Task Force* atau pun Jawatankuasa Pemandu yang telah ditubuhkan di bawah jagaan Kumpulan Darul Ehsan Berhad yang dipengerusikan oleh Yang Mulia, Raja Ideris untuk program pelaksanaan. Visi dan misi pemeliharaan Sungai Klang sudah jelas tapi ini masuk dalam projek apa yang dipanggil projek pelaksanaan. Pelaksanaan projek ini adalah berasaskan kepada satu konsep iaitu *Public Private Sector Partnership*. Maknanya dan pembiayaannya dibuat melalui

konsep *Private Finance Initiative*. Maknanya pembiayaan perbelanjaan itu dilakukan melalui bukan daripada kerajaan tetapi daripada pihak swasta. Jadi oleh sebab itulah kita meminta *Task Force* ini membuat penilaian, oleh kerana kita terdapat begitu ramai orang yang meminta untuk menyertai program ini tapi kita takut orang yang menyertai ini boleh jadi tidak mempunyai keupayaan, boleh jadi kepakaran yang cukup. Jadi oleh sebab itu, kita mengambil masa untuk melihat sebab apabila kita meterikan perjanjian, bererti projek ini adalah di bawah kuasa mereka sekurang-kurangnya 15 ke 20 tahun. Sebab dia mesti ada konsep yang memberikan peluang untuk mereka membuat pembangunan dan mendapat hasil daripada pembangunan tersebut selain daripada pembersihan sungai yang mereka lakukan. Buat masa ini, KDEB telah mengadakan perbincangan antara kumpulan yang dikenal pasti, yang sepatutnya perjanjian itu ataupun persefahaman itu dibuat bulan lepas tetapi terdapat beberapa perkara yang kerajaan negeri agak khuatir sebab klausa-klausa dalam perjanjian itu tidak memberikan satu perkara yang jelas. Saya dapati perjanjian-perjanjian kerajaan negeri apabila dilakukan, mereka tidak membaca dengan terperinci, apa yang dipanggil *the exit clause*. *Exit clause* itu, kalau kita tidak betul-betul rangkakan, nanti bebannya akan pergi kepada kerajaan negeri. Itu sebab saya minta supaya kita kaji semula dan syarikatnya yang kita telah umumkan ialah China Construction Engineering Corporation daripada Kuala Lumpur ke kuala sungai di Klang, bukan daripada Ampangan ke Kuala Lumpur iaitu bahagian atas sebelum Kuala Lumpur. Itu tidak kita masukkan dalam perjanjian ini sebab ada kumpulan lain yang bersedia untuk melaksanakannya. Jadi buat masa ini, China Construction Engineering dalam proses perbincangan terperinci mengenai perjanjian. Itu sebab dia agak lambat. Pada saya biar lambat tetapi mesti mantap perjanjiannya. Saya dapati perjanjian-perjanjian yang lepas tidak begitu terperinci terutama apabila kita buat perjanjian dengan syarikat-syarikat antarabangsa adalah baik untuk kita memahami risiko-risiko yang kita hendak janjikan.

Lagi satu saya ingat, YB Sementa sudah mula melihat, saya harap. Satu usaha telah dilakukan untuk menunjukkan program pembinaan pusat budaya yang telah kita pameran di Klang, baru-baru ini. Itu merupakan beberapa rangka cadangan yang kita lakukan supaya pembinaan di Sungai Klang ini akan bukan sahaja membawa pembangunan tetapi juga meningkatkan keadaan, kualiti pembangunan di Klang. Jadi itu sebab kita adakan satu pameran untuk mempamerkan cadangan-cadangan pembinaan Pusat Budaya kaum Melayu, kaum Tionghoa dan kaum India. Jadi jawapan saya ialah kita sudah dalam proses pelaksanaan dan kita jangkakan perjanjian akan selesai dan apabila dia selesai, pelaksanaan dilakukan. Kita juga perlu memantau tentang pelaksanaan yang dilakukan di Kuala Lumpur sendiri. Kuala Lumpur ada juga program pemulihan Sungai Klang dan kita mesti juga menentukan perjanjian kita dengan dibuat oleh kerajaan persekutuan untuk Kuala Lumpur supaya tidak bertindih kerana kita dapati air dari Kuala Lumpur akan mengalir ke Klang dan kita juga mesti

tentukan bahawa ianya mestilah dalam keadaan yang baik sebelum kita menerimanya. Terima kasih.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Soalan?

TUAN SPEAKER: Ya, Hulu Kelang.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Ya, soalan tambahan saya, apakah status projek ini dari Ampangan ke kawasan Ampang memandangkan kerja-kerja *River Of Life*, Kerajaan Pusat sedang berjalan lancar?

YAB DATO' MENTERI BESAR: Statusnya, satu cadangan dibuat oleh satu kumpulan untuk mencantumkan *River Of Life* Kuala Lumpur dengan yang daripada Ampangan ke Ampang, kawasan tersebut. Jadi kita telah minta mereka adakan perbincangan supaya mereka yang jelas kerajaan persekutuan juga membuat peruntukan supaya membersihkan sungai-sungai sebelum sampai ke Kuala Lumpur. Saya bersetuju tentang perkara itu sebab ini dibiayai oleh kita semua iaitu pembayar cukai tetapi saya nak tengok sama ada dia dapat disesuaikan dengan satu cadangan dari satu kumpulan yang kita sudah pilih dulu supaya pelaksanaannya dapat dilakukan dengan teratur. Jadi itu yang saya hendak lakukan sebab pembangunan sungai, saya nak jelaskan di sini sebab pembangunan sungai tidak boleh dibuat dalam satu kawasan sahaja. Pembangunan sungai mesti dilihat daripada *the source* sampai ke sungai. Jadi maknanya bukan katalah 10 ekar tetapi ia untuk sungai daripada Ampangan *damp* itu ke Kuala Lumpur ialah 40 kilometer. Jadi kita kena buat perancangan untuk 40 kilometer daripada Kuala Lumpur lebih kurang 40 kilometer. Daripada Kuala Lumpur ke kuala sungai di Pelabuhan Klang juga 40 kilometer. Kesemuanya mesti dibuat secara keseluruhannya. Itu sebab ia agak terpaksa ada perbincangan yang *detail. Engineering diagram and process* yang terperinci. Tapi saya berharap perkara ini akan dapat selesai cepat sebab kedua-dua, *that means river of ride* program dengan kawasan di Ampang itu dapat disamakan masa pembangunannya.

TUAN SPEAKER: Sungai Pelek.

YB TUAN YAP EE WAH: Tuan Speaker, soalan no. 9.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: PROJEK YANG DI BAWAH JAGAAN Pengerusi Jawatankuasa
TETAP PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU**

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah jumlah projek yang telah dilaksanakan semenjak 2011 sehingga hari ini di DUN Sungai Pelek?
- b) Sila bekalkan senarai terperinci mengikut projek dan kos perbelanjaan setiap projek serta nama-nama kontrak?
- c) Berapakah harga projek gerbang pintu Kampung Baru Sepang dan siapakah kontraktornya serta perbelanjaan untuk majlis perasmian gerbang pintu tersebut?

YB TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, terima kasih, Sungai Pelek. Jumlah projek yang telah dilaksanakan semenjak tahun 2011 sehingga ke hari ini di DUN Sungai Pelek dengan menggunakan peruntukan pembangunan Kampung Baru adalah sebanyak dua projek. Maklumat berkaitan projek tersebut adalah seperti berikut :-

Bil.	Projek	Jumlah	Kontraktor
1.	Membaik pulih Balai Raya Pekan Salak dan kerja berkaitan di Kampung Baru Salak.	RM139,000.00	Izat Maju
2.	Membina sebuah pintu gerbang di Kampung Baru Sepang Jaya	RM28,850.00	Pemborong Binaan Nizam

Kos perbelanjaan untuk Majlis Perasmian Pintu Gerbang Kampung Baru Sepang Jaya adalah sebanyak RM220.00 di bawah peruntukan JKKK Sepang Jaya. Sekian.

TUAN SPEAKER: Rawang.

YB PUAN GAN PEI NEI: Tuan Speaker, soalan no. 10.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK: INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI NEGERI SELANGOR

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Senaraikan institusi pengajian tinggi yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor mengikut peratusan milikan.
- b) Senaraikan aset-aset yang dimiliki oleh institusi-institusi pengajian tinggi milik Kerajaan Negeri Selangor.
- c) Adakah kerajaan negeri Selangor akan teruskan dasar untuk jualkan tanah UNISEL bagi membiayai pinjaman PTPTN untuk mahasiswa-mahasiswa UNISEL?

YB PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Tuan Speaker, terima kasih kepada Rawang. Rawang mahu senarai institusi pengajian tinggi yang dimiliki oleh kerajaan negeri Selangor mengikut peratusan milikan :-

- i. UNISEL 100% milikan kerajaan negeri Selangor.
- ii. Kolej INSPEN 100%.
- iii. KUIS adalah di bawah Majlis Agama Islam Negeri Selangor.

Dan aset-aset yang dimiliki oleh institusi pengajian tinggi ini ialah INSPEN ada 10 ekar tanah dan nilai asetnya sebanyak RM43 juta. UNISEL di bawah PIYSB atau Pendidikan Industri Yayasan Selangor Berhad. Kampus Bestari Jaya UNISEL sebanyak 1002 ekar tanah. Dibangunkan 572 ekar, mengandungi 10 buah bangunan utama dan 44 buah bangunan asrama dan fasiliti yang lain dan ada sebanyak 430 ekar belum dibangunkan lagi. Di samping itu, UNISEL ada mempunyai 50 ekar tanah di Dengkil, Sepang. Rumah di Taman Ilmu, Bestari Jaya yang bernilai RM70 juta, ada 100 unit rumah bersama dengan rumah kedai. Rumah 2 tingkat di Kota Puteri, Ijok sebanyak 100 unit yakni RM30 juta. Rumah di Taman Ilmu, Bestari Jaya sebanyak 17 unit rumah 2 tingkat yang bernilai RM3.5 juta.

Soalan yang ketiga adalah adakah kerajaan negeri Selangor akan teruskan dasar untuk jualkan tanah UNISEL bagi membiayai pinjaman PTPTN untuk mahasiswa-mahasiswa UNISEL? Jawapannya ialah kerajaan negeri Selangor tidak perlu menjualkan tanah UNISEL bagi membiayai pinjaman PTPTN untuk mahasiswa-mahasiswa UNISEL kerana PTPTN telah pun diteruskan semula. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku.

YB TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan saya yang ke 11.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : INDUSTRI PELANCONGAN DI PULAU KETAM DAN KAWASAN PERSISIRAN PANTAI SELANGOR

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah rancangan kerajaan untuk memajukan industri pelancongan di Pulau Ketam dan kawasan persisiran pantai Selangor memandangkan kawasan-kawasan ini mempunyai potensi yang sangat besar untuk dibangunkan sebagai destinasi pelancongan tersohor di seluruh dunia?

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Tuan Speaker, dalam Rancangan Tempatan Klang 2002 sehingga 2015 telah merangka dan mencadangkan pulau-pulau di kawasan Klang sebagai destinasi pelancongan yang berunsurkan elemen semula jadi seperti program pemuliharaan hutan paya bakau dan program penyelidikan hidupan laut. Bagi Pulau Ketam, kerajaan negeri melalui pihak Majlis Perbandaran Klang (MPK) telah merancang untuk menjadikan Pulau Ketam sebagai pusat makanan laut yang tersohor dan menjadikan aset-aset sedia ada sebagai pemangkin kepada pembangunan bagi menarik minat kehadiran lebih ramai pengunjung. Justeru itu, perancangan jangka pendek dan panjang telah dibentuk seperti cadangan untuk menaik taraf infrastruktur di kawasan tersebut, rumah penginapan dan juga kemudahan asas. Khususnya yang melibatkan kemudahan utiliti, sistem kumbahan, sistem komunikasi dan sebagainya. Malah terdapat cadangan untuk mewujudkan program *Homestay* di kawasan Pulau Ketam dan juga di kawasan persekitarannya untuk menjadikan *Homestay* Kampung Baru Cina pertama di negeri Selangor. Namun begitu, cadangan ini perlu diteliti dan dikaji terlebih dahulu terutamanya dengan mengambil kira kemudahan dan juga aset-aset sedia ada untuk membentuk satu program *Homestay* yang benar-benar berkesan dan mampu menarik minat pengunjung. Bagi kawasan persisiran pantai di Selangor, Kerajaan Negeri melalui semua Pihak Berkuasa Tempatan dan juga Persatuan-persatuan, NGO-NGO telah memainkan peranan yang cukup baik. Sebagai contoh, melalui pihak Majlis Perbandaran Sepang. Pelbagai program telah disusun dan dilaksanakan. Antaranya, ialah melalui penyelenggaraan secara berkala dari segi infrastruktur awam. Selain daripada itu, kerja-kerja pembersihan awam di persekitaran pantai melalui kontraktor yang di lantik juga dilaksanakan secara berjadual. Tidak ketinggalan pelaksanaan aktiviti-aktiviti promosi seperti penganjuran larian Pantai Bagan Lalang yang dianjurkan setiap 2 tahun sekali bagi mempromosikan keunikan dan juga keindahan pantai.

Selain daripada itu, kerajaan negeri Selangor melalui UPEN telah menyalurkan peruntukan bagi membaik pulih dan juga menaik taraf kemudahan-kemudahan tersebut. Di daerah Kuala Langat tahun ini, baru-baru ini kita telah adakan program untuk melawat Kuala Langat *The month to promote Kuala Langat'* dan pada bulan

tersebut memang terdapat pelbagai program-program pada masa yang sama kita juga telah menyalurkan untuk tahun ini satu peruntukan khas untuk daerah Kuala Langat melalui Majlis Daerah Kuala Langat untuk menaik taraf juga beberapa tapak-tapak pelancongan. Bagi Sabak Bernam pula, pihak Majlis Daerah Sabak Bernam telah mengadakan kerjasama dengan pihak Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dengan mewujudkan pelan pengurusan bersepadu pantai (ICM) dalam melaksanakan pelan pengezonan pantai. Ia sebagai langkah memaju dan melaksanakan aktiviti yang bersesuaian di kawasan persisiran pantai di daerah Sabak Bernam. Melalui Tourism Selangor pula, promosi-promosi dalam dan luar negara terhadap produk-produk pelancongan sedia ada di kawasan persisiran pantai Selangor sentiasa diberi perhatian. Produk-produk seperti Golden Palm Tree di Sepang Goldcoast, Morib dan juga Kelong Paradise, Sabak Bernam menjadi antara produk yang menjadikan pilihan pelancong tempatan dan asing. Promosi-promosi ini meliputi penyertaan dalam pameran pelancongan penerbitan risalah, VCD terbitan, pengiklanan di majalah dan juga pelaksanaan dan penganjuran acara-acara pelancongan. Malah produk seperti Golden Palm Tree telah terpilih menjadi salah satu daripada ikon pelancongan bagi negeri Selangor dan Kelong Paradise menjadi kelong terbesar di rantau Asia dan menjadi pilihan pemancing dari seluruh negara. Beberapa kawasan di persisiran pantai Selangor juga berpotensi dimajukan sebagai antara lokasi riadah keluarga. Lokasi seperti Pantai Batu 23, Sungai Nibong dan Bagan Nakhoda Omar di Sabak Bernam, Pantai Remis di Kuala Selangor, Morib dan Pantai Kelanang di Kuala Langat merupakan di antara lokasi-lokasi pilihan orang ramai. Kerajaan negeri melalui UPEN dan juga PBT telah melaksanakan penambahbaikan kemudahan-kemudahan seperti gerai, wakaf padang, taman permainan, lampu jalan, landskap dan pelbagai lagi penambahbaikan infrastruktur di beberapa lokasi seperti di Pantai Remis dan juga Pantai Bagan Nakhoda Omar.

YB TUAN LAU WENG SAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sesi pertanyaan sudah tamat. Dengan itu, saya menangguhkan sesi pertanyaan dan untuk urusan seterusnya. Silakan.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya, Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2012 semua peringkat. Rang Undang-undang ini bernama 1 Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perkhidmatan bagi tahun 2012 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

YAB DATO' MENTERI BESAR: *Bismillahir Rahmanir Rahim*, Dato' Speaker. Dato' Speaker oleh sebab Rang Undang-undang ini perlu dan mustahak diluluskan pada hari

ini juga. Saya mencadangkan di bawah peraturan tetap 78, supaya ditangguhkan peraturan tetap 48 dan 53 bagi membolehkan Rang Undang-undang ini dibacakan pada semua peringkat dan seterusnya diluluskan.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Dato' Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Tujuan Rang Undang-undang ini adalah untuk memberikan kuasa '*Statutory*' bagi bayaran tambahan terutama dibuat untuk perkhidmatan negeri tahun 2012 yang telah tidak diperuntukkan dalam undang-undang yang sedia ada. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya meneruskan ucapan terdapat pindaan kepada pecahan kepada B06 – Caruman Kumpulan Wang Pembangunan Negeri dari RM11,920,420.00 kepada RM40,420,420.00. Menjadikan jumlah Enakmen Pembekalan Tambahan No.1/2012 sebanyak RM120,115,327.23. Melalui Enakmen Pembekalan 2012. 2011 yang telah diluluskan pada 9 hari bulan November 2011. Sejumlah RM1600 juta telah diperuntukkan bagi perbelanjaan perkhidmatan negeri. Berpandukan anggaran perbelanjaan sehingga Disember tahun 2012. Terdapat kekurangan sebanyak RM120,115,327.23, sehubungan itu peruntukkan tambahan sebanyak RM120,115,327.23 adalah diperlukan bagi menampung kekurangan tersebut.

Peruntukan tambahan ini diperlukan oleh Jabatan-jabatan seperti berikut :

- a. B01 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan sebanyak RM3,325,312.45.
- b. Dewan Negeri Selangor sebanyak RM259,386.36.
- c. Perbendaharaan Negeri sebanyak RM11,007,368.47.
- d. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor sebanyak RM82,481.69
- e. Jabatan Pertanian Negeri Selangor sebanyak RM1,496,775.70.
- f. B09 Pejabat Tanah dan Galian Selangor sebanyak RM1,844,157.58.
- g. B10 Jabatan Perhutanan Negeri Selangor sebanyak RM1,921,440.67.
- h. Pejabat Mufti sebanyak RM258,262.45.

- i. Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor sebanyak RM8,030,502.92.
- j. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor sebanyak RM4,746,032.05.
- k. Jabatan Agama Islam sebanyak RM15,550,833.05.
- l. Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak RM438,273.47.
- m. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa sebanyak RM648,451,40.
- n. B17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar sebanyak RM1,036,087.44.
- o. Pejabat Daerah B18 Pejabat Daerah dan Tanah Petaling sebanyak RM1,019,543.79.
- p. B19 Pejabat Daerah dan Tanah Gombak sebanyak RM987,623.06.
- q. B 20 Pejabat Daerah dan Tanah Klang sebanyak RM1,092,032.73.
- r. B21 Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat sebanyak RM1,038,682.96.
- s. B22 Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat sebanyak RM1,018,008.64.
- t. B23 Pejabat Daerah dan Tanah Sepang sebanyak RM744,305.72.
- u. B24 Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor sebanyak RM1,148,178.06.
- v. B25 Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor sebanyak RM1,081,886.51.
- w. B26 Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam sebanyak RM1,043,969.73.
- x. B29 Perbendaharaan – Perbelanjaan Am sebanyak RM18,155,122.00
- y. B06 Caruman kumpulan wang pembangunan negeri Selangor sebanyak RM40,420,420.00.

Tuan Speaker, dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Peruntukkan tambahan bagi maksud bekalan B01 – Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri sebanyak RM3,259,312.45 adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan kenaikan gaji kakitangan penjawat awam sebanyak 13% berdasarkan gaji Sistem Saraan Malaysia

(SSM) dengan kenaikan gaji tahunan dan antara RM80.00 - RM320.00 serta kenaikan kadar bantuan sara hidup atau dikenali sebagai (COLA).

Bagi maksud bekalan B03 – Dewan Negeri Selangor sebanyak RM259,386.36 adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan kenaikan gaji kakitangan penjawat awam sebanyak 13% berdasarkan gaji Sistem Saraan Malaysia dengan kenaikan gaji tahunan antara RM80.00 RM320.00 serta kenaikan kadar bantuan sara hidup.

Bagi maksud Bekalan B.04 – Perbendaharaan Negeri Selangor sebanyak RM11,703,068.47 sen adalah diperlukan bagi perbelanjaan seperti berikut:-

1. Sebanyak RM1,103,068.47 sen adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan kenaikan gaji kakitangan penjawat awam sebanyak 13% berdasarkan gaji Sistem Saraan Malaysia dengan kenaikan gaji tahunan antara RM80.00 ke RM320.00 serta kenaikan kadar bantuan sara hidup;
2. RM6 juta 600 ribu adalah dikehendaki bagi menampung perbelanjaan yang telah digunakan untuk tabung bencana negeri;
3. Sebanyak RM4 juta diperlukan untuk tabung bencana negeri selaras dengan arahan amanah bagi kenaikan kadar bantuan dari RM300.00 ke RM500.00 seorang.

Tujuh. Bagi maksud Bekalan B.07 – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor sebanyak RM82,481.69 sen adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan kenaikan gaji kakitangan penjawat awam sebanyak 13% berdasarkan Sistem Saraan Malaysia dan dengan kenaikan gaji tahunan antara RM80.00 hingga RM320.00 serta kenaikan kadar bantuan sara hidup.

Bagi maksud B.08 – Jabatan Pertanian Negeri Selangor sebanyak RM1,496,775.70 sen adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan kenaikan gaji kakitangan penjawat awam sebanyak 13% berdasarkan gaji Sistem Saraan Malaysia dengan kenaikan gaji tahunan antara RM80.00 hingga RM320.00 serta kenaikan kadar bantuan sara hidup.

Bagi maksud B.09 – Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor sebanyak RM1,844,157.58 sen adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan kenaikan gaji kakitangan penjawat awam sebanyak 13% berdasarkan gaji Sistem Saraan Malaysia dengan kenaikan gaji tahunan antara RM80.00 hingga RM320.00 serta kenaikan kadar bantuan sara hidup.

Bagi maksud Bekalan B.10 – Jabatan Perhutanan Negeri Selangor RM1,921,440.67 sen adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan kenaikan gaji kakitangan penjawat awam sebanyak 13% berdasarkan gaji Sistem Saraan Malaysia dengan

kenaikan gaji tahunan antara RM80.00 ke RM320.00 serta kenaikan kadar bantuan sara hidup.

Sebelas, bagi maksud Bekalan B.11 – Pejabat Mufti Negeri Selangor sebanyak RM258,262.45 sen adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan kenaikan gaji kakitangan penjawat awam sebanyak 13% berdasarkan gaji Sistem Saraan Malaysia (SSM) dengan kenaikan gaji tahunan antara RM80.00 hingga RM320.00 serta kenaikan kadar bantuan sara hidup.

Bagi maksud B.12 – Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor sebanyak RM8,320,502.92 sen adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan kenaikan gaji kakitangan penjawat awam sebanyak 13% berdasarkan gaji Sistem Saraan Malaysia (SSM) dengan kenaikan gaji tahunan antara RM80.00 hingga RM320.00 serta kenaikan kadar bantuan sara hidup.

Bagi maksud B.13 – Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor sebanyak RM4,748,032.05 sen dikehendaki untuk menampung perbelanjaan kenaikan gaji kakitangan penjawat awam sebanyak 13% berdasarkan gaji Sistem Saraan Malaysia dengan kenaikan gaji tahunan antara RM80.00 hingga RM320.00 serta kenaikan kadar bantuan sara hidup (COLA).

Empat Belas. Bagi maksud Bekalan B.14 – Jabatan Agama Islam Selangor sebanyak RM15,550,833.05 sen adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan kenaikan gaji kakitangan penjawat awam sebanyak 13% berdasarkan gaji Sistem Saraan Malaysia dengan kenaikan gaji tahunan antara RM80.00 hingga RM320.00 serta kenaikan kadar bantuan sara hidup.

Lima Belas. Bagi maksud Bekalan B.15 – Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak RM438,073.47 sen adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan kenaikan gaji kakitangan penjawat awam sebanyak 13% berdasarkan gaji Sistem Saraan Malaysia dengan kenaikan gaji tahunan antara RM80.00 hingga RM320.00 serta kenaikan kadar bantuan sara hidup.

Bagi maksud Bekalan B.16 – Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor sebanyak RM648,451.40 sen adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan kenaikan gaji kakitangan penjawat awam sebanyak 13% berdasarkan gaji Sistem Saraan Malaysia dengan kenaikan gaji tahunan antara RM80.00 hingga RM320.00 serta kenaikan kadar bantuan sara hidup.

Bagi maksud Bekalan B.17 – Jabatan Perkhidmatan Veterinar sebanyak RM1,039,087.44 sen adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan kenaikan gaji kakitangan penjawat awam sebanyak 13% berdasarkan gaji Sistem Saraan Malaysia

dengan kenaikan gaji tahunan antara RM80.00 hingga RM320.00 serta kenaikan kadar bantuan sara hidup.

Bagi maksud Bekalan B.18 – Pejabat Daerah dan Tanah Petaling sebanyak RM1,019,543.79 sen adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan kenaikan gaji kakitangan penjawat awam sebanyak 13% berdasarkan gaji Sistem Saraan Malaysia dengan kenaikan gaji tahunan antara RM80.00 hingga RM320.00 serta kenaikan kadar bantuan sara hidup.

Sembilan Belas, bagi maksud Bekalan B. 19 – Pejabat Daerah dan Tanah Gombak sebanyak RM987,623.06 sen adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan kenaikan gaji kakitangan penjawat awam sebanyak 13% berdasarkan gaji Sistem Saraan Malaysia dengan kenaikan gaji tahunan antara RM80.00 hingga RM320.00 serta kenaikan kadar bantuan sara hidup.

Bagi maksud Bekalan B.20 – Pejabat Daerah dan Tanah Klang sebanyak RM1,092,032.73 sen adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan kenaikan gaji kakitangan penjawat awam sehingga 13% berdasarkan gaji Sistem Saraan Malaysia dengan kenaikan gaji tahunan antara RM80.00 hingga RM320.00 serta kenaikan kadar bantuan sara hidup.

Bagi maksud Bekalan B.21 – Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat sebanyak RM 1,038,682.96 sen adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan kenaikan gaji kakitangan penjawat awam sebanyak 13% berdasarkan gaji Sistem Saraan Malaysia dengan kenaikan gaji tahunan antara RM80.00 hingga RM320.00 serta kenaikan kadar bantuan sara hidup.

Bagi maksud Bekalan B.22 – Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat sebanyak RM 1,018,864.00 sen adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan kenaikan gaji kakitangan penjawat awam sebanyak 13% berdasarkan gaji Sistem Saraan Malaysia dengan kenaikan gaji tahunan antara RM80.00 hingga RM320.00 serta kenaikan kadar bantuan sara hidup.

Bagi maksud Bekalan B.23 – Pejabat Daerah dan Tanah Sepang sebanyak RM744,305.72 sen adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan kenaikan gaji kakitangan penjawat awam sebanyak 13% berdasarkan gaji Sistem Saraan Malaysia dengan kenaikan gaji tahunan antara RM80.00 hingga RM320.00 serta kenaikan kadar bantuan sara hidup.

Bagi maksud Bekalan B. 24 – Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor sebanyak RM1,148,178.06 sen adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan kenaikan gaji kakitangan penjawat awam sebanyak 13% berdasarkan gaji Sistem Saraan Malaysia

dengan kenaikan gaji tahunan antara RM80.00 hingga RM320.00 dengan kenaikan kadar bantuan sara hidup.

Bagi maksud Bekalan B. 25 – Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor sebanyak RM1,081,886.51 sen adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan kenaikan gaji kakitangan penjawat awam sebanyak 13% berdasarkan gaji Sistem Saraan Malaysia dengan kenaikan gaji tahunan antara RM80.00 hingga RM320.00 serta kenaikan kadar bantuan sara hidup.

Bagi maksud Bekalan B. 26 – Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam sebanyak RM1,043,969.73 sen adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan kenaikan gaji kakitangan penjawat awam sebanyak 13% berdasarkan gaji Sistem Saraan Malaysia dengan kenaikan gaji tahunan antara RM80.00 hingga RM320.00 serta kenaikan kadar bantuan sara hidup.

Bagi maksud Bekalan B. 27 – Jabatan Kehakiman Syariah sebanyak RM1,088,488.33 sen adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan kenaikan gaji kakitangan penjawat awam sebanyak 13% berdasarkan gaji Sistem Saraan Malaysia dengan kenaikan gaji tahunan antara RM80.00 hingga RM320.00 serta kenaikan kadar bantuan sara hidup.

Bagi maksud Bekalan B29 Perbendaharaan sebanyak RM18,155,122.00 adalah dikehendaki bagi perbelanjaan seperti berikut:

- 1) Sebanyak RM10 juta dikehendaki untuk menampung kos menambah baik infrastruktur di Universiti Selangor (UNISEL).
- 2) Sebanyak RM8,155,122.00 adalah diperlukan bagi menampung pertambahan kuota pemberian pinjaman pelajaran Negeri Selangor.

29. Bagi maksud B06, Bekalan B06 caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan tambahan sebanyak RM40,420,420.00 adalah dikehendaki untuk perbelanjaan bagi P01 Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan penjelasan yang telah diberikan tadi, saya mencadangkan satu Enakmen Pembekalan Tambahan Nombor 1/2012 bagi menggunakan wang dari kumpulan wang disatukan untuk perbelanjaan tambahan pertama tahun 2012 berjumlah RM120,115,327.23 dan memperuntukkan wang itu bagi maksud yang tertentu dibaca kali yang kedua.

YB TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Tuan Speaker, saya menyokong.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat cadangan ini telah pun disokong. Saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan. Ketua

Pembangking, tidak hadir. Dipersilakan Ketua Kelab Penyokong-penyokong Kerajaan, Bukit Antarabangsa.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker. Alhamdulillah kita dapat bersidang pada hari ini dalam keadaan Pakatan Rakyat semakin kuat dan kukuh (Dewan berketuk) dengan berbagai-bagai bentuk idea dan dasar-dasar peduli rakyat, sementara di sebelah sana semakin gundah-gulana dan gusar serta cemas sehinggakan tarikh pilihan raya pun tidak berani diumumkan sehingga hari ini. Mengikut amalan dalam mana-mana Dewan, sebaik sahaja Belanjawan dibentangkan, Ahli Yang Berhormat yang pertama diberikan ruang untuk membahaskannya adalah daripada pembangking

YB DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan Speaker minta penjelasan.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Belum lagi, bagi

YB DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Sekejap sahaja, sekejap

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Bagi saya lanjutkan sedikit.

YB DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Sekejap sahaja.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Bagi, bagi

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Minta Templer bersabar.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Mengikut amalan, apabila belanjawan dibentangkan sama ada di peringkat Parlimen ataupun Dewan Undangan Negeri, pembahas pertama adalah Ketua Pembangking ataupun wakil daripada parti pembangking, tetapi di negeri Selangor nampaknya pembangking tidak berminat membicarakan masalah rakyat di negeri Selangor. Langsung tidak hadir dan menunjukkan keprihatinan terhadap masalah rakyat di negeri Selangor. Maka wajarlah rakyat negeri Selangor menolak UMNO dan Barisan Nasional sekali lagi. Puan Speaker, hari ini kita akan membahaskan satu

YB DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan Speaker, minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat. Pertama sekali saya nak maklum kepada Yang Berhormat Bukit Antarabangsa untuk makluman Dewan sahaja, kebetulan apa ni, Ketua Pembangking ni, dia ada satu urusan keluarga yang mustahak yang berlaku hari ini. Oleh kerana itu beliau tak dapat hadir pada pagi ini, tetapi apa pun beliau insya-Allah beliau akan sampai tak lama lagi untuk membahaskan di dalam Dewan. Yang kedua, saya mohon tentang apa ni, pesanan ataupun saranan Yang Berhormat Bukit Antarabangsa tentang bila tarikh pilihan raya, saya mohon kerana bulan Jun pun dah

berlepas mungkin Yang Amat Berhormat Menteri Besar boleh membubarkan Dewan Selangor selepas, apa ni, persidangan ini, mungkin kot, insya-Allah, terima kasih.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Saya nak respons yang kedua dulu, ya. Kerajaan negeri Selangor tidak pernah memberi gambaran bahawa kita nak mengadakan pilihan raya awal untuk mendapat mandat rakyat, kerana mandat rakyat di negeri Selangor untuk Pakatan Rakyat cukup kuat dan mantap (Dewan bergendang) dan kita ada *term* selama satu tahun dan kita akan menggunakan mandat sepenuhnya yang telah diberikan oleh rakyat, yang gusar ni, kerajaan pusat. Dia perlukan mandat baru untuk tadbir negara, sebab itu daripada tahun lalu dia membayangkan nak adakan pilihan raya tetapi oleh kerana rakyat di bawah memang pastinya akan talkinkan UMNO sebab itu dia tangguh sampai sekarang kita tak tahu tarikh, itu tak apa, kami tunggu, esok pun boleh, minggu depan boleh, tahun depan pun boleh, insya-Allah, yang pasti UMNO kalah. Yang kedua

YB TUAN NG SUEE LIM: Saya minta laluan sikit Yang Berhormat, Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya, silakan Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Yang Berhormat Bukit Antarabangsa, saya tadi ada dengan jawapan daripada saudara Yang Berhormat Templer, Taman Templer mengatakan Ketua Pembangkang ada urusan tak datang, tapi sebentar tadi saya keluar pergi ke tandas sekejap, ada salam dengan Ketua Pembangkang. Jadi minta penjelasan, mereka takut, cabut lari ke apa tak masuk Dewan ini (Dewan ketawa).

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Sekinchan. Tetapi saya mengambil sikap yang terbuka, mungkin dia ada urusan keluarga yang mendesak, kita hormat masalah yang dihadapi oleh Seri Serdang. Tetapi kalau di peringkat Parlimen apabila ketua pembangkang tidak dapat hadir dengan mudah dan senang wakil ketua pembangkang daripada Pakatan Rakyat bersedia untuk membahaskan demi kepentingan rakyat tetapi di Selangor ini apabila ketua pembangkang tak dapat berucap, yang lain tak berani berucap, ini masalahnya.

Puan Speaker, sekali lagi saya nak menegaskan, hari ini kita nak membahaskan tentang suatu Enakmen yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan 2012 bagi menggunakan sejumlah RM120,888,126.23 daripada kumpulan wang disatukan Negeri untuk menampung perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2012 yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Enakmen Perbekalan 2012/2011.

Dalam membahaskan cadangan untuk memperolehi peruntukan tambahan ini, Ahli-ahli Dewan Negeri yang bertanggungjawab perlu menilai prestasi dan kedudukan kewangan

kerajaan negeri. Hari ini saya dengan senang hati dan bersyukur boleh menyatakan kita wajib meluluskan Enakmen ini kerana kedudukan akaun hasil disatukan kerajaan negeri Selangor pimpinan Pakatan Rakyat amat kukuh dan baik. Pada tahun 2008 akaun hasil disatukan berjumlah RM674 juta, itu pada tahun pertama kita mengambil alih daripada pentadbiran yang lama. Dua tahun kemudian, akaun ini meningkat kepada RM732 juta dan terus melonjak kepada RM913 juta pada tahun 2011. Untuk tempoh suku tahun kedua 2012, akaun hasil disatukan negeri Selangor yang dipimpin oleh Pakatan Rakyat mencatatkan angka yang tertinggi iaitu melebihi RM1 bilion. Manakala untuk tempoh suku tahun ke dua 2012 iaitu sehingga 30 Jun 2012, kumpulan wang disatukan atau *reserve* negeri Selangor yang merangkumi wang tunai dan juga pelaburan mencatatkan jumlah paling kukuh iaitu RM2.1 bilion. Saya memulakan mukadimah perbahasan dengan mengajak Ahli-ahli Dewan Negeri melihat dan menilai prestasi dan kedudukan kewangan kerajaan negeri kerana kita tidak mahu mengulangi amalan boros dan tidak berhemah kerajaan pusat. Pentadbiran kerajaan pusat yang ada pada hari ini paling kerap mengadakan perbekalan tambahan sehingga menjadi suatu hal yang mesti berlaku dalam setiap sesi Parlimen. Ini bermakna ada kelemahan dari sudut perancangan dan unjuran yang dibuat oleh kerajaan pusat sehingga unjuran yang dibuat dalam sesi belanjawan tidak pernah tepat. Perbekalan tambahan boleh dilakukan sekiranya ada krisis ekonomi yang mendesak atau malapetaka seperti tsunami di negara Jepun sehingga unjuran asal tersasar dan menuntut kerajaan untuk menyediakan perbelanjaan luar jangka. Namun prinsip yang berikutnya ialah; butiran dan perincian peruntukan tambahan sewajarnya dikaitkan untuk pelaburan di mana kerajaan harus memberi jaminan bahawa perbelanjaan tambahan perbelanjaan ini akan menjadi pemangkin untuk menjana pertumbuhan ekonomi. Malangnya kerajaan pusat gagal untuk menjelaskan mengapa ada kewajaran untuk perbekalan tambahan dalam setiap sesi Parlimen. Dalam sesi Parlimen bulan Jun 2012 yang lalu

YB DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Puan Speaker, minta laluan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya, silakan.

YB DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Terima kasih Puan Speaker. Saya nak tanya balik Yang Berhormat Bukit Antarabangsa dia keliru kot, ini Dewan Negeri Selangor, kita nak bincangkan tentang pembekalan tambahan yang akan dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, bukan sesi Parlimen. Mungkin Yang Berhormat keliru kot, mungkin kerana menjadi Ahli Parlimen dan ADUN, mungkin dia keliru. Ini persidangan Dewan Negeri Selangor, jadi eloklah kita bincangkan tentang yang dibentangkan oleh YAB Menteri Besar bukan nak bincangkan tentang Parlimen, yang tu petang kot.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Taman Templer. Betul, yang saya kaitkan ialah beberapa perkembangan di Parlimen tetapi paksi perbincangan kita

pada pagi ini ialah prinsip perbekalan tambahan itu apa. Kalau kita boleh merujuk amalan-amalan terbaik ataupun *the best practices* di luar negara daripada Eropah, daripada Amerika Syarikat daripada Timur Tengah, takkan saya tak boleh rujuk amalan yang dibuat oleh Kerajaan Pusat. Bagi saya ini juga satu peringatan yang penting supaya kerajaan negeri jangan berbelanja boros dan tidak berhemah seperti yang diamalkan oleh kerajaan pusat (Dewan bertepuk), takkan tak boleh, jangan takut, memang Utusan Malaysia tidak akan laporkan, TV3 tidak akan laporkan sebab mereka lebih berminat kepada fitnah dan tohmahan maka tanggungjawab saya untuk mengingatkan diri saya dan juga pimpinan kerajaan negeri jangan ikut kerajaan pusat. Malahan kita kena tukar Kerajaan Pusat dalam pilihan raya akan datang (Dewan bergendang dan bertepuk), baik. Sebagai contoh dalam sesi Parlimen bulan Jun 2012 yang lalu, perbekalan tambahan yang dipohon oleh Kerajaan Pusat bernilai RM13 bilion tetapi apakah untuk pelaburan? Tidak. Untuk *non stimulus investment* yang tidak menjamin satu peningkatan dalam sektor pelaburan sebaliknya mengekalkan kedudukan ekonomi negara yang lembap dan menanggung defisit yang kian malap

YB DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Puan Speaker *point of order* 36(6), 36(i) minta maaf.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya, silakan.

YB DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Seorang ahli yang dalam menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait langsung dengan perkara yang dibincangkan. Saya rasa Yang Berhormat jangan membuang masa lah, kita bincang fasal bekalan yang dibentangkan oleh YAB, kita bincangkan tak usah cerita yang mengarut-ngarutlah, terima kasih.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Taman Templer, saya bicara soal prinsip perbekalan tambahan. Prinsipnya ialah bila kita nak minta perbekalan tambahan ini duit rakyat. Maka rakyat bertanggungjawab nak tahu sama ada wang ini akan digunakan secara berhemah atau tidak. Sebab itu saya kata prinsipnya yang pertama, kita kena tengok kedudukan prestasi kewangan kerajaan itu kukuh ataupun tidak.

Yang kedua, ianya mesti menjamin pelaburan tetapi yang saya nak rujuk contoh ini kerajaan pusat minta RM13billion tidak merujuk kepada usaha untuk meningkatkan pelaburan tetapi ianya merupakan *non stimulus investment* yang saya akan terangkan sebentar lagi. Apabila pemimpin tidak mampu mewujudkan budaya tata kelola yang baik melalui fiskal disiplin dan kegagalan menguruskan ekonomi dengan membiarkan defisit terus membengkak akan menyebabkan keyakinan pelabur semakin berkurangan. RM13billion yang diluluskan oleh Parlimen baru-baru ini tidak memberi faedah langsung

kepada rakyat tetapi memberikan manfaat dan laba keuntungan yang cukup besar kepada syarikat-syarikat kroni yang dikuasai oleh UMNO dan Barisan Nasional. Sebagai contoh, dengar Taman Templer ini ada kepentingan rakyat di Taman Templer.

YB DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL : Puan Speaker.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Nanti. Bagi saya habis dulu.

YB DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL : Puan Speaker, 36(1).

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Puan Speaker.

YB DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL : Puan Speaker tak buat keputusan lagi ya. Saya pun bingunglah tengok YB Bukit Antarabangsa ni.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Templer, Bukit Antarabangsa dia ingin membuat perbandingan. Jadi, perbandingan dia mesti berdasarkan fakta. Jadi, biarkan Bukit Antarabangsa kemukakan fakta.

YB DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Tapi, saya kasihan pada YB Menteri Besar. Dia menunggulah, apalah nak cerita fasal belanjawan Selangor tapi tak cerita-cerita juga. Kesian ya. Dahlah sampai batuk. Sampai batuk orang kata.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Semenjak bila Taman Templer simpati dengan Ijok?

YB DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Saya cukup simpati YB Menteri Besar ni.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Puan Speaker.

YB DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Fasal ada ahli yang mengelirukan. Garang nampak.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Taman Templer, jangan bimbang keupayaan Ijok. Dia boleh jawab. Sebab itu sekarang dia nak buka kelas tuisyen khas mengajar matematik kepada Presiden MCA dan anaknya dan kerabat-kerabatnya yang celaru tentang matematik ni. Jangan bimbang keupayaan dan kekuatan YB Ijok ini memang luar biasa. Pengurus ekonomi yang baik. Sebab itu saya beri angka. Mana ada kerajaan negeri boleh mencatatkan *reserve* RM2.1billion dalam tempoh empat tahun? Tak ada. Tak ada. Kerajaan pusat hutang dah setengah trilion. Tapi kalau tengok Utusan wah dialah jaguh. Ha, tak apa. Itu dah ceramah malam ini di Taman Templer. Baik.

Sebagai contoh Taman Templer ya. Subsidi, baru ini dia minta RM13 bilion bukan faedah langsung kepada rakyat berbanding dengan perbekalan tambahan yang dibawa oleh Y.A.B. Ijok tadi memberi kesan langsung kepada rakyat. Itu prinsip yang kita dokong dan sokong. Tetapi kerajaan pusat dia beri subsidi bahan bakar untuk IPP berjumlah RM7.5billion peningkatan sebanyak 44% daripada Belanjawan 2012 yang diluluskan hanya beberapa bulan yang lalu. Maknanya dalam Belanjawan 2012 sudah diluluskan sejumlah subsidi untuk bahan bakar. Dalam tempoh yang begitu singkat, dinaikkan lagi 44% dengan jumlah RM7.5billion. Ini bukan satu pengurusan yang baik dan bertanggungjawab.

Kemudian, subsidi gula dinaikkan. Dalam Belanjawan 2012, kerajaan pusat sudah memperuntukkan subsidi gula berjumlah RM200juta. Minggu lepas, kerajaan pusat minta lagi subsidi gula bernilai RM367 juta. Maka jumlah subsidi gula sekarang ialah RM567juta. Untuk siapa? Seorang manusia yang bernama Tan Sri Syed Mokhtar. Di mana keadilan? Di mana kesaksamaan? Saya dah nyatakan tadi. Sebab itu soal prinsip ini penting dalam membicarakan perbekalan tambahan, wang itu mesti menjana pelaburan bukan merujuk kepada satu dua kerat manusia yang menjadi kroni kepada UMNO dan Barisan Nasional.

Yang ketiga, subsidi tol yang diluluskan dalam Belanjawan 2012 berjumlah RM343juta dinaikkan minggu lalu kepada RM446 juta menjadikan jumlah subsidi tol sebanyak RM789juta untuk syarikat konsesi tol lebuhraya di Malaysia.

Amat jelas Taman Templer bahawa perbekalan tambahan yang dibuat oleh kerajaan pusat menjerus kepada rasuah politik menjelang Pilihan Raya Umum ke-13 melalui pemberian subsidi

YB DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL : Yang Berhormat, minta laluan.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Yang melipat kali ganda untuk syarikat kroni UMNO.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya, silakan.

YB DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL : Terima kasih Puan Speaker. Saya nak tanya kepada YB Bukit Antarabangsa. Tadi beliau sebut tentang subsidi yang dipohon untuk gula. Macam mana boleh kait dengan kroni? Mungkin saya pun tak faham, mungkin boleh jelaskan. Yang saya tahu subsidi ni untuk menampung kos yang tinggi yang akan manfaatnya akan turun balik kepada rakyat yang menggunakannya. Macam mana kaitannya? Saya pun hairan macam mana kaitannya. Sepatutnya saya rasa mungkin Yang Berhormat sengaja mengait-kaitkan, padahal saya rasa ini adalah untuk kepentingan rakyat bukan untuk kepentingan individu.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Taman Templer, yang celaru ni Taman Templer dan UMNO. Sebelum Syed Mokhtar diberikan anugerah menguasai dan memonopoli gula, pengusaha gula pada ketika itu yang dipanggil 'Raja Gula', bukan raja gila. 'Raja Gula'. Raja gila ini UMNO. 'Raja Gula' Robert Kwok puluhan tahun menguasai gula tak pernah dinaikkan harga gula. Sebaik sahaja kontrak ini diberikan kepada kononnya atas nama Melayu tetapi Melayu kroni, empat kali dah naik harga gula. Mengapa ini berlaku? Taman Templer kena jawab. Mengapa bila gula dikuasai oleh Robert Kwok tidak ada kenaikan, tetapi bila diserahkan kepada kroni UMNO empat kali naik harga gula maka kerajaan terpaksa menampung subsidi bagi memberikan laba keuntungan yang besar kepada seorang manusia. Itu persoalan yang perlu UMNO jawab.

Sebab itu hari ini rakyat sedang menunggu tarikh pilihan raya. Oleh kerana UMNO tak jawab, rakyat akan jawab dengan menghukum UMNO dalam pilihan raya yang akan datang. Insya-Allah.

Saya nak tegaskan apa yang berlaku ialah kerajaan pusat menggunakan kuasa majoriti dalam Parlimen untuk memberikan subsidi besar kepada syarikat-syarikat kroni. Rakyat diberilah RM500, propaganda meluas tapi syarikat kroni dapat berbilion ringgit. Pemandu teksi dapatlah 4 biji tayar. Saya tanya baru ini dia kata baru dapat tiga, satu lagi tak jumpa. Mungkin komisen ataupun ketua cawangan UMNO ambil saya tak pasti. Tapi janji empat tayar. Pemandu teksi bukan nak tayar, pemandu teksi nak permit. Tiga bulan tayar botaklah. Ini semua tayar pilihan raya. Sebab itu saudara

YB TUAN LAU WENG SAN : Ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, berapa agaknya bilangan tayar yang perlu dipasang pada satu teksi? Empat atau tiga?

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Kalau teksi itu waras ataupun dia sempurna empat, tapi kalau teksi UMNO ni memang tempang, dia tiga. Dia macam kurang upayalah UMNO ni. Jadi, tiga. Dia tempang.

Puan Speaker, sebab itu jangan kacau saya. Kan kena. Tetapi alhamdulillah setelah saya meneliti perincian peruntukan tambahan yang dicadangkan oleh kerajaan negeri Selangor, perbekalan tambahan ini memenuhi dan menepati prinsip yang saya nyatakan di awal tadi iaitu peruntukan tambahan yang dicadangkan oleh Y.A.B Ijok dikaitkan dengan pelaburan dan kerajaan negeri memberi jaminan bahawa perbelanjaan tambahan ini akan menjadi pemangkin untuk menjana pertumbuhan ekonomi. Dan peruntukan tambahan kerajaan negeri hari ini memberi faedah langsung kepada rakyat Selangor dan bukan subsidi untuk syarikat kroni. Dan selain itu kerajaan negeri juga mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh untuk berbelanja demi kesejahteraan rakyat negeri Selangor.

YB Puan Speaker, walaupun belanja mengurus mewakili 67% daripada jumlah perbekalan tambahan tetapi sebahagian besar daripadanya adalah untuk membayar kenaikan dan pelarasan emolumen berdasarkan penambahbaikan Sistem Saraan Malaysia (SSM) ekoran pembatalan SBPA baru-baru ini oleh kerajaan pusat. Maka kerajaan negeri terpaksa mengeluarkan sejumlah RM51.7juta untuk maksud ini. Saya bersetuju supaya kerajaan negeri menyegerakan pembayaran pelarasan emolumen ini sebagai tanda penghargaan kerajaan negeri kepada pegawai-pegawai dan anggota penjawat awam yang telah berkhidmat dengan baik dan menjayakan dasar-dasar kerajaan negeri Selangor demi membangunkan negeri Selangor.

Kejayaan kerajaan negeri mencatatkan prestasi kewangan yang kukuh dan baik adalah hasil daripada kepimpinan yang bersih dan amanah. Pentadbiran yang diasaskan kepada tata kelola yang baik dan kita tidak dapat menafikan kejayaan ini juga adalah hasil sokongan dan dorongan ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai dan anggota penjawat awam di negeri Selangor. Maka, saya ucapkan tahniah dan penghargaan kepada semua pegawai dan anggota penjawat awam di negeri Selangor yang mendukung usaha yang murni ini.

YB Puan Speaker, saya juga meneliti kertas mesyuarat yang diedarkan berhubung peruntukan tambahan ini dan mendapati sejumlah RM772,779.00 dicadangkan untuk tujuan emolumen dalam peruntukan diraja. Kakitangan dan pegawai istana juga perlu diberikan pengiktirafan kerana khidmat mereka bukan sahaja sebagai seorang pegawai dan anggota penjawat awam tetapi tanggungjawab mereka cukup besar untuk menjaga dan memuliakan institusi terpenting di negeri Selangor iaitu Institusi Raja. Kita perlu mendukung sebarang usaha untuk mempertahankan kedaulatan raja-raja Melayu di negara kita. Kita tidak mengambil kedaulatan raja seperti yang dilakukan oleh UMNO. Malahan, kita mengharapkan raja-raja kita berdaulat dan terus menjadi payung keharmonian dan kesejahteraan untuk seluruh rakyat di negeri Selangor. Izinkan saya bermadah sedikit Puan Speaker.

“Pinang bulat di atas para,
mengkuang disisir tidak akan layu,
hilang daulat ke mana raja,
hilang raja ke mana Melayu?”.

Ini Melayu tulen, bukan Melayu UMNO. Melayu tulen. Melayu Islamik bukan Melayu *racist* ya. Dia kalau

YB TUAN NG SUEE LIM : Saya minta laluan sikit. Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Saya sebagai bukan Melayu (Cina), saya agak musykil dengan Melayu tulen dengan Melayu UMNO. Boleh YB Bukit Antarabangsa perjelas secara terperinci supaya saya boleh faham dalam soal ini. Terima kasih.

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Boleh saya jawab tak, Speaker?

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Dia tak tanya Batang Kali. Dia tanya Bukit Antarabangsa.

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Saya nak tolong jawab. Boleh ke? Melayu tulen macam UMNO.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Batang Kali.

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Melayu tak tulen yang sokong LGBT.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Itu makna celarulah tu. Melayu ini ada dua jenis.

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Melayu tulen tak main dalam jamban.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Dengar. Ikut peraturan. Ini Melayu tak ada peraturan ni susah. Melayu ni ada dua jenis. Melayu Islamik, Melayu *racist*. Melayu *racist* tu sebelah kanan saya ya. Dia kalau dia faham Islam, dia Melayu, dia takkan ada senaman di depan rumah orang. Ini Melayu *racist* yang melakukan sedemikian. Tetapi kalau Melayu yang memahami Islam, yang menghayati Islam, dia tidak akan melakukan perkara-perkara yang keji dan terkutuk seperti itu. Yang Berhormat

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Puan Speaker, saya minta maaf. Puan Speaker, saya baru dengar ni. Orang pergi bersenam di depan rumah orang, boleh beri lanjut? Saya tak ikuti maklumat berkenaan.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Yang Berhormat Bangi dia selalu buat provokasi. Speaker, Ha, dah tahu bertanya pula. Ya di rumah Dato Ambiga ada kursus senaman. Depan rumah saya pun tiga hari berturut-turut bersenam juga. Ini apa punya cerita. Dewan tak datang. Perbahasan tak sertai, lepas itu yang bersenam buat apa.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Permatang.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Permatang ada isu sebentar lagi.

YB TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK : Yang Berhormat Bukit Antarabangsa pasal senaman ini juga saya ingin mendapat pendapat Bukit Antarabangsa. Tadi kata bersenam di depan rumah orang. Yang senaman oleh Ahli-ahli DAP depan masjid oleh Ahli-ahli Parlimen yang tidak bertudung, senaman dalam masjid di kawasan masjid itu apa hukumnya. Itu islamik atau tidak. Saya nak tanyalah dan diikuti oleh wanita-wanita Muslimah pula tu.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Yang Berhormat Permatang itu bukan bersenam. Pimpinan yang bukan Islam. Dia datang menziarahi, melihat supaya dia dapat memahami apa itu Islam.

YB TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK : Ada bersenam Yang Berhormat, bersenam belakang dia pakai kopiah, duk belakang, belakang punggung, tengok senaman itu sebenarnya berlaku. Yang Berhormat jangan salah fakta ia ada berlaku.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Nanti satu-satu yang mana satu ini. Setahu saya pimpinan yang sama ada yang bukan Islam atau DAP mereka mengunjungi dan menziarahi pimpinan surau atau pun masjid untuk menyampaikan bantuan dan sumbangan dan saya kira mereka cukup bersopan dan beradab tidak menimbulkan ketegangan dan masalah cuma UMNO akan menggunakan isu-isu ini untuk memutar belitkan kenyataan.

YB TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK : Itu menyampaikan sumbangan saya terima, tapi ada senaman berlaku di masjid.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Dalam masjid, luar masjid, dalam keadaan yang sopan

YB TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK : Di luar kawasan Masjid tak ada sopan,tanpa pakai tudung pakai pakaian pendek, pakai trak dan diikuti oleh ahli-ahli jemaah

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Permatang yang nak marah wakil rakyat DAP tak pakai tudung buat apa. Tegurlah dulu isteri Presiden UMNO.

YB. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK : Saya maksudkan menggunakan kawasan masjid. Bukit Antarabangsa. Itu senaman dalam masjid. Itu tak boleh sepatutnya. Itu saja.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : lalah kalau senaman tak pakai tudung, tak senaman pun tak pakai tudung. Takkanlah suruh YB Kinrara itu pakai tudung. Jadi ustazah Teresa lah namanya. Jangan-jangan jadikan isu ya. Selagi adap, sopan, tertib itu dihormati dan dijaga saya tidak ada masalah. Ini nak mempertikaikan kenapa dia tak pakai tudung. Ya, Kinrara nak pakai tudung. Tak apa kita hormatlah itu pendirian agama dia yang kita kena hormat. Tetapi kita ni. Tegur kita dulu, tegur pemimpin kita dulu, lakukan muhasabah pada diri kita dulu sebelum kita nak tegur orang. Ini dah perbincangan perbekalan tambahan Jabatan Agama Islam. Ada tadi. 15 juta sebab kita bagi emolument jadi JAIS ini kena *spend more time to educate and*

tarbiah pemimpin-pemimpin UMNO termasuk Presiden UMNO. Jangan tegur kita sahaja. Baik. Nanti, banyak sangat minta laluan. Saya tak ada masa dah.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Taman Templer boleh ambil bahagian dalam bahas.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Yang Berhormat Puan Speaker, saya juga mendukung usaha kerajaan negeri untuk memberikan perhatian dan penekanan di dalam pendidikan.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Mencelah. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Antarabangsa. Saya dah kira dah masuk lapan kali Taman Templer ini bangun nak tanya soalan. Agaknya dia nak jadi ketua pembangkang baru kut untuk sebelah sana. Apa pandangan Yang Berhormat.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Yang Berhormat Sri Muda, kalau saya tengok prestasi Sg. Panjang dan Sri Serdang selama empat tahun ini, saya bersetuju prestasi Taman Templer lebih baik daripada Sri Serdang dan Sungai Panjang. Dan kalau boleh saya buat surat sokongan, tapi Selangor tak boleh buat surat sokongan, Kalau saya dibenarkan membuat surat sokongan saya akan buat surat sokongan kepada Presiden UMNO supaya melantik Taman Templer selaku Ketua Pembangkang dalam dewan ini.

YB DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL : Tak apa, tak payah

YB TUAN NG SUEE LIM : Yang Berhormat saya menyokong.

YB TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK : 36(1) lari daripada tajuk perbincangan.

YB PUAN TIMBALAN SPEAKER : Baik, Bukit Antarabangsa kembali kepada perbahasan perbekalan tambahan.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Dah dia buat soalan provokasi Puan Speaker, saya kena jawab. Baik. Pendidikan ini adalah pelaburan jangka panjang untuk meningkatkan produktiviti dalam negeri Selangor dengan membangunkan modal insan yang terlatih dan berilmu. Maka usaha kerajaan negeri untuk meningkatkan kuota penerima biasiswa kerajaan negeri kepada 1,000 kepada 2,000 orang penerima adalah usaha murni yang bertepatan dengan matlamat yang digariskan oleh kerajaan negeri dalam misi memasyarakatkan pemikiran dan mempertahankan tradisi keilmuan. Saya yakin peruntukan tambahan berjumlah RM8.2 juta untuk Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor akan membuka peluang kepada anak-anak Selangor untuk memperolehi biasiswa bagi melanjutkan pengajian masing-masing dan pastinya mereka adalah aset terpenting untuk menjamin masa depan Selangor yang sejahtera. Namun saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan supaya ruang ini

dapat diperluaskan lagi daripada tumpuan kepada kumpulan sijil, diploma dan ijazah am kalau boleh kerajaan negeri memilih beberapa anak-anak Selangor yang pintar dan berjaya untuk di hantar ke luar negara dalam bidang-bidang tertentu yang akhirnya akan dapat memberikan kebaikan kepada Negeri Selangor sekiranya mereka dapat peluang ini dan berjaya menerokai bidang-bidang teknologi khususnya ataupun bidang-bidang yang baru dalam bidang perubatan dalam bidang pengkhususan tertentu. Maka anak-anak Selangor ini jika di berikan dokongan dengan biasiswa melanjutkan pelajaran ke universiti di luar negara yang dipilih dan mempunyai prestij dan kedudukan yang terbaik maka sudah pasti ianya merupakan pelaburan jangka panjang bagi kerajaan negeri.

Sementara saya bersetuju dengan usaha kerajaan negeri Selangor untuk menyediakan peruntukan, untuk menambah baik infrastruktur di UNISEL berjumlah 10 juta ringgit untuk tempoh enam bulan yang akan datang. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Penjelasan secara terperinci bagaimana kedudukan kewangan sebenar UNISEL ini. Yang kita dimaklumkan tidak pernah di audit bertahun-tahun. Kerajaan negeri menjadi mangsa serangan dan fitnah, maka saya kira Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar perlu menjawab secara berfakta supaya rakyat Selangor tahu siapa sebenarnya yang bertanggung jawab dalam perkara ini. Infrastruktur UNISEL amat perlu disegerakan kerja-kerja penambahbaikan. Walau pun bangunan sudah siap dan sesi pengajian telah berjalan tetapi saya mendapat banyak aduan dan rintihan daripada warga kampus UNISEL tentang masalah yang mendepani mereka seperti masalah pembetulan ya, yang menimbulkan bau busuk dan terdedah kepada masalah kesihatan dan juga masalah kebocoran paip. Saya difahamkan bahawa kerajaan negeri telah pun membentuk satu *task force* untuk membuat kajian menyeluruh mengenai masalah yang dihadapi oleh warga kampus yang boleh menjejaskan suasana pembelajaran di UNISEL. Maka apakah hasil kajian oleh *task force* ini dan siapakah yang bertanggungjawab dalam pembangunan kampus ini yang sarat dengan berbagai masalah sehingga kerajaan negeri terpaksa menanggung kos penambahbaikan ratusan juta ringgit.

Yang Berhormat Puan Speaker, seperti yang telah saya tegaskan tadi, kerajaan negeri sering menjadi sasaran serangan politik ekoran kenaikan yuran dan kos pengurusan kediaman pelajar termasuklah di UNISEL dan juga KUIS. Dakwaan ini pastinya tidak berasas sama sekali dan cuba memberikan gambaran bahawa kerajaan negeri tidak mepedulikan masalah dan kebajikan pelajar. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Kerajaan Negeri berhubung konsesi penyelenggaraan dan sewaan kolej kediaman pelajar di UNISEL dan juga KUIS. Perjanjian konsesi difahamkan telah ditandatangani dengan beberapa syarikat milik pemimpin-pemimpin UMNO. Saya minta Yang Amat Berhormat dalam menggulung perbahasan nanti dedahkan nama-nama mereka berasaskan dokumen-dokumen yang telah kita perolehi kerana kita

mendapati perjanjian yang ditandatangani itu berat sebelah serta memberikan keuntungan yang besar kepada syarikat-syarikat milik pemimpin UMNO. Sebagai contoh bilik asrama yang tidak dihuni juga terpaksa di bayar oleh KUIS. Hasilnya perjanjian yang hanya berpihak kepada syarikat konsesi telah membebankan pelajar-pelajar dengan kadar yuran pengajian yang tinggi. Saya juga.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Boleh tanya Bukit Antarabangsa. Kita dapat maklumat betul ke pelajar-pelajar ini diwajibkan tinggal di dalam. Kalau duduk di luar lebih murah dari segi perbelanjaan. Tapi dipaksa duduk di dalam. Mengapa terjadi sedemikian.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Terima kasih Yang Berhormat Bangi. Justeru itu saya mencadangkan supaya perjanjian itu diteliti semula. Daripada maklumat yang kita dapat memang ada usaha untuk memaksa pelajar-pelajar duduk di dalam kampus dan ini memberikan keuntungan yang besar kepada syarikat konsesi, dan bagi bilik-bilik yang tidak dihuni juga dipaksa dibayar oleh KUIS kepada syarikat yang berkenaan. Maka dengan kos yang sebegini besar menyebabkan UNISEL dan KUIS tidak ada pilihan melainkan menaikkan yuran pengajian ke atas pelajar dan sudah tentulah perkara ini tidak boleh diteruskan.

Saya juga ingin mengetahui berapakah jumlah geran tahunan yang diberikan oleh kerajaan negeri kepada KUIS dan UNISEL kerana ada juga tanggapan mengatakan kerajaan negeri tidak boleh mencampuri urusan pentadbiran dan pengurusan KUIS. Tetapi sekiranya kerajaan negeri telah mengeluarkan geran tahunan dengan jumlah tertentu kepada KUIS dan UNISEL, saya berpendapat sudah tentulah Kerajaan Negeri juga bertanggungjawab dan mempunyai hak untuk memastikan peruntukan geran tahunan ini yang disalurkan untuk tujuan membantu pelajar-pelajar sampai terus kepada pelajar-pelajar yang berkenaan dan bukannya di salurkan kepada syarikat konsesi. Selain itu,

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Speaker, sekali lagi saya berdiri untuk bertanya. Setakat ini lantikan-lantikan pentadbir dan juga ahli-ahli jemaah adakah kuasanya pada kerajaan negeri atau pihak institusi tertentu sahaja yang berhak melantik pegawai-pegawai dan juga ahli jemaah tadbir. Terima kasih.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Terima kasih Yang Berhormat Bangi, saya masukkan pertanyaan Yang Berhormat Bangi itu, sebahagian daripada perbahasan saya dan insya-Allah kerajaan negeri akan menjawabnya. Selain itu Dewan ini juga perlu dimaklumkan secara khusus tentang kepentingan sebuah syarikat milik seorang pemimpin UMNO yang bernama Syarikat JANA NIAGA SDN BHD, serta hubungannya dengan perjanjian konsesi yang dimeterai dengan UNISEL. Apakah? tindakan yang telah diambil oleh UNISEL untuk mengkaji semula perjanjian dan sewaan

memandangkan perjanjian tersebut telah membebankan dan memberi kesan kepada pelajar-pelajar dengan yuran yang tinggi, secara keseluruhannya saya juga ingin mengetahui apakah usaha kerajaan negeri untuk membolehkan perjanjian-perjanjian asal ini dengan syarikat konsesi di antara KUIS dan UNISEL dapat dibatalkan dan dirundingkan semula demi kebajikan pelajar-pelajar.

Yang Berhormat Puan Speaker, Untuk menjamin pembelajaran secara kondusif, selesa dan terbaik untuk pelajar infrastruktur serta kemudahan untuk universiti harus terus dipertingkatkan supaya fokus pelajar kepada pengajian ilmu pengetahuan serta pendidikan, nilai kemanusiaan tidak akan terjejas. Oleh yang demikian hasrat kerajaan negeri memperuntukkan peruntukan RM 10 juta untuk usaha membaik pulih UNISEL harus didukung dan diharapkan peruntukan ini mendorong kepada pelajar dan juga pensyarah untuk terus fokus kepada dunia akademik sementara isu kebajikan dan keperluan mereka insya-Allah akan ditangani dengan bijaksana oleh kerajaan negeri pimpinan Pakatan Rakyat. Saya juga ingin mengucapkan syabas, dan tahniah kepada

YB TUAN DR. HJ. ABD. RANI BIN OSMAN : Soalan, soalan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Meru ingin bertanya

YB TUAN DR. HJ. ABD. RANI BIN OSMAN : Saya ingin bertanya kepada Bukit Antarabangsa, adakah? Bukit Antarabangsa dalam pengetahuan Bukit Antarabangsa satu Artikel yang dikeluarkan dalam suara keadilan pada 8hb. Mei, 2012 yang besar ADUN UMNO peroleh 508 juta kontrak bina KUIS ini atas angin melibatkan satu syarikat konsesi Redha Resources Sdn. Bhd, tidak adakah sebahagian daripada jawatankuasa dalam SELCAT bercadang untuk memanggil ADUN berkenaan untuk keterangan akan datang.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Terima Kasih Yang Berhormat MERU, saya bersetuju supaya kerajaan negeri juga mengambil perhatian perkara ini dan dapat memberikan maklum balas yang terperinci dalam sesi penggulungan nanti supaya perkara ini tidak diputar belitkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan sekiranya ada keperluan saya percaya Yang Berhormat Pengerusi SELCAT dan jawatankuasa akan menimbangkan supaya perkara ini dirujuk untuk pendengaran awam dan tindakan yang sewajarnya perlu diambil ke atas mereka-mereka yang bertanggungjawab.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan negeri khususnya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang telah mengumumkan sebelum ini peruntukan sebanyak 30 juta ringgit untuk bantuan pendidikan pelajar-pelajar UNISEL. Ini adalah ekoran tindakan Kerajaan Pusat yang cuba menganaktirikan pelajar-pelajar di UNISEL, semata-mata kerana UNISEL ini berada di dalam negeri Selangor dan berhasrat untuk membatalkan bantuan pendidikan

kepada mereka. Sudah tentulah ini satu tindakan yang biadab dan tidak bertanggungjawab oleh kerajaan pusat terhadap anak-anak kita yang sewajarnya diberikan dorongan dan dokongan dan tidak dipolitikkan, tetapi alhamdulillah, oleh kerana tekanan yang cukup besar pilihan raya sudah hampir, maka kerajaan pusat semakin gusar dan cemas maka pembatalan ini terpaksa ditarik semula, tetapi jangan kita percaya dengan puak-puak ini.

Mereka melakukan sesuatu kerana kepentingan politik bukan kepentingan pendidikan anak-anak, maka saya berharap Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, walaupun kerajaan pusat telah menarik balik pembatalan bantuan tersebut saya pohon ihsan kerajaan negeri supaya meneruskan bantuan pendidikan kepada pelajar-pelajar di UNISEL dengan peruntukan yang telah diumumkan. Cuma saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan negeri tentang perancangan terperinci kerajaan untuk menyalurkan bantuan ini dengan segera memandangkan komitmen kerajaan negeri ini kepada pelajar memberikan nafas baru kepada pelajar-pelajar kita untuk meneruskan pengajian mereka di UNISEL dan juga di IPTA khususnya dalam negeri Selangor ini.

Saya mengharapkan agar kerajaan negeri mempunyai mekanisme yang cukup jelas dan tidak banyak birokrasi untuk membantu pelajar-pelajar kita mendapat bantuan pendidikan dan pastinya akan meringankan bebanan pelajar supaya mereka lebih fokus untuk memastikan kejayaan dalam bidang masing-masing.

YB DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL : Puan Speaker minta laluan. Terima Kasih Puan Speaker, Saya nak bertanya kepada Yang Berhormat Bukit Antarabangsa sebenarnya beliau memang keliru dan memang hebatlah memutar belitkan kenyataan, berkenaan dengan PTPTN sebenarnya isunya saya harap kita faham, sebenarnya bukannya nak batalkan tetapi sebenarnya pihak Kerajaan Pakatanlah yang menyebutkan supaya memansuhkan ataupun menghapuskan pembayaran balik PTPTN, kita tahu ramai anak-anak muda bukan sahaja anak Melayu malahan ramai yang telah mendapat manfaat, pelajar mendapat manfaat daripada wang PTPTN dan apabila duit itu tidak dapat dibayar balik dihapuskan boleh, tetapi tidak boleh membantu balik pelajar lain. Maka, oleh kerana itu saranan daripada Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pengajian Tinggi mengatakan apa salahnya kalau Kerajaan Negeri yang kononnya ada 2.2 bilion duit, bayarlah untuk pelajar-pelajar yang kata nak tangguh tu buat apa. [dewan riuh...]

YB TUAN DR. HJ. ABD. RANI BIN OSMAN : Peraturan 44(4).

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Dr. nak baca peraturan..

YB TUAN DR. HJ. ABD. RANI BIN OSMAN : Ini patut sesi pertanyaan, satu sesi pertanyaan itu tidak boleh dijadikan helah untuk berbahas,

YB DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL : Bukan Bahas, bukan bahas, saya minta penjelasan, bukan Yang Berhormat semenjak jadi Yang Di Pertua PAS Negeri Selangor cukup hebatlah.. tapi saya nak tanya nak penjelasan daripada Yang Berhormat Bukit Antarabangsa adakah? Yang Berhormat memutar belitkan kenyataan, yang sebenarnya PTPTN itu adalah disarankan oleh Kerajaan Pakatan supaya jangan bayar balik dan apabila tidak dibayar balik maka pelajar-pelajar macam mana kerajaan nak tampung balik, yang ini satu kenyataan yang jangan kita putar belitkan tapi kalau kononnya ada 22 bilion duit dalam kerajaan negeri gunalah duit tu, untuk bayar itu sahaja, tetapi sebenarnya Kerajaan Barisan bukan zalim tetapi hanya nak memperjelaskan supaya Kerajaan Pakatan Rakyat janganlah membuat tuduhan-tuduhan yang tidak berasas. Terima kasih.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Terima kasih Yang Berhormat Taman Templer, pertama beliau mengakui keupayaan Kerajaan Negeri memiliki rizab sebanyak 2.1 bilion ringgit, kita boleh berbelanja tetapi pengurusan di negeri Selangor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita berbelanja secara berhema dan bertanggungjawab, tanggungjawab pendidikan adalah tanggungjawab kerajaan pusat, jadi Taman Templer jangan celaru, yang celaru bukan saya, Taman Templer Kerajaan Negeri hanya menyediakan tapak tanah untuk pembangunan sekolah, pembangunan universiti, ataupun kolej, tetapi pengurusannya, pentadbirannya, bantuannya adalah tanggungjawab kerajaan pusat, Insya-Allah bila kami sampai ke Putrajaya, itulah yang akan kami laksanakan di mana, kita berjanji pendidikan percuma di peringkat rendah, menengah sampailah ke universiti untuk semua anak-anak kita, tetapi untuk sementara waktu ini, dalam dua, tiga bulan ini, sebelum kita sampai ke Putrajaya, itu tanggungjawab kerajaan pusat hari ini, dan saudara Yang Berhormat Taman Templer jangan lupa Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dah mengulangi berpuluh kali, Negeri Selangor merupakan penyumbang terbesar kepada KDNK, setiap seringggit yang diperolehi oleh Kerajaan Pusat 30 sen tu datang daripada Negeri Selangor, betul Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ya!. Yang Amat Berhormat angguk, ha betul..sebab dia tahu saya tidak berbohong seperti Taman Templer, jadi.

YB DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL : Yang Berhormat, Yang Berhormat, minta penjelasan,

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Saya belum habis. minta penjelasan nanti dulu, beri saya jawab dulu, bagi saya jelas dulu..riuh..

YB DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL : Yang Berhormat suka kelirukan Dewan, itu kerana Selangor terletak di pusat Malaysia, di sebelah Kuala Lumpur, di mana...

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : itu adalah tanggungjawab Kerajaan Pusat untuk membantu pengurusan dan pentadbiran serta pendidikan semua anak-anak kita termasuk di negeri Selangor, apakah? Selangor ini bukan sebahagian daripada Malaysia, bila nak kutip cukai pandai cari Selangor, tetapi bila kita beri 30 sen bagi setiap RM 1 pendapatan kerajaan pusat yang dipulangkan balik tak sampai 5 sen, sebab itu saya minta Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar segera mengadakan perbincangan dengan kerajaan pusat, mendesak kerajaan pusat berlaku adil supaya setiap sen yang rakyat Selangor bayar mesti dipulangkan balik secara adil kepada Negeri Selangor, kalau kerajaan pusat sanggup buat begitu kita boleh hapuskan semua yuran terhadap pelajar-pelajar di UNISEL, tiada masalah, kita boleh buat, sebab kalau kita berada di Putrajaya, bukan kalau kita ada, insya-Allah kita akan ada dalam 2, 3 bulan ini, ini khazanah negara cukup besar kalau tidak ada ketirisan, kalau tidak ada keborosan, kalau tidak ada penyelewengan dan tidak ada rasuah, kita ada lebih kurang 350 ribu pelajar di ITPA, tak kan kita tak boleh belanja untuk mereka demi masa depan negara, kami dah perkiraan dan matematik sebab Dato' Menteri Besar pakar matematik, sebab itu dia nak ajar Presiden MCA dan anak presiden..

YB SULAIMAN BIN HAJI ABD. RAZAK : Minta penjelasan

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Nanti dulu, keperluan untuk memberikan pendidikan percuma setiap tahun hanya 5 bilion ringgit, sedangkan pendapatan Petronas 80 bilion ringgit setahun, mengapa? kerajaan pusat hari ini tidak boleh memberikan keutamaan untuk mengeluarkan 5 bilion ringgit semata-mata untuk pelaburan anak-anak kita dalam bidang pendidikan, kerana mereka tak berminat, mereka berminat main politik, mereka berminat untuk menekan kerajaan-kerajaan yang tidak dapat dokongan rakyat termasuk negeri Selangor, tetapi alhamdulillah, kita bersedia sekiranya kerajaan pusat terus membatalkan, kalau berani batalkan terus, batalkan terus sebab kerajaan Selangor telah bersedia RM30 juta untuk pelajar-pelajar di UNISEL, tetapi kerana pembatalan ditarik balik saya mencadangkan usaha ini diteruskan demi kebaikan anak-anak kita di UNISEL dan juga kita boleh teruskan ke KUIZ dan institusi dalam negeri Selangor.

YB DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL : Yang Berhormat, minta penjelasan..

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Saya dah jelas, saya dah nak habis, dah pukul 1.00 dah, saya tak nak sambung petang, ok. Yang Berhormat Puan Speaker.

YB DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL : Yang Berhormat sebut tadi batalkan, batalkan, ok, bayarlah, kenapa Yang Berhormat nak tarik tali pula...

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : kenapa tarik balik, takut,

YB DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL : Bukan takut, macam Yang Berhormat sarankan tadi, kalau dah ada 22.1 bilion duit, bayar je lah,, 30 juta bukan banyak sangat

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Itu tiada masalah, kita bersedia untuk menyediakan

YB DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL : Kepimpinan melalui tauladanlah...tunjukkan lah..

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Kita bersedia, untuk menyediakan

YB DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL : Saya sedih, Yang Berhormat ni, kelirukan fakta,

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Nanti kejam, Kerajaan Negeri bersedia menyediakan satu dana yang mencukupi untuk membantu pelajar-pelajar kita, sekiranya kerajaan pusat terus bermain politik dan cuba menghukum anak-anak kita di kampus, tiada masalah, saya cabar kepimpinan UMNO, batalkan terus kalau berani, pastinya akan terus terkubur dalam pilihan raya yang akan datang. Yang Berhormat Puan Speaker, saya ada 2 minit sahaja lagi,

YB SULAIMAN BIN HAJI ABD. RAZAK : Yang Berhormat, minta penjelasan. Saya satu soalan sekejap sahaja, pendek sahaja, Yang Berhormat ada sebut mengenai cukai yang dibayar oleh kerajaan negeri, sebenarnya kerajaan persekutuan, bagi balik dalam bentuk pelbagai-bagai bentuk, projek, pembangunan melalui kementerian, Yang Berhormat sendiri tidak perasan pun, Kementerian Pelajaran semua kementerian ada projek di negeri Selangor dan berjalan, itu cara kerajaan pulangkan balik kepada rakyat negeri Selangor, cukai-cukai yang dibayar, Yang Berhormat, tidak boleh pertikai yang tidak dipulangkan ialah dipulangkan ialah akaun 3 bilion milik rakyat Malaysia yang dikawal oleh Ketua Umum PKR, itu yang belum dibayar yang wajib dituntut oleh rakyat Malaysia, sebagaimana akaun bersumpah yang dibuat, itu sebenarnya.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Inilah fitnah UMNO, dia nak berlawan tak berani,

YB SULAIMAN BIN HAJI ABD. RAZAK : Kalau UMNO cakap fitnah, kalau pembangkang cakap betul,

YB TUAN HJ SHAMSUDDIN BIN LIAS : Nak dipulangkan 3 bilion tu,,

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Bersedia jaga fatwa, sebab saudara pun sahabat akidah, jangan buat fitnah, ok, saya ada dokumen tak apa, nampaknya saya akan lanjut sampai petang, sebab dia *provoke* saya, pertama, saya tidak kata kerajaan pusat langsung tidak kembalikan, ya, sumbangan kepada rakyat Selangor kepada

kerajaan pusat, cuma saya sebut tadi, kita menyumbang 30 sen bagi setiap seringgit, kerajaan pusat pulangkan balik kurang daripada 5 sen, fatwa Yang Berhormat pun berubah,

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat, saya rasa perbincangan ini kita tangguhkan dulu, sebab jam sudah menunjukkan pukul 1.00 petang.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Hilang *steam*lah..

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jam telah menunjukkan pukul 1.00 Dewan akan disambung semula jam 2.30 petang.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Puan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Baik Dewan disambung semula. Silakan Bukit Antarabangsa.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker. Izinkan saya menyambung perbincangan saya pada sesi petang ini berhubung perbincangan Satu Enakmen Perbekalan Tambahan yang telah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pada awal pagi tadi. Namun sebelum saya meneruskan perbincangan pada petang ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk *respons* terhadap tuduhan liar yang dilemparkan oleh Yang Berhormat Permatang sebelum persidangan kita ditangguhkan di sesi pagi. Seperti biasa inilah kekuatan yang ada kepada UMNO, dia lontar, lari. Tak berani berdepan dengan fakta dan kenyataan. Saya minta Yang Berhormat Permatang sekiranya berada di luar Dewan supaya masuk ke dalam. Mari kita berbahas di dalam Dewan yang mulia ini demi mencari kebenaran. Begitu juga Yang Berhormat Ketua Pembangkang daripada Serdang supaya segera tampil ke dalam Dewan kerana rakyat Selangor sedang mengikuti siaran secara langsung tentang peranan yang dimainkan oleh Ahli-ahli Dewan Negeri daripada UMNO dan Barisan Nasional. Setakat ini ada 2 orang sahaja di dalam Dewan.

Baik, sebentar tadi Yang Berhormat Permatang cuba menimbulkan keraguan bahawa Yang Berhormat Permatang Pauh telah melenyapkan sejumlah RM3 bilion. Saya menegaskan ini satu tuduhan yang cukup liar dan tidak bertanggungjawab. Apa yang berlaku ialah fitnah ini ditaja oleh Dr. Mahathir bin Mohamad ketika Dato' Seri Anwar bin Ibrahim berada di dalam penjara Sg. Buloh. Dato' Seri Anwar tidak berupaya untuk mempertahankan serangan-serangan dan fitnah ini. Justeru itu, pada ketika itu apa yang berlaku Badan Pencegah Rasuah telah datang menemui Dato' Seri Anwar Ibrahim di dalam penjara Sg. Buloh untuk menjalankan siasatan. Dan Dato' Seri Anwar Ibrahim telah memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada pihak Badan Pencegah Rasuah dalam menjalankan siasatan di atas fitnah yang ditaja oleh Dr. Mahathir bin Mohamad. Ini Melayu rasis, yang saya perjelaskan pagi tadi. Sebentar tadi sewaktu rehat saya tengok ada satu lagi kenyataan daripada Dr. Mahathir. Dia kata Melayu ini bodoh. Dan dia marah pentadbiran Dato' Seri Najib kerana mengiktiraf Sijil Kolej Tunku Abdul Rahman. Dia kata patutnya UMNO jangan iktiraf sijil tersebut. Ini Melayu rasis. Mengapa pendidikan digunakan sebagai senjata politik perkauman UMNO dan Barisan Nasional? Saya hendak tanya apa pendirian MCA dalam perkara ini apabila Tun Dr. Mahathir menyerang pentadbiran Dato' Seri Najib mengapa mengiktiraf Sijil Kolej Tunku Abdul Rahman? Tidak ada pendirian. Saya mintalah Sg. Pelek, Kuala Kubu Baru, ini kenyataan rasmi daripada pemimpin agung UMNO. Akan *respons* ya?

YB TUAN WONG KOON MUN: Puan Speaker, saya rasa ini Bukit Antarabangsa dia sudah keliru. Saya hendak tanya sekarang siapa Perdana Menteri? Siapa Perdana

Menteri? Tun Dr. Mahathir kah atau Dato' Seri Najib bin Tun Razak? Kalau kenyataan itu dibuat oleh Dato' Seri Tun Razak, Najib Tun Razak, maka itu lakulah. Ini bekas-bekas Perdana Menteri, kenyataan itu bukan mewakili negara kita. *You* kena faham.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Jadi Kuala Kubu Baru tak bersetujulah dengan Tun Dr. Mahathir, cakaplah begitu. Baik,

YB TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan. Saya ingin bertanya. Jadi adakah Yang Berhormat Bukit Antarabangsa tahu bahawa sebenarnya walaupun Perdana Menteri adalah Dato' Seri Najib Tun Razak tetapi sifu ataupun tok guru ataupun mahaguru kepada Dato' Seri Najib tak lain tak bukan Tun Dr. Mahathir sendiri, benar atau tidak? Saya ingin bertanya.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Yang Berhormat Kg. Tunku. Itu memang benar, sudah menjadi rahsia umum. Segala pergerakan dan tindak tanduk Perdana Menteri sekarang ini dipantau dan dikuasai oleh Mantan Perdana Menteri selain daripada isteri beliaulah. Baik, saya hendak menyambung tuduhan Yang Berhormat Permatang sebentar tadi ya. Saya ada sini kertas siasatan, apa ni kenyataan yang dibuat oleh Pengarah Siasatan Badan Pencegah Rasuah bernama Abdul Razak bin Idris. No. kad pengenalan 490626-07-5069 yang beralamat di 7259, Jalan Geliga, Taman Setia, Gombak, Kuala Lumpur. Apa kenyataan yang dibuat oleh Pengarah Siasatan Badan Pencegah Rasuah? Dia beritahu:

Saya Pengarah Badan Pencegah Rasuah Malaysia. Saya bekerja di BPR mulai tahun 1974 sehingga bersara pada tahun 2004. Sebagai Pengarah Siasatan Badan Pencegah Rasuah Malaysia Tahun 1999, saya telah mengarahkan siasatan dijalankan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997 ke atas akuan bersumpah Dato' Abdul Murad bin Khalid yang diterbitkan dalam akhbar tempatan. Siasatan telah dijalankan oleh cawangan di bawah penyeliaan saya di Ibu Pejabat Badan Pencegah Rasuah. Siasatan dijalankan secara mendalam, menyeluruh dan teliti termasuk keluar negara Singapura dan United Kingdom. Siasatan itu menghasilkan keputusan tiada sebarang kes terhadap Dato' Seri Anwar bin Ibrahim atau sesiapa pun berhubung akuan bersumpah tersebut. Maka saya mengarahkan siasatan ditutup.

Ini kenyataan daripada Pengarah Siasatan Badan Pencegah Rasuah yang menjelaskan siasatan telah dijalankan berdasarkan maklumat yang diterima dalam akuan bersumpah Dato' Abdul Murad bin Khalid. Siasatan bukan sahaja berjalan di dalam negara tetapi juga di Singapura dan di United Kingdom. Kalau dilihat keterangan terperinci beliau, beliau menyatakan secara tegas bahawa beliau tidak ke Amerika Syarikat untuk maksud tersebut tetapi memutuskan tidak ada alasan ataupun asas untuk mendakwa Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam tuduhan tersebut. Siapa Permatang hari nak tampil dalam Dewan, hendak menjadi juara konon. Sebab itu sudah sampai masanya kita kena dedahkan siapa Ahli Yang Berhormat Permatang ini dalam kes di KUIS dan juga UNISEL.

Yang Berhormat Puan Speaker,

Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan Negeri Selangor dapat berdialog secara tenang dan waras. Kita mungkin ada perbezaan pandangan dan ideologi politik tetapi kita harus mengambil sikap yang terbuka, bertanggungjawab di atas kenyataan yang kita buat dan jangan meneruskan dan menyuburkan budaya fitnah yang dibawa oleh UMNO dan juga Barisan Nasional. Saya ingin merumuskan perbincangan saya pada petang ini dengan mencadangkan kepada Kerajaan Negeri selaras dengan peringatan dalam mukadimah saya pada pagi ini untuk tidak menjadikan amalan peruntukan tambahan ini dalam setiap sesi Sidang DUN maka peruntukan untuk Tabung Amanah Belanja mengejut dan juga Tabung Bencana Negeri ini dijadikan butiran tetap dalam belanjawan negeri dengan jumlah bajet yang mencukupi mengikut unjuran yang diputuskan oleh Kerajaan Negeri supaya kita tidak lagi melihat permohonan-permohonan tambahan dibuat dalam belanjawan tambahan sekiranya usaha ini dapat kita utamakan.

Saya juga amat mengalu-alukan keputusan kerajaan negeri khususnya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk mencadangkan peruntukan tambahan untuk Kumpulan Wang Pembangunan Negeri berjumlah RM40.4 juta bagi tahun ini. Namun Yang Amat Berhormat Tan Sri, bagi sebuah Kerajaan Negeri yang mempunyai rizab bernilai RM2.1 bilion sudah tentulah peruntukan tambahan ini terlalu kecil. Saya dan rakan-rakan telah menjelajah ke seluruh negara membawa sukses *stories* ini ke Negeri Pahang, kami dah cerita RM2.1 bilion. Johor juga terkejut dengan angka ini malahan orang Johor mencadangkan kalau boleh dia hendak pinjam Tan Sri untuk 1 penggal menguruskan dan mentadbir kerajaan negeri Johor. Pahang pun saya pergi dia kata kalau boleh, boleh tak pinjamkan Tan Sri sekejap? Hendak uruskan tadbir Negeri Pahang dan Johor. Tapi saya katakan tak boleh. Orang Selangor kasih dan sayang dengan Tan Sri dan akan mempertahankan Tan Sri. Cuma maksud saya ialah rakyat melihat ini satu kejayaan yang luar biasa kerana pentadbiran yang amanah, yang telus dan bertanggungjawab. Namun kalau boleh tambahlah sedikit lagi Tan Sri lagi ya. Sebab yang kita hendak buat ini adalah projek yang memberi faedah terus kepada rakyat. Bukan projek yang bersifat *monumental projects*. Kita bukan hendak buat tugu. Sebab *legacy* Tan Sri di Selangor ini bukan kerana tugu, bukan kerana cincin. Bila sebut nama Yang Amat Berhormat Tan Sri Abdul Khalid bin Ibrahim rakyat Malaysia melihat ini contoh kepimpinan yang terbaik. Malahan kejayaan kita di Putrajaya dalam beberapa bulan ini bergantung besar kepada kepimpinan Tan Sri di Negeri Selangor. Jadi *legacy* Tan Sri ialah keupayaan mentadbir dengan baik, dengan cekap, dengan amanah. Yang saya sebut pagi *legacy* Tan Sri juga.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Puan Speaker, Bangi celah sedikit. Kalau di.....

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Sokonglah.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Sokonglah, sokong. Kalau hendak ditambah lebih daripada RM40 juta itu agaknya banyak mana yang perlu ditambah lagi? Adakah 100% atau 200%?

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Yang Berhormat Bangi, kita sokong angka yang baiklah. Saya hendak jawab pun tak boleh sebab saya bukan sebelah situ tapi saya boleh cadangkan sekurang-kurangnya RM100 juta. Daripada RM2.1 bilion kita *transferkan*, keluarkan RM100 juta tak terkesan kumpulan wang disatukan Negeri Selangor, masih kuat dan kukuh. Sebab yang saya sebut tadi kewangan negeri ini kukuh dan mampu mengeluarkan jumlah yang lebih berpatutan untuk pembangunan dan kesejahteraan rakyat. Maka saya cadangkan supaya Kerajaan Negeri teliti semula jumlah ini dan tujuannya apa? Ada 2 tujuan yang saya hendak cadangkan. Ini cadanganlah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar.

Pertama, untuk mewujudkan dana khas bagi membangunkan semula medan selera dengan konsep baru dan juga gerai-gerai makan di negeri Selangor ini. Pada ketika ini medan selera dan gerai makan di bawah pentadbiran PBT hampir kebanyakannya begitu. Namun kita sering mendapat aduan bahawa medan selera masih dengan konsep yang lama manakala premis makanan tidak diurus dengan baik, khususnya dari segi kebersihan dan konsep mesra pelanggan. Rata-rata premis makanan hari ini mempunyai keluasan sekitar hanya 300 hingga 400 meter persegi dan ini menyebabkan ruang untuk memasak terlalu sempit dan kemudahan asas seperti kerusi meja tidak mencukupi. Maka sebab itu kita dapat menyaksikan banyak kerusi meja ini diletakkan di atas bahu-bahu jalan dan menyebabkan kesesakan jalan raya. Selain daripada itu masalah besar juga, sisa-sisa makanan ini dibuang dengan mudah ke dalam longkang menyebabkan bau busuk dan pastinya tidak disenangi oleh pelanggan. Ini semua kerana konsep pembangunan medan selera dan gerai sebelum ini tidak memenuhi prasyarat dan peraturan-peraturan yang boleh menangani masalah yang saya sebutkan tadi. Malangnya PBT tidak mempunyai peruntukan untuk menambah baik atau membaik pulih medan selera dan premis makanan, apatah lagi untuk membangunkan semula. Maka saya menggesa kerajaan negeri untuk menyediakan peruntukan khas untuk membaik pulih dan menambah baik premis makanan di bawah pentadbiran PBT. Mungkin kerajaan negeri boleh menimbangkan peruntukan ini disalurkan terus kepada PBT - PBT di seluruh negeri Selangor ataupun kita boleh mewujudkan satu mekanisme khas untuk menangani masalah ini. Saya ingin mencadangkan premis makanan yang baik perlu mempunyai keluasan dan kemudahan asas yang boleh menampung sejumlah pelanggan dalam sesuatu waktu dan kemudahan wi-fi dan juga kerusi meja dengan konsep baru yang cukup selesa dan dengan konsep yang lebih bersantai dan mesra pelanggan. Berdasarkan inisiatif ini saya yakin kerajaan negeri dapat membantu peniaga-peniaga di Selangor supaya dapat meningkatkan pendapatan bulanan mereka hasil daripada perniagaan di premis yang menggunakan konsep yang baru dan lebih moden, mesra pelanggan dan premis yang jauh lebih bersih daripada keadaan sekarang.

Akhirnya Yang Berhormat Puan Speaker, saya ingin menyarankan supaya kerajaan juga menyediakan dana khas untuk menaik taraf dan membaik pulih surau-surau dan masjid di negeri Selangor. Saya sedia maklum bahawa JAIS dan juga Lembaga Zakat Selangor mempunyai peruntukan bagi maksud ini tetapi saya sering mendapat jawapan yang *standard* iaitu peruntukan tidak cukup dan terpaksa menunggu giliran. Dalam

kajian saya di Selangor, kita mempunyai 396 masjid dan 1,800 surau. Kerajaan Negeri perlu sedar bahawa negeri Selangor menjadi pusat penghijrahan rakyat yang bermastautin untuk mencari pekerjaan. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan, sebanyak 57.9% rakyat Selangor adalah beragama Islam. Maka sudah tentulah masjid dan surau adalah penting selaras dengan hasrat kerajaan negeri untuk menjadikan masjid sebagai pusat reformasi umat Islam. Negeri Selangor juga sedang rancak membuka kawasan-kawasan perumahan yang baru dan pastinya pembangunan surau amat mendesak. Saya baru dapat statistik kelahiran di Negeri Selangor, setiap tahun meningkat. Maknanya orang Selangor ini memang *very produktif*, Tan Sri ya. Pada tahun 2010, kadar kelahiran mencatatkan 79,902 orang. 2011, 86,728. Tahun 2012 ini baru 6 bulan sudah 42,361 orang. Kerana lahir di Selangor ini banyak kemudahan dapat. Bayi dapat, orang tua pun dapat, maknanya hidup senang mati pun senang. Tapi di negeri-negeri yang diperintah oleh UMNO, hidup susah mati pun susah Tan Sri. Jadi sebab itu saya ingat kadar kelahiran itu terus meningkat dan sebahagian besarnya adalah umat Islam. Sudah tentulah keperluan surau dan masjid ini amat mendesak. Sementara untuk membangunkan surau yang baru memerlukan kos pembangunan yang agak besar, saya amat prihatin kerana surau-sarau yang lama ini tidak boleh kita abaikan dan perlu ditambah baik dan diperbaiki. Untuk maksud itu saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan tambahan yang sesuai bagi mencapai matlamat seperti yang dibangkitkan dalam perbahasan saya sebentar tadi.

Akhirnya Yang Berhormat Puan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, saya ingin mengambil kesempatan ni untuk mengucapkan Ramadhan Al-Mubarak yang akan tiba dalam beberapa hari yang akan datang. Mudah-mudahan kesempatan dalam bulan Ramadhan ini yang dipertemukan oleh Allah SWT dapat kita mengukuhkan lagi istiqamah kita dalam perjuangan menegakkan keadilan dan kebenaran dan alhamdulillah dengan komitmen yang ditunjukkan oleh Dato' Menteri Besar dalam memimpin negeri Selangor saya yakin insya-Allah bukan sahaja Pakatan Rakyat dapat mempertahankan negeri Selangor, kita akan sampai ke Putrajaya dalam pilihan raya yang akan datang. Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Baik, saya bagi peluang kepada pembangkang. Kuala Kubu Baru.

YB TUAN WONG KOON MUN: Terima kasih kepada Puan Speaker. So, Kuala Kubu sini hendak ucapkan terima kasih kepada Puan Speaker kerana beri peluang untuk Kuala Kubu untuk membahaskan pembentangan kertas-kertas mesyuarat Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan Tambahan 2012. Boleh dikatakan setiap sidang mengadakan di Dewan yang mulia ini, mesti ada bajet tambahan. Itu sudah menunjukkan bahawa kerajaan negeri Selangor bawah pimpinan Pakatan Rakyat tidak *efisien*, tidak *efisien* sentiasa

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Minta laluan Puan Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Silakan Sri Muda.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih Kuala Kubu Baru. Sebentar tadi Kuala Kubu Baru ada menyebutkan tambahan belanjawan ataupun bajet tambahan hampir setiap tahun. Jadi soalan saya, apakan *efisien* sungguh Kerajaan Persekutuan kerana setiap tahun, setiap kali ada persidangan Dewan pun diwujudkan ataupun diminta juga bajet tambahan. Tolong jawab Kuala Kubu.

YB TUAN WONG KOON MUN: Terima kasih kepada Rakan Muda. Ini kita bincang hal-hal di Dewan Negeri. Kalau hendak bentang hal Dewan Rakyat ada kebanyakan Dewan Rakyat di sini boleh bawa. Puan Speaker, pendekatan bajet seimbang memang tidak dicapai selama ini. Hari ini kita nampak bahawa.....

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Mencelah.

YB TUAN WONG KOON MUN: Ha, masuk.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BI SHAFIEI: Jawapan tadi, terima kasih Puan Timbalan Speaker dan Kuala Kubu Bahru. Jawapan tadi kita tak dapat, kita tak terima. Yang saya sebutkan apakah *efisien* kerajaan persekutuan sebagai anggota daripada Kerajaan yang memerintah di peringkat persekutuan sepatutnya Kuala Kubu wajib menjawab soalan itu, soalan mudah. *Efisien* atau tidak? Itu sahaja. Kalau tak *efisien* maknanya kena tukarlah kerajaan di peringkat persekutuan itu kepada Kerajaan Pakatan Rakyat supaya apa yang kita laksanakan di negeri Selangor ini boleh kita laksanakan di peringkat persekutuan. Itu yang sepatutnya tapi jawapan itu pun dia tak dapat beri, maka saya ingat Kuala Kubu pun tidak *efisien* untuk menjadi wakil rakyat Barisan Nasional.

YB TUAN WONG KOON MUN: Tak apalah nanti saya lebih *efisien* untuk menjadi Ahli Dewan Rakyat, saya jawab. Saya sekarang Ahli Dewan Negeri sahaja. Terpolung pada pucuk pimpinan saya. Puan Speaker, so kalau merujuk kepada B(6) mengapa *contribution of The State Development Fund* iaitu caruman kumpulan wang pembangunan telah diubah daripada RM11 juta hingga kali yang terbaru RM40,420,042.00. Ini kita hendak mengadakan satu kenyataan yang lebih terperinci kerana kita nampak bahawa tambahan untuk bajet setiap tahun bersidang makin lama makin bertingkat. Itu sebab sebagai wakil rakyat di sini kita ada berhak untuk tahu bagaimana terperinci belanja di antara caruman wang kumpulan pembangunan negeri. Yang satu lagi ialah untuk Jabatan Agama Islam. Mengapa sehingga RM15,550,833.00 untuk Jabatan Agama Islam untuk bajet yang akan belanja nanti. Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada semua penjawat awam kerana oleh kerana dalam Skim SSM, Skim Saraan Malaysia bahawa semua kakitangan Kerajaan telah naik gaji, 13%. Ini adalah satu usaha daripada kerajaan pusat bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana dalam *Government Transformation Pen* supaya kita dapat menaikkan gaji kakitangan penjawat awam untuk menambahkan *efficiency*. So, saya ucapkan tahniah kepada semua kakitangan oleh sebab usaha daripada Barisan Nasional usaha daripada kerajaan persekutuan, maka kerajaan negeri terpaksa ikut kenaikan gaji. Ekoran dari.....

YB TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Siapa *you* bagi?

YB TUAN LAU WENG SAN: *You* bagi siapa?

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Siapa?

YB TUAN LAU WENG SAN: Siapa?

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Bukit Antarabangsa.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Kuala Kubu Baru. Saya dengar tadi Yang Berhormat Kuala Kubu Baru menyebut setiap kali Dewan Negeri bersidang, peruntukan tambahan ini bertambah dari setahun ke setahun. Apakah Yang Berhormat Kuala Kubu sedar pada tahun 2010 pertambahan kenaikan, peratus kenaikannya 21% daripada belanjawan yang telah kita luluskan. Tahun 2011 peratus kenaikannya turun kepada 14%. Pada tahun 2012 peratus kenaikannya hanya 6%. Dari segi matematik, kalau daripada 21 ke 14 ke 6, itu maknanya menurun bukan meningkat. Jadi kalau Yang Berhormat Kuala Kubu Baru setuju boleh masuk kelas tuisyen matematik bersama dengan Presiden MCA dan Yang Berhormat Ijok untuk ini. Saya kena betulkan fakta ini. Jangan datang dalam Dewan membohong sebab fakta yang ada dalam simpanan Kerajaan Negeri kenaikan itu sebenarnya tidak mendadak tetapi menurun daripada 21% kepada 14% dan sekarang hanya 6%.

YB TUAN WONG KOON MUN: Itu, saya tak setuju bahawa Bukit Antarabangsa ada setuju ada kenaikan. Ada setiap kali ada minta bajet tambahanlah. Itu telah membuktikan bahawa setiap kali ada bajet tambahan menunjukkan satu kerajaan yang kurang efisien.

YB TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan. Ok, terima kasih Yang Berhormat Kuala Kubu Baru. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Kuala Kubu Baru walau pun keputusan untuk menaikkan emolumen kakitangan awam ini dibuat oleh kerajaan pusat, kerajaan pusat yang dibimbing oleh Barisan Nasional tapi tahukah Yang Berhormat ada juga kerajaan negeri yang ditadbir Barisan Nasional tidak ada wang untuk bayar gaji kepada kakitangan akibat keputusan ini dan sehingga mereka perlu meminjam daripada kerajaan pusat ataupun mereka kena pakai wang Majlis untuk membayar gaji kakitangan di PBT dan ini berlaku di negeri-negeri yang ditadbir oleh Barisan Nasional. Apa pendapat Y.B. Kuala Kubu Baharu.

YB TUAN WONG KOON MUN: Saya rasa untuk menggunakan wang Majlis bayar gaji-gaji bukan saja lain negeri saya rasa negeri Selangor pun serupa juga.

YB TUAN LAU WENG SAN: Adakah Y.B. ada bukti..... Adakah Y.B. mempunyai bukti atau tidak....Saya bertanya ada atau tidak....

YB TUAN WONG KOON MUN: Awak yang kerajaan bila saya soal

(pertelingkahan mulut antara YB. Tuan Wong Koon Mun dan YB. Lau Weng San.....)

YB TUAN LAU WENG SAN: Jangan memalukan kakitangan awam, jangan memalukan kakitangan PBT.

YB TUAN WONG KOON MUN: Mengapa saya nak tarik balik. Bila saya soal, kami di sini pembangkang, kami berhak nak tahu

(pertelingkahan mulut antara YB. Tuan Wong Koon Mun dan YB. Lau Weng San....)

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Ahli-ahli YB., bertenang....ini Dewan Yang Mulia, apa-apa kenyataan yang dibuat di dalam Dewan ini Ahli-ahli YB., mesti bertanggungjawab. Sepertimana yang dibahaskan pada awal

YB DATO' SRI SUBAHAN B. KAMAL: YB. Speaker.....

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya belum habis bercakap.....

YB DATO' SRI SUBAHAN B. KAMAL: Dak....yang biadab tu Kg. Tunku bukan YB. ni

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Taman Templer.....Taman Templer sila duduk...

YB TUAN LAU WENG SAN: Tak pa...tak pa...jangan buat tuduhan peribadi.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Apabila kita berbahas segala perbahasan mesti ada dokongan, sokongan dengan fakta dan juga bukti. Jadi kalau sekiranya mana-mana Ahli Dewan membuat kenyataan kalau dituntut oleh pihak Ahli Dewan yang lain untuk kemukakan bukti maka kemukakan. Jadi saya minta Kuala Kubu Baharu teruskan perbahasan.

YB TUAN WONG KOON MUN: Puan Speaker kami selaku pembangkang di sini itu sebab apabila saya soalkan ke mana wang Majlis kerana kerajaan kena jawab. Itu sebab di Kawasan Majlis Hulu Selangor kita difahamkan bahawa setiap tahun wang majlis berjuta-juta ada disalurkan kepada PBT tetapi apabila disoalkan oleh rakyat mengapa longkang tidak dibaiki, mengapa pokok tidak boleh dicantas mengapa jalan tidak boleh *repair* maka mereka kata wang tak ada. Ke mana wangnya? Itu sebab kemungkinan wang ini adalah untuk membayar gaji. Tadi yang disebutkan oleh Bukit Tunku bahawadikatakan Kg. Tunku bahawa.....

YB TUAN LAU WENG SAN: YB.,...YB., saya ingin bertanya satu soalan sahaja jadi apa yang dinyatakan oleh YB. ialah mungkin....mungkin....perkataan itu ialah mungkin...iaitu kamu belum ada bukti lagi betul tak...

YB TUAN WONG KOON MUN: Itu sebab *you* tak jawab....itu *you* kena jawab....awak kerajaanawak kena jawab....sama juga dengan isu Talam Corporation....saya nak masuk sikit...walaupun mengikut dengan penilaian sekeping tanah Bestari Jaya di bawah 90...2010 bahawa 2263 ekar tanah walaupun nilai tanah ni hanya RM139 juta telah diberikan oleh laporan daripada penilaian maka mengapa kerajaan negeri Selangor belanja sebanyak RM181 juta untuk membeli sekeping tanah. Nampaknya tanah ni masih dalam pegangan institusi kewangan. Itu yang kami risau. Bahawa ini adalah penyelewengan sebanyak RM42 juta lebih yang telah diakui Oleh ahli Parlimen daripada PJ SelatanPJ Utara bahawa Kerajaan Negeri telah lebih bayar RM42 juta. Maka perkara ini telah kami bangkit mengapa sebagai Menteri Besar YAB daripada Ijok tidak jawab. Kalau kita pandangkan bahawa Selangor telah begitu berani, begitu hebat meluluskan akta enakmen kebebasan maklumat di 2010, mengapa tidak jawab. Itu sebab rakyat persoalkan. Itu sebab pihak kita sini begitu risau kalau kita tengok bajet-bajet yang telah dikemukakan di sini mengapa tak efisien setiap kali juga ada tambahan. Yang cakap sini bukan cakap bagi pihak saya Kuala Kubu kerana pihak rakyat di seluruh Selangor. Seluruh Selangor berhak tahu bagaimana belanja terperinci.....

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan.....

YB TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih YB. Kuala Kubu Baharu. Saya nak minta penjelasan daripada YB. Kuala Kubu Baharu berkenaan dengan bajet tambahan ini di mana kita dipersoalkan kenapa diminta tambahan bajet. Yang saya nak jelaskan di sini ialah Selangor punya duit lebih jadi tambahan duit itu perkara biasa, keperluan, tapi bagaimana dengan pusat yang tak ada duit tapi tambah-tambah, apa pendirian, tolong jelaskan.

YB TUAN WONG KOON MUN: Sekinchan *you* pandai politik saja. Walaupun *you* kebanyakan sebelas tetapi hari ini sebagai Menteri Besar dia tidak diberitahu bahawa berapa wang kerajaan negeri telah hutang kerajaan pusat tidak bayar. Mana...mana *figure*. Mana *figure* tu yang tak bayar kepada Kerajaan Pusat. *You* hanya tunjuk *you* wang ada tapi *you* wang hutang mana. *You* tak sebut. Itu sebab kita risau bahawa wang lebih ni walaupun ada wang lebih tapi kena digunakan sebetul-betulnya. Bukan untuk menyelamatkan satu syarikat yang dulu kononnya daripada pihak DAP masa tu belum ada Pakatan Rakyat. Dulu ada Keadilan mengapa BN bekerjasama dengan Talam Corporation walaupun dia tak *performs* walaupun rumah di Bukit Beruntung, Bukit Sentosa tak sempurna, tak ada CF, jalan tak buat, longkang runtuh tak buat disalahkan bahawa Barisan Nasional masih memberi tanah untuk kerjasama dengan Talam Corporation tapi hari ni apa jadi? Mengapa sebuah syarikat yang tak *performs* tetapi hari ini sebagai Kerajaan Pakatan Rakyat berkongsi dan menyelamatkan mengambil alih aset daripada Talam Corporation. Bayangkan ini wang rakyat. Rakyat ada berhak tahu. Itu sebab saya begitu risau sentiasa mengambil tahu wang tambahan jika mana wang belanja ni. Itu sebab saya tadi ikut ekoran daripada Bukit Antarabangsa bahawa hanya 65% tambahan ini adalah bayaran gaji. Ke mana lagi 35% dibelanja? Kami berhak untuk tahu. Itu sebab hari ini saya ingin membentangkan

perbahasan saya ini supaya kita dapat penjelasan atau belanja yang lebih terperinci khususnya daripada B29 Treasury General Expenses. Dan juga belanja daripada B14 iaitu Jabatan Agama Islam dan juga B6 Caruman Kumpulan Wang Pembangunan Negeri. So Tuan Speaker dengan kata terakhir ini saya ucapkan terima kasih. Sekian Terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Bukit Antarabangsa mencelah.....dia sudah duduk....Kampung Tunku

YB TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Saya berterima kasih kepada Puan Timbalan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap di Dewan Yang Mulia ini dan Kampung Tunku juga berdiri untuk menyokong Enakmen Pembekalan Tambahan 2012 yang dibentangkan oleh YAB Menteri Besar sebentar tadi. Dan Kampung Tunku mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pentadbiran negeri Selangor kerana mengikut apa yang dibentangkan tadi kerajaan negeri Selangor mencatat kedudukan kumpulan wang yang disatukan yang tertinggi dalam sejarah negeri Selangor. Di mana sehingga 30 Jun, 2012 jumlah wang yang ada dalam kumpulan wang yang disatukan berada pada paras RM2.1 bilion ringgit. Tahniah diucapkan. Bekalan tambahan yang perlu diluluskan oleh Dewan Negeri Selangor kali ini berjumlah RM92.4 juta. Dan ianya merupakan 5% daripada jumlah peruntukan tahun 2012 secara keseluruhannya. Sepintas lalu sebahagian besar daripada peruntukan ini adalah dibelanjakan untuk membiayai kenaikan dan pelarasan emolumen berdasarkan penambahbaikan Sistem Saraan Malaysia(SSM) di mana bekalan sebanyak RM51.7 juta telah dibelanjakan untuk tujuan ini. Sekiranya kita tidak mengambil kira perbelanjaan ini maka peruntukan tambahan yang perlu diluluskan oleh Dewan Negeri Selangor hanya sekitar RM40.7 juta sahaja...

YB TUAN WONG KOON MUN: Beri laluan Puan Speaker

YB TUAN LAU WENG SAN: Ya.....silakan....

YB TUAN WONG KOON MUN: Ok saya nak buat ...nak tanya penjelasan, bahawa keseluruhan tambahan ini adalah RM91 juta ataupun RM120 juta kerana ada pindaan.

YB TUAN LAU WENG SAN: RM120 juta...maaflah kerana ada kesilapan dalam perbelanjaan....dalam angka yang saya panggilkan ini tetapi walau macam mana pun apa yang saya ingin bangkitkan di sini ialah peratusannya.....peratusannya...kalau kita faham matematik...

YB TUAN WONG KOON MUN: Puan Speaker saya nak cakap.....

YB TUAN LAU WANG SAN: Belum habis lagi.....

YB TUAN WONG KOON MUN: Kalau keseluruhan tambahan bajet itu tak betul, you kena beri tau satu angka mana yang ...mana satu angka yang betul 91,615,000 ataupun 120,115,000.....kalau tidak you punya peratus tak betul.

YB TUAN LAU WENG SAN: Jangan bimbang YB. Kalau...saya mengakui bahawa perbelanjaan keseluruhannya ialah RM120 juta. Dan saya memohon maaf atas kesilapan ini tapi apa pun sekali kalau YB faham matematik YB Bukit Antarabangsa faham matematik sebab dia jurusan Matematik. Kalau pembahaginya....pembahaginya lebih besar maksudnya peratusan pertambahan itu menjadi lebih kecil. Maksud saya di sini ialah kalau kita ambil keluar peratusan yang dibelanjakan untuk emolument maka peratusan keseluruhan yang kita belanja sebagai bekalan tambahan untuk tahun ini adalah lebih kecil, kurang daripada 5%. Tadi saya kata 5% sekarang kurang daripada 5%. Maksud saya ialah sebegitu rupa. Kalau pembahagi tu adalah lebih kecil maka pemberat kepada peruntukan tambahan ini menjadi lebih besar dan merupakan satu masalah. Tapi apa yang berlaku ialah sebaliknya dan saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri Selangor. Saya tak pasti YB. Kuala Kubu faham matematik ini atau tidak.

YB TUAN WONG KOON MUN: Saya rasa Kg. Tunku tak faham matematik. Kalau kita minta bajet RM91 juta kalau diubahkan RM120 juta dia bukan lebih kecil dia lebih besar daripada *you* punya simpanan yang ada. Ini matematik sekolah rendah pun tahu.

YB TUAN LAU WENG SAN: YB., saya rasa ini kalau dibandingkan dengan apa yang saya kira tadi, apa yang saya tekankan di sini ialah nisbah. Ianya kepada jumlah keseluruhan. YB., apa yang juga saya ingin katakana di sini seperti apa yang saya katakan tadi ialah kalau....kalau angka yang dibelanjakan untuk emolument ini dikeluarkan maka apa yang dibelanjakan sebenarnya ialah lebih kecil kerana sebahagian besar perbelanjaan ini adalah disebabkan oleh keputusan kerajaan persekutuan dan kita sebagai kerajaan negeri perlu akur kepada keputusan ini.

YB TUAN SULAIMAN B. ABDUL RAZAK: Boleh mohon buat penjelasan....

YB TUAN LAU WENG SAN: Ya....

YB TUAN SULAIMAN B. ABDUL RAZAK: Terima kasih apa...Bukit Tunku. Puan Speaker...

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya.....

YB TUAN SULAIMAN B. ABDUL RAZAK: Saya tak tahulah apa...sama ada saya yang keliru ataupun.....apa ni...Kuala Kubu ataupun Bukit Tunku. Saya buat catatan sebenarnya sepanjang apa YAB Menteri Besar tulis...apa...sebut dalam perbelanjaan tambahan ini. Dan saya rasa kita pun memang patut minta penjelasan daripada YAB Menteri Besar. Saya buat catatan, saya tak pasti kalau saya tak sempat catit tapi yang saya dapat catit perbelanjaan-perbelanjaan yang disebut oleh YAB Menteri Besar masa membentangkan Rang Undang-undang ini tadi daripada perkara B7, B8 sampai B17 diteruskan dengan B18 sehingga B29. Apa yang saya sempat catit dalam catatan saya, saya minta maaf kalau catatan saya tak betul kita boleh *check* dengan *hansard* nanti. Apa yang saya catit daripada B7 sehingga B29 YAB Menteri Besar terang semua

perbelanjaan ini untuk kenaikan gaji sebanyak 13% selaras dengan SSM dan juga perkara-perkara yang berkaitan termasuk cola dan sebagainya. Jadi saya rasa yang disebut semuanya itu sahaja, tiada perincian yang lain kecuali yang B yang sebelumnya, jadi saya sempat catit daripada B7, B8 sehingga B17 termasuk B18 sehingga B29 semua dicatitkan, jadi saya ingat elok juga kita nanti minta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar perincian sebenar ataupun kita cek dengan *hansard* dewan supaya apa yang disebutkan tadi memang hanya semata-mata gaji dan juga kenaikan 13 peratus atau ada perkara-perkara lain yang di sebalik apa yang disebutkan tadi.

YB TUAN LAU WENG SAN: Saya rasa Yang Berhormat boleh masukkan ucapan itu atau soalan itu dalam ucapan dan kita menunggu jawapan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, tapi apa-apa pun sekali, apa yang saya ingin tegaskan di sini ialah Selangor tidak sama dengan negeri-negeri Barisan Nasional yang lain, kita mempunyai sumber kewangan yang cukup.....

YB TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Ya, Kalau fakta tadi saya, fakta saya tadi betul bererti apa juga peratusan, apa juga yang disebut oleh Bukit Tunku telah lari jauh dah, itu apa yang sempat saya catitlah.

YB TUAN LAU WENG SAN: Ya, silakan.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Yang Berhormat, Kampung Tunku. Izinkan saya membantu sedikit dan pada masa yang sama minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Kampung Tunku. Sebenarnya yang celaru ni.. Permatang dengan Kuala Kubu Baharu ya, bila sesuatu bajet dibentangkan dia ada dua komponen, satu belanja mengurus ya, satu belanja pembangunan, yang saya sebut dalam perbahasan saya 67 peratus itu adalah belanja mengurus, saya tidak sebut bahawa 67 peratus itu adalah untuk emolumen, seperti yang dituduh oleh Kuala Kubu Baharu, sebab dia tanya tadi. Dia tanya, "Bukit Antarabangsa bagi tahu 67 peratus untuk emolumen jadi yang 37 peratus ke mana"? Bermakna dia tak faham bajet, 67 peratus adalah belanja mengurus, 37 peratus adalah belanja pembangunan, ok itu prinsipnya, baik.

Yang Kedua, kalau nak tahu perincian dan butiran di mana pembangunan di mana belanja mengurus bacalah dokumen yang telah diedarkan kepada semua Ahli Dewan Negeri, ini tak baca, dahlah tak baca tak datang dalam dewan, dalam ini ada perincian yang mana emolumen yang mana pembangunan, semua ada dalam ini. Kertas Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor dikemukakan dalam Dewan Negeri Selangor, jadi nasihatlah Ketua Pembangkang datang dan kalau boleh ada Pre-Council dulu sebelum masuk kalau tidak malu dengan pegawai-pegawai di atas tu.. Terima kasih.

YB TUAN WONG KOON MUN: Puan Speaker, saya nak jelaskan.....

YB TUAN LAU WENG SAN: Boleh buat penjelasan sikit yang dibuat olehSaya perlu percepatkan, Yang Berhormat ni mohon tanya penjelasan kepada saya ataupun tanya kepada Yang Berhormat Bukit Antarabangsa

YB TUAN WONG KOON MUN: Boleh saya buat penjelasan sikit, sikit sahaja untuk Bukit Antarabangsa, saya tanya boleh, ya saya kena buat penjelasan saya berhak...

YB TUAN LAU WENG SAN: Kena tanya saya dulu, saya perlu percepatkan tapi apa-apa pun sekali saya rasa perbincangan tentang angka ini kita sedia termaklum dengan apa yang di bentang dengan kita dan kita menganggap apa yang diberikan kepada kita itu sebagai angka yang perlu diterima di dalam Dewan ini sebagai yang benar. Jadi, Puan Speaker hujah saya ialah negeri Selangor tidak sama seperti negeri yang lain di mana terdapat negeri-negeri yang ditadbir oleh Barisan Nasional, tidak ada kemampuan untuk membayar gaji dan perlu meminjam wang daripada kerajaan persekutuan perlu menggunakan sumber-sumber kewangan yang lain untuk membayar gaji. Jadi dengan itu, saya kita tidak perlu bimbang walaupun kerajaan persekutuan membuat keputusan untuk menyelaras emolumen. Kerajaan negeri Selangor dengan kerajaan yang berhemah dan berjimat cermat, kita mampu bayar. Kampung Tunku juga tidak ingin melihat perkara iaitu perbekalan tambahan ini dijadikan sebagai isu permainan politik oleh Barisan Nasional. Di mana mereka akan menuduh Pakatan Rakyat juga membentangkan perbekalan tambahan. Soalan yang tadi yang ditanya oleh Yang Berhormat Bukit Antarabangsa adalah sangat jelas. Adakah, adakah sesebuah kerajaan itu dalam keadaan yang lemah dan berupaya dan tidak *efficient* jikalau perbekalan tambahan dibentangkan. Jawapan saya tidak kerana kita perlu lihat *logic, rasional* di sebalik perbekalan tambahan ini, kalau perbekalan tambahan ini dibentangkan kerana kerajaan memang mempunyai tambahan untuk dibelanjakan, jadi ia sepatutnya disokong kerana wang yang diperuntukkan dan dibelanjakan ini adalah *generated by the state*. Kalau perbekalan tambahan itu dibentangkan oleh sebuah kerajaan yang menjual aset kerajaan, menjual tanah kerajaan menswastakan entiti-entiti kerajaan ataupun hanya tinggal meminjam bon, maka pendapatan yang dijanakan itu adalah sesuatu pendapatan yang perlu dibayar balik pada masa depan. Alangkah sedihnya apa yang berlaku di Malaysia ialah mereka yang membentangkan perbekalan tambahan kerana mereka mampu menjana pendapatan yang lebih tinggi, alangkah baiknya ialah kerajaan negeri Pakatan Rakyat, alangkah sedihnya kerajaan di persekutuan yang membentangkan perbekalan tambahan ialah kerajaan yang menjana pendapatannya melalui cara-cara seperti yang saya katakan tadi, jual tanah, jual aset kerajaan, menswastakan entiti-entiti kerajaan dan meminjam bon daripada luar negara. Ini dalam Bahasa Mandarin iaitu maksudnya ialah seseorang itu berlagak-lagak sebagai orang cara, orang kaya dengan cara yang tidak realistik, seolah-olah seseorang itu hendak menjadi gemuk, hanya dengan melebamkan mukanya, itu yang maksudnya dalam Bahasa Mandarin.

Jadi Puan Timbalan Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merumuskan apa yang telah kita lakukan, barangkali apa yang telah dilakukan oleh Barisan Nasional di negeri Selangor untuk empat tahun yang lalu, Puan Timbalan Speaker, bukan sahaja rekod Barisan Nasional sebagai pembangkang di negeri

Selangor menghampakan kita semua, malahan pemimpin-pemimpin Barisan terus terlibat dalam berbagai skandal, rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. Marilah kita mengimbas kembali sedikit apa yang pernah berlaku dalam empat (4) tahun yang lalu ini. Isu pertama, masihkah kita ingat wang BALKIS, masih kita ingat, berapa telah hilang, wang tunai sebanyak RM10 juta milik BALKIS lenyap, malah kebajikan isteri-isteri wakil rakyat Selangor BALKIS yang ditubuhkan semasa zaman Barisan Nasional, hanya dibubarkan, hanya dalam masa tiga (3) hari selepas PRU 12, berikutan dengan pembubaran ini wang tunai sebanyak RM10 juta milik BALKIS juga telah lenyap dan dipindahkan ke BAKTI ataupun Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri Menteri yang ditubuhkan oleh isteri wakil rakyat Barisan Nasional di peringkat Persekutuan. Perbuatan ini telah disoal siasat oleh SELCAT dan dibongkarkan lagi dalam siasatan SELCAT pelbagai penyalahgunaan wang kerajaan negeri oleh BALKIS semasa zaman Barisan Nasional. Antaranya termasuklah perbelanjaan RM1.2 juta untuk membiayai lawatan-lawatan BALKIS di Disneyland, Amerika Syarikat, Hong Kong dan Korea Selatan. Pengerusi BALKIS pada masa itu iaitu Puan Zaharah Kekik, yang juga merupakan isteri kepada mantan Menteri Besar Khir Toyo, hingga akhir sesi pendengaran awam SELCAT, laporan polis dibuat kerana melanggar Enakmen Penghinaan Dewan Negeri Selangor, dan sehingga sekarang belum ada apa-apa lagi tindakan daripada Polis mahupun Timbalan Pendakwa raya. Jadi apabila kita bincang tentang isu-isu tentang kewangan ini, saya, saya hairan ADUN dari Barisan Nasional katanya kononnya transformasi rakyat diutamakan pencapaian didahulukan, mengapa mereka membutuhkan diri daripada skandal ini, mengapa mereka pada masa sekarang sunyi dan senyap di dalam Dewan yang mulia ini. Apa telah berlaku kepada mereka, dalam empat (4) mereka sebagai ADUN yang mulia ini? Belum cukup lagi, masih lagi mantan Menteri Besar ADUN Sungai Panjang yang mampu memiliki sebuah banglo yang begitu mewah di Seksyen 7, Shah Alam dan sebutkan sahaja tentang banglo ini semua tunduk sahaja nak pandang pun tak berani. Kalau mantan ADUN Pelabuhan Klang terkenal seantero seluruh dunia kerana Istana Zakaria, mantan Menteri Besar kita lagi hebat, berapa nilai dia, konon-kononnya RM24 juta tetapi *figure* nya masih lagi dibincangkan di mahkamah.

Yang Berhormat ADUN Sungai Panjang, yang sehingga sekarang masih lagi hilangkan diri daripada Dewan, dulu digunakan kedudukannya sebagai Menteri Besar pada masa itu untuk mendapatkan dua (2) lot tanah dan sebuah rumah di Seksyen 7, Shah Alam daripada sebuah Syarikat bernama melalui pengarahnya....

YB DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Yang Berhormat, minta laluan Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat, nak berucap macam ini berucap kat luarlah, sini saya dah cakap, sini kita nak bentangkan belanjawan tambahan, bincang yang baguslah, ini cakap politik cakap luarlah, kita pun pandai cakap, bukan 'you' sorang yang pandai cakap, sampai empat (4) tahun, hei... ni 2012 lah, kalau betul sangat bubar besok, saya cabar besok bubarlah Dewan Negeri Selangor.

YB TUAN LAU WENG SAN: Dewan yang mulia ini adalah Dewan yang tertinggi di Selangor ini, kalau kita tidak bincang tidak bahas isu ini di Dewan yang mulia ini ke mana kita nak pergi, lagipun ini adalah contoh, ini adalah contoh yang saya rasa perlu

diingatkan dipacukan ke dalam otak pihak pentadbiran supaya kesilapan ini tidak berulang. Bagaimana, apa telah berlaku saya nak kata Syarikat Titamas, nama syarikat ini Pengarahnya Samsudin Haironi, membeli dengan harga RM6.5 juta pada tahun 2004 dan dijual pula kepada Yang Berhormat ADUN Sungai Panjang dengan harga RM 3.5 juta sahaja, kalau Yang Berhormat Khir Toyo, pada masa itu, Yang Berhormat Sungai Panjang pada masa itu bukan Menteri Besar, adakah Syarikat Titamas ini dia akan buat kerja amal seperti ini ke... Yang Ketiga, belum habis lagi, ini berkaitan dengan calon daripada Barisan Nasional yang hendak dijadikan sebagai Menteri Besar, Ahli Parlimen daripada Tanjung Karang, yang juga merupakan Menteri Pertanian, Menteri Samseng, saya berani katakan di sini kerana saya ada satu bukti iaitu Yang Berhormat Sekinchan, pernah ditumbuk, jangan kita lupa, dua (2) tahun yang lalu, ADUN Sekinchan ditumbuk di bahagian perut, kepala dan tangan oleh sekumpulan tiga puluh (30) orang pegganas, di Kg Sawah Sempadan pada tahun 2010,

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Speaker, Speaker, penjelasan,

YB TUAN LAU WENG SAN: Jangan bimbang saya akan bagi selepas saya habiskan perenggan ini.

TUAN SPEAKER: Ok, silakan

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Penjelasan sekejap, sekejap sahaja, sekejap sahaja saya ingat kalau kena tumbuk saya ingat itu lebih samseng daripada tukang tumbuklah saya ingat. Terima kasih, Speaker.

YB TUAN LAU WENG SAN: Yang kena tumbuk itu budak samseng, jadi saya rasa ini adalah akal oleh seorang penjual durian yang saya tidak langsung tidak boleh faham, apa pun sekali yang ditumbuk bukan saudara dari Sekinchan sahaja ada juga mangsa-mangsa dia, ramai-ramai semua orang Cina, India, Melayu semua kena. Ahli Majlis Perbandaran Kajang dan sekumpulan hadir apabila menghadiri satu majlis perasmian sekolah di Daerah Hulu Langat, juga dikasari oleh kunci-kunci Noh Omar pada tahun 2012. Laporan polis dibuat oleh Ahli Majlis, malahan Yang Berhormat Sekinchan juga membuat laporan Polis sekarang sehingga sekarang, *eleh.. poochik*, apa pun tidak pernah berlaku. Pihak Polis tidak menahan sesiapa pun untuk di bawa soal siasat, tidak ada kertas pendakwaan daripada Pendakwa raya

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Speaker, Speaker, tunggu, sikitlah, sikit saja, sikit saja, sikit saja

TUAN SPEAKER: Ya, Silakan.....

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: *You* dah buat *report* polis, bukan, dah buat *report* polis, tunggulah siasatan polis pun bukan senang-senang nak tangkap mesti ada saksi, mesti ada *evidence* yang sesuai untuk, sekarang ni *you* nak apa, jangan nak salahkan orang kalau sendiri pun samseng.

YB TUAN LAU WENG SAN: Yang Berhormat, apa yang saya ingin katakan...

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Saya belum habis lagi, berilah sikit lagi, kalau kita dah serah pada Polis

YB TUAN LAU WENG SAN: Tadi Yang Berhormat. tadi Yang Berhormat Sekinchan..

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Kalau kita dah serah pada polis, biar polis uruskan. Tunggu keputusan polis. Kalau kita dah serah pada mahkamah biar mahkamah uruskan, baru lah kita dipandang mulia dalam Dewan ni, bukan merapu tak tentu kira. Terima kasih Tuan Speaker.

YB TUAN LAU WENG SAN: Ok tak apa, Yang Berhormat.

YB TUAN NG SUEE LIM: Saya minta penjelasan.

YB TUAN LAU WENG SAN: Yang Berhormat ingin tanya saya soalan ke? Nak tanya saya soalan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Ya, Kg. Tunku. Untuk makluman Kg. Tunku, mengenai kes saya kena pukul oleh samseng, gengster daripada Tanjung Karang yang diketuai oleh Setiausaha Politik samseng, Noh Omar, Dato' Sabri Asmawi sudah 20 tahun, eh, 20 bulan sampai hari ini laporan polis dibuat dan kemudiannya kawat cam 2 kali dibuat, ada saksi, saksi saya ketua kampung tetapi orang yang hendak dicam tu tak datang. 2 kali dah, hendak dicam tak datang, polis tak keluar waran tangkap, ini sebenarnya yang untuk makluman Kg. Tunku. Terima kasih.

YB TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Yang Berhormat. Saya sebenarnya mempunyai persoalan yang sama. Mengapa agaknya polis mengambil masa yang begitu panjang untuk menyelesaikan kes ini.

YB TUAN SULAIMAN BIN HJ ABDUL RAZAK: Boleh minta penjelasan Kg. Tunku, sikit.

YB TUAN LAU WENG SAN: Saya rasa, isu ini telah..

YB TUAN SULAIMAN BIN HJ ABDUL RAZAK: Pasal Sekinchan tadi lah, saya nak sebut juga.

YB TUAN LAU WENG SAN: Yang Berhormat, tadi saya sudah beri..

YB TUAN WONG KOON MUN: Tuan Speaker, peraturan, peraturan..ok terima kasih. Ikut peraturan 31, seseorang ahli hendaklah..

TUAN SPEAKER: Nantilah, Tuan Speaker belum panggil lagi.

YB TUAN WONG KOON MUN: Ok, ok.

TUAN SPEAKER: Ok sila, sila. (Ahli Dewan ketawa)

YB TUAN WONG KOON MUN: *Sorry, sorry..* Speaker belum sedia lagi (ketawa). Ok, ok. Ok, Tuan Speaker, untuk Peraturan 36 (1), seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa kalau yang tidak berkaitan dengan perkara yang dibincangkan itu. Yang kedua, 36 (2), tidak boleh disebutkan apa-apa perkara di dalam, sedang dalam pertimbangan mahkamah sekiranya pada pertimbangan pengerusi harus merosakkan kepentingan-kepentingan pihak yang berbicara itu. Faham Kg. Tunku?

TUAN SPEAKER: Nanti, yang pertama saya setuju lah. Saya rasa Kg. Tunku jangan pergi jauh sangat ya. Tolong balik ke pangkal jalan (ahli Dewan ketawa). Yang kedua tu saya tak faham ya. Jadi, lepas ya, setuju ya. Sila balik ke pangkal ya, balik kepada pokok perbincangannya.

YB TUAN LAU WENG SAN: Ya, saya akan cuba dekatkan dengan sepenuh hatinya tentang perbelanjaan perbekalan iaitu berkenaan dengan keadilan sejagat dengan perbelanjaan pentadbiran yang efisien dan berhemah. Tapi, yang Tuan Speaker, saya ada satu lagi contoh yang saya rasa saya tidak boleh sembunyikan. Ia memang berkaitan langsung dengan keramahan pentadbiran kerajaan negeri Selangor. Yang ada masalah dengan Ahli Dewan Negeri daripada Barisan Nasional ini bukan hanya mereka yang saya sebutkan tadi sahaja, kita ada juga satu contoh yang saya rasa agak baru. Ketua pembangkang Dewan Negeri Selangor iaitu ADUN Sri Serdang, beliau juga tidak ketinggalan sebagai individu yang begitu pandai mengaut keuntungan mudah dengan menjual tanah kerajaan. Ini berkaitan dengan perbelanjaan dan aset kerajaan. Tuan Speaker, tanah yang saya katakan di sini adalah tanah di Selangor Science Park II, yang diberikan kepada Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor, PKPS, bagi pembangunan pendidikan Sains sebelum dijual kepada sebuah syarikat bernama Nikmat Inai Sdn. Bhd. dengan harga RM5.6 juta pada tahun 2006 di mana Yang Berhormat dari Sri Serdang yang sehingga sekarang masih tidak hadir untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Beliau sendiri merupakan Ahli Lembaga Pengarah dan juga merupakan pemegang saham terbesar kepada syarikat ini. Apa yang menghairankan kita ialah, dana ini dijual kepada syarikat ini pada harga RM5.6 juta kemudian tanah ini dijual balik kepada PKPS dengan harga berapa? RM19.2 juta, begitu besar *margin* keuntungannya, begitu besar sekali. Hanya dengan membeli tanah daripada kerajaan dan menjual balik kepada PKPS. Kalau slogan Barisan Nasional ialah 'Satu Malaysia', di sini saya kata bukan 'Satu Malaysia' tetapi ialah 'Sapu

Malaysia'. Bukan salam 'Satu Malaysia' tetapi salam 'Sapu Satu Malaysia'. Satu Malaysia kasi sapu. Tuan Speaker, belum cukup lagi, ada lagi. Ahli Parlimen UMNO untuk kawasan Sabak Bernam, yang juga merupakan mantan ADUN Sg. Air Tawar..

TUAN SPEAKER: Ini apa berkaitan dengan ucapan..

YB TUAN LAU WENG SAN: Omar..

TUAN SPEAKER: Saya belum habis tanya ni..

YB TUAN LAU WENG SAN: Ya, ya, ya.

TUAN SPEAKER: Ini apa berkaitan dengan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan?

YB TUAN LAU WENG SAN: Tidak ada, maaf, saya memohon maaf kerana kes ini telah dibawa ke mahkamah dan beliau telah disabit bersalah tapi beliau membuat rayuan, jadi saya tidak boleh sentuh kes ini. Jadi saya ambil keluar. Ok. Disabit bersalah. Telah disabit bersalah. Contoh yang seterusnya, masalah banjir, ini juga berkaitan rapat dengan angkara politik oleh pemimpin-pemimpin daripada Barisan Nasional. Rakyat di Klang dibelenggu dengan masalah banjir sejak dahulu lagi. Apa yang berlaku ialah, mantan ADUN bagi kawasan Pandamaran, iaitu Dato' Teh Kim Poh, telah memohon kepada Kerajaan Persekutuan seurus selepas PRU yang ke 12, supaya peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan untuk membasmi masalah banjir di Klang dan juga di Kapar barangkali, dibatalkan serta-merta. Dan ini juga menyebabkan mungkin merupakan salah satu sebab berlakunya masalah banjir di Klang, beberapa bulan yang lalu.

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Speaker, speaker..Bukit Tunku.

TUAN SPEAKER: Ya, ya.

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Saya rasa, nampaknya ADUN-ADUN sebelah kerajaan ni masih belum lari daripada stigma sebagai pernah menjadi ahli pembangkang dahulu. Setiap apa yang berlaku di Selangor baik musibah, baik apa, semua salah UMNO. (Ahli Dewan bercakap) Seheinggakan, sheinggakan, sheinggakan dia buat, buat apa, dia buat hal dalam jamban pun salah UMNO. (Ahli Dewan ketawa) Saya tak kisahlah *you* nak salahkan UMNO atau *you* nak sokong sangat Pakatan Rakyat, sokonglah, tapi jangan hal-hal melibatkan bencana macam tu *you* nak salahkan pada UMNO, sedangkan *you* tak mengurus dengan betul sebenarnya. Ini soal nak sokong LGBT ke, liwat ke, sokonglah. UMNO tak kisah. Tapi jangan salahkan kita. Jangan salahkan kita.

YB TUAN LAU WENG SAN: Yang Berhormat, jangan menyimpang jauh. Saya sudah cuba memperbetulkan ucapan saya supaya lebih dekat pada isu yang kita bahaskan ini. Saya hanya mengatakan bahawa, ini mungkin salah satu sebab ataupun punca kepada banjir yang berlaku di Klang. Memang pun ya, Yang Berhormat Pandamaran berkata sedemikian. Dan ini adalah bukti di mana adanya permohonan daripada Dato' Teh Kim Poh, mantan ADUN MCA bagi kawasan Pandamaran, memohon membatalkan peruntukan ini. Jadi, saya tidak fitnah dan ini adalah fakta. Walaupun..

YB TUAN WONG KOON MUN: Tuan Speaker.

YB TUAN LAU WENG SAN: Apakah saya..apakah ini..

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, ya, Yang Berhormat, Yang Berhormat, Kuala Kubu Baharu meminta..

YB TUAN LAU WENG SAN: Saya rasa Tuan Speaker, saya telah memberi banyak peluang, kalau ada..

YB TUAN WONG KOON MUN: Saya selalu beli juga, saya selalu beli juga..

YB TUAN LAU WENG SAN: Satu kali ya, satu kali..

YB TUAN WONG KOON MUN: Saya nak tanya satu kali, *last* punya.

YB TUAN LAU WENG SAN: Ok *last* sekali. Ok.

TUAN SPEAKER: Boleh *bargain* ini.. (ahli Dewan ketawa)

YB TUAN WONG KOON MUN: Tuan Speaker, terima kasih. Di sini saya juga ingin membangkit satu perkara. Bahawa kerajaan pusat telah meluluskan lesen UITM di Serendah. Mengapa tanah untuk membangunkan maktab ini, Universiti UITM ni dibatalkan oleh kerajaan negeri kerana tidak beri tanah? Ha, jawab.

YB TUAN LAU WENG SAN: Saya ingat Yang Berhormat tanya tentang banjir. Tanya pula tentang tanah UITM di Serdang. Mana saya tau, saya tidak tau. Tapi Yang Berhormat boleh tanya nanti. Sepatutnya Yang Berhormat perlu masukkan isi ini dalam ucapan Yang Berhormat, perbahasan Yang Berhormat tadi. Tapi Yang Berhormat tidak masuk (ahli Dewan mengetuk meja). Jadi saya tidak boleh buat apa-apa.

YB TUAN WONG KOON MUN: Dia sama tak? Dia sama. Itu berkaitan dengan perbelanjaan. Kalau tanah itu dibangunkan pun untuk UITM, pendapatan negeri bertambah..

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat cukup, cukup. Saya beri laluan pada Seri Muda. Cukup, cukup. Sudah duduk, duduk. Duduk dulu duduk. Duduk dulu, baik duduk.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Tunggu Sekinchan. Seri Muda, nak tanya

YB TUAN WONG KOON MUN: Engkau siapa ni.

TUAN SPEAKER: Ya, Seri Muda. Seri Muda yang bangun dahulu. Ya, sila. Seri Muda ke..ni sekarang ni siapa nak dengar siapa ni.

TUAN SPEAKER: Ni sekarang ni siapa nak cakap ni. Baik semua duduk. Semua duduk, semua duduk. Sg. Pelek.

YB TUAN YAP EE WAH: Saya duduk, mana saya nak duduk, Tuan Speaker

TUAN SPEAKER: Jangan cabar. Jangan cabar. Di sini tak ada nak tawar menawar. Tidak ada. Saya suruh duduk, suruh duduk. Jangan tunggu orang lain duduk baru duduk. Ini bukan pasar malam. Tak ada tawar menawar. Sg. Pelek, saya suruh duduk, sudah diam dah. Duduk dulu, duduk faham tak. Duduk, duduk. Tau duduk tak?! Tau bezakan duduk dengan bangun tak?! Saya suruh duduk, duduk tau! Dah duduk, duduk! Duduk! Duduklah! Aaa..itulah duduk! Aaa, ini betul, ini duduk. Baik, Seri Muda, ada apa ni?

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya nak mencelah dengan mengemukakan pertanyaan kepada Kg. Tunku.

TUAN SPEAKER: Kg. Tunku, setuju tak?

YB TUAN LAU WENG SAN: Saya telah memberi kebenaran sejak lama lagi.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Tuan Speaker pun sudah bagi kepada saya.

TUAN SPEAKER: Saya tau, saya cuma tanya kenapa bangun? Sekarang nak minta jalan ya saya tanya Kg. Tunku. Sila.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Saya kurang dengar hari ini. Sama macam Batang Kali,

TUAN SPEAKER: Baik.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Batang Kali pun kurang dengar seperti saya hari ini (ahli Dewan ketawa). Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya nak mencelah kepada apa yang disebut oleh Kg. Tunku tadi. Persoalan yang

dikemukakan oleh rakan-rakan kita daripada Sg. Pelek, Kuala Kubu, Batang Kali, yang akan tanya, yang akan tanya.. Kita tidak perlu menjawab

TUAN SPEAKER: Tenanglah. Sg. Pelek, Sg. Pelek, saya minta lah. Saya bagi peluang untuk semua nak celah, nak bantah, semua saya bagi. Jangan duduk dan buat bising. Tolonglah. Bila saya adil, saya buat adil. Nak buat macam ini, saya terus nak ambil tindakan tegas, saya tak nak. Saya bagi peluang, ya. Tadi Kuala Kubu Baharu bangkit Peraturan Tetap, saya pun setuju. Kalau ikut cara dulu tak ada. Pembangkang semua tak beri. Saya buat dengan adil, jadi dengarlah. Ya, tolong ya. Tolonglah, ha! Tengok-tengok, baru saya tegur jangan duduk, cakap macam itu, janganlah. Jangan ya. Jangan. Antara ADUN boleh gaduh semuanya, tapi jangan gaduh dengan Speaker. Speaker cuba nak adil ya. Baik sila, ya.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Baik, terima kasih Tuan Speaker. Saya hormat Tuan Speaker, saya pun dah tak ada nak tanya dah. Terima kasih banyak.

YB TUAN YAP EE WAH: Speaker, speaker.

YB TUAN LAU WENG SAN: Jadi tinggal saya teruskanlah. Jadi..

TUAN SPEAKER: Ya, ada apa Sg. Pelek, ada apa?

YB TUAN YAP EE WAH: Nak mohon mencelah.

TUAN SPEAKER: Silakan, silakan.

YB TUAN YAP EE WAH: Ok, baik.

TUAN SPEAKER: Itu cara betul lah.

YB TUAN YAP EE WAH: Terima kasih Tuan Speaker. Yang tadi saya tak puas hati kerana Seri Muda minta saya duduk. Sedangkan dia..

TUAN SPEAKER: Sekarang dah lalu lah.

YB TUAN YAP EE WAH: Ok.

TUAN SPEAKER: Dah lalu, kena pandai.

YB TUAN YAP EE WAH: Setuju, Tuan Speaker, setuju.

TUAN SPEAKER: Kita kena pandai.

YB TUAN YAP EE WAH: Setuju.

TUAN SPEAKER: Perkara yang lalu biar lalu ya. Baik, perkara yang baru.

YB TUAN YAP EE WAH: Ya, setuju. Benda yang lalu biar dia lalu. Jangan sebut-sebut saja. Ok. Soalan saya, kalau nak tanya Yang Berhormat dekat sini, MCA, siapa dia? Teh Kim Poh ke? Bukan kan? Bekas ADUN kawasan Pandamaran. Tanyalah dekat sana. Jangan buat dekat sini, tanya KKB, tanya Sg. Pelek, janganlah. Kepada Seri Muda ni, saya tak cakap apa pun. Tadi sampai sekarang..

TUAN SPEAKER: Alaa, saya dah kata dah lalu tu lalulah.

YB TUAN YAP EE WAH: Tanyalah. Itu rahsia ke?

TUAN SPEAKER: Cukup, cukup. Jawab, jawab.

YB TUAN LAU WENG SAN: Saya tidak perlu tanya. Saya tidak tanya Yang Berhormat Sungai Pelek ataupun Kuala Kubu Baharu, saya hanya berkata bahawa ini adalah apa yang berlaku. Jadi, Yang Berhormat, apa yang prinsip ataupun semangat sebenarnya yang lebih besar ialah kalau Barisan Nasional benar-benar memperjuangkan prinsip 'Rakyat Didahulukan' maka nasihat saya kepada Yang Berhormat dari Barisan Nasional ialah, jangan biar ini berlaku. Kalau Kerajaan Persekutuan sudah janji nak bagi, kita perlu tunaikan janji itu. Ya, betul tak? Ini adalah prinsip kita sebagai seorang yang efisien, yang bertanggungjawab. Tapi apa yang berlaku, satu lagi contoh Yang Berhormat sekalian dan juga Tuan Speaker, tentang jambatan ketiga di Klang yang pernah saya bangkitkan di sini sampai sekarang pun belum lagi bermula projek ini. Barisan Nasional telah menabur janji kepada rakyat di Klang bahawa akan dibina jambatan yang ketiga bagi menyelesaikan masalah kesesakan trafik di Klang. Malangnya, empat tahun sudah berlalu, satu, dua, tiga, empat, tahun depan tahun kelima, satu batang besi pun belum dapat saya nampak. Apa telah berlaku dengan jambatan ini? Mana perginya janji?

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, Yang Berhormat, bila Yang Berhormat ucap, peraturan 35 (1) mengarahkan ucapan kepada Speaker, kalau Yang Berhormat mengabaikan situ, patutlah sebelah situ marah.

YB TUAN LAU WENG SAN: Ya, ya, ya. Saya mohon maaf. Saya ingat saya boleh dapat jawapan daripada mereka. Tapi apa pun sekali Tuan Speaker..

TUAN SPEAKER: Ikut peraturan ya.

YB TUAN LAU WENG SAN: Ya, ya, ya, saya akan ikut peraturan. Saya terima dengan hati yang terbuka semua nasihat daripada Yang Berhormat Tuan Speaker. Jadi, Tuan Speaker, persoalan saya ialah adakah UMNO dan Barisan Nasional, mereka tidak berasa malu ke apabila mereka masih berani memasang *billboard* dengan perkataan 'Janji Ditepati' Tuan Speaker, mana janji ditepati. Janji seperti ini belum

ditepati. Saya minta, Tuan Speaker, kalau boleh ahli-ahli kita daripada sebelah sana boleh membantu sampaikan mesej ini kepada Kerajaan Persekutuan bina jambatan yang ketiga ini dalam masa yang..

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya.

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Boleh, Bukit Tunku? Mohon izin Bukit Tunku.

YB TUAN LAU WENG SAN: Saya rasa saya sudah memberi banyak laluan tapi apa pun sekali, Batang Kali belum berucap, nanti boleh berucap.

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Saya nak bertanya.

YB TUAN LAU WENG SAN: Peluang banyak lagi.

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Speaker, saya nak bertanya

YB TUAN LAU WENG SAN: Saya ingin masuk ke topik seterusnya, ok.

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Takkan takut.

YB TUAN LAU WENG SAN: Nanti, nanti, jangan bimbang.

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Ada juga penakut rupanya dalam dewan ni ya.

YB TUAN LAU WENG SAN: Jadi, Tuan Speaker, jadi, semalam berlangsungnya satu perbahasan antara Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng dengan Presiden MCA. Dan dalam perbahasan ini ada tertimbul satu isu yang berkaitan dengan negeri Selangor iaitu isu tentang hutang Talam kepada kerajaan negeri dan perkara ini telah dibangkitkan. Isunya adalah sangat jelas. Iaitu isu ini langsung tidak ada kena mengena dengan kaedah *round tripping* ataupun cerita dongeng RM1 bilion untuk membayar ataupun *bail up* Syarikat Talam. Tuan Speaker, isunya hanya satu sahaja iaitu, MCA dan Barisan Nasional dalam segala ketandusan ideanya untuk menawan hati pengundi-pengundi Tionghua demi *survival* nya mereka terpaksa mencari sesuatu untuk mengucar-ngacirkan kerajaan Selangor.

TUAN SPEAKER: Ya, Yang Berhormat, Sri Muda bangun.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Berhormat ada sebutkan tadi tentang adanya dalam perdebatan itu disebutkan berkaitan dengan hutang Talam. Soalan saya ialah, yang membangkitkan perkara ini adalah seorang pemimpin daripada negeri Johor, daripada MCA negeri

Johor. Apakah ini membawa maksud yang MCA di negeri Selangor dan pembangkang di negeri Selangor ini sudah ketandusan pemimpin yang boleh mengemukakan dan menentengahkan persoalan ini. Terima kasih.

YB TUAN LAU WENG SAN: Itu sebabnya, apabila isu ini dihangatkan semula, saya semak *hansard* pada tahun 2009 Tuan Speaker. Saya mendapati ADUN-ADUN daripada Barisan Nasional khususnya ADUN daripada MCA pada masa itu langsung tidak menyentuh tentang isu ini. Jadi saya berasa sangat hairan. Apa telah berlaku dengan MCA Selangor? Dengan dua orang ADUN nya di sini. Mengapa isu ini tidak dibangkitkan pada dua tahun yang lalu di Dewan yang mulia ini dan ia hanya dibangkitkan di Dewan yang mulia ini pada hari ini selepas dibongkar kononnya oleh seorang wakil rakyat yang bukan berasal dari Selangor. Mereka ingat mereka mendapat durian runtuh.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, 10 minit. Kuala Kubu Baharu.

YB TUAN WONG KOON MUN: Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingat, kalau kita balik dengan *hansard* kita jelas bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kenyataan dia kata, dia akan kemukakan Buku Putih 2010, maka sekarang 2012 kami dah bagi peluang 2 tahun untuk jawab, untuk kemukakan kertas putih, Buku Putih. Tapi hari ni tak ada, maka kami terpaksa, saya nak bagi tau saya, besok akan buat satu kenyataan akhbar lagi. Banyak hal lagi kami akan bongkar isu Talam. Tunggu, jangan takut. Ada masa.

YB TUAN LAU WENG SAN: Itulah sebabnya, Yang Berhormat dari Ijok telah mengatakan bahawa kalau MCA ada apa-apa bentuk maklumat yang hendak dibongkar, teruskan. Kalau Yang Berhormat dari Kuala Kubu Baharu mempunyai fakta, maka bongkarkan. Dan kerajaan negeri akan memberi *respond* yang sepatutnya. Dalam satu isu yang saya ingin bangkitkan di sini ialah wakil rakyat yang bukan berasal daripada Selangor itu mengatakan bahawa Selangor membeli sebidang tanah di Bestari Jaya dengan harga yang lebih tinggi daripada harga pasaran tetapi isu ini juga pula dimaklumkan kepada khalayak ramai oleh ahli Yang Berhormat, Ahli Parlimen dari PJ Utara bahawa jumlah tanah yang terlibat 13 keping tanah keseluruhannya 12 keping tanah yang lain kita beli dengan harga lebih murah, jauh lebih murah. Kalau dikira semua sekali, harga yang dibayar oleh kerajaan negeri adalah lebih rendah daripada harga pasaran. Jadi ini adalah salah satu contoh Yang Berhormat. Fakta Yang Berhormat ada pada tangan kamu itu mungkin fakta yang kurang benar ataupun tidak menyeluruh. Yang Berhormat ingat, kamu mendapat durian runtuh tapi rupa-rupanya durian itu tidak berisi, dalam bahasa Kantonis, ia bermaksud.... (bahasa Kantonis).

YB TUAN WONG KOON MUN: Tuan Speaker, boleh saya cadang.

TUAN SPEAKER: Ya, silakan.

YB TUAN WONG KOON MUN: Saya pun nak tau apa durian itu. Saya pun minat nak tau apa itu. Kami mesti ada berasas kerana kita dapat maklumat daripada Mitra

Valuevers and Property Consultants Sdn Bhd. Dalam dia punya, tanah tu hanya bernilai RM60,000, masih dalam cagaran Bank, Institusi kewangan. Mengapa kita beli harta dalam cagaran Institusi kewangan itu, lebih mahal hingga kita beli RM80,000. Saya rasa kalau boleh kita tunggu, kena tanya Tony Phua, seolah-olah dia kata dia pakar akauntan. Bahawa Tony Phua juga mengaku bahawa mereka telah lebih belanja 42 juta untuk membeli sekeping tanah Bestari Jaya. Nampak? Ini kerbau pun ada. Kawasan berlombong tak ada hasil pasir, tinggal berlumpur sahaja. Ini, kalau tak, saya boleh menganjurkan satu pertandingan pancing di sana. Saya boleh menjemput Kampung Tunku, marilah kita sama-sama pancing ikan di kolam ini.

YB TUAN LAU WENG SAN: Saya ingat Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu hanya berminat untuk mengadakan pertandingan berkarang, mengarang, ataupun pertandingan menulis kerana saya difahamkan beliau memang pandai untuk mengadakan pertandingan ini. Apa pun sekali seperti apa yang saya katakan tadi, bahawa, jumlah transaksi yang terlibat, jumlah tanah yang terlibat bukan satu-satunya tanah sahaja. Ada 13 keping tanah dan apa yang saya ingin katakan di sini ialah ... Tidak, tidak, tidak...

YB TUAN WONG KOON MUN: Saya rasa Bukit Tunku, bukan awak orang yang sesuai untuk jawab, biar Menteri Besar jawab. *you* jangan pandai-pandai..

YB TUAN LAU WENG SAN: Saya belum habis lagi, apa yang ingin saya katakan ia mesti ada satu sistem *check and balance*. Kalau isu ini melibatkan pembaziran wang rakyat, kalau kita baca Malaysia Kini, mungkin SELCAT akan membuat mesyuarat. Dan SELCAT, siapa anggotanya, Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu kalau saya tidak silap adalah salah seorang anggota SELCAT.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, minta penjelasan.

YB TUAN LAU WENG SAN: Jadi adakah Yang Berhormat, ADUN daripada Kuala Kubu Baharu memainkan peranan kamu sebagai anggota di dalam SELCAT untuk menyemak perkara ini. Sudah 2 tahun Yang Berhormat tidak membangkitkan isu ini tiba-tiba pula sekarang ini ingat dapat durian runtuh tapi rupa-rupanya durian tidak berisi. Jadi Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin teruskan dengan ucapan saya ini.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, minta penjelasan.

YB TUAN LAU WENG SAN: Tidak, tidak, tidak. Maafkan saya, kerana saya sudah memberi banyak peluang kepada semua ahli Barisan Nasional.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya belum diberi peluang lagilah.

YB TUAN LAU WENG SAN: Sama sahaja, tak apa. Yang Berhormat belum berucap lagi boleh masukkan soalan dalam ucapan Yang Berhormat. Jadi, apa yang saya bangkitkan di sini ialah isu Talam ini adalah satu isu yang hanya merupakan satu

isu politik sahaja. Ia bukannya satu isu yang betul-betul berkait rapat dengan ketelusan pentadbiran kerajaan negeri kerana kalau kita lihat isu ini, kalau kita teliti isu ini kerajaan mendapati syarikat Talam berhutang dengan kerajaan pada tahun 2009 dan setelah berbincang dengan syarikat berkenaan nilainya yang telah disahkan ialah RM392 juta. Talam perlu membayar balik wang berkenaan dalam pelbagai bentuk seperti tunai, aset dan tanah dan sebagainya. Tiba-tiba MCA berkata ini adalah satu *bail up* angka ini kemudian, *bail up* RM1 bilion, angka ini kemudian bertukar-tukar sehingga sekarang ini kami sebenarnya keliru apa yang ada pada MCA. Kemudian konsep *round tripping* ini disalah tafsir menjadi *double counting*, jadi apa sudah berlaku dengan pemahaman? Adakah *round tripping* ini sudah *round the world*? Semua sudah pening. Jadi MCA pun kita tidak tau membezakan apa maksudnya *round tripping* ini. Jadi Tuan Speaker, saya rasa ini adalah apa yang saya ucap berkenaan dengan prestasi Yang Berhormat - Yang Berhormat dari ADUN Barisan Nasional, dan saya berharap isi ucapan ini akan dijadikan pedoman sentiasa kepada kita sebagai ADUN untuk melaksanakan tugas kita sebagai wakil rakyat.

Kg. Tunku tertarik dengan tindakan kerajaan untuk memberi perbekalan tambahan kepada pembangunan modal insan di mana perbekalan sebanyak 8.2 juta telah dibelanjakan untuk tujuan *Recoupment* Tabung Wang Biasiswa Negeri dan juga jumlah RM10 juta untuk membiayai penambahbaikan infrastruktur UNISEL. Selain itu, peruntukan juga diberi kepada sekolah-sekolah SJKT, SJKC dan SJAR (Sekolah Agama Rakyat) untuk tujuan pembangunan. Maka dengan itu, cita-cita murni yang tersirat di dalam perbekalan tambahan ini perlu disokong. Rata-ratanya semua ini adalah selaras dengan konsep Buku Jingga Pakatan Rakyat yang memberi banyak penekanan kepada pembangunan modal insan. Oleh itu, adalah menjadi saranan saya kepada kerajaan Selangor iaitu memandangkan terdapat peningkatan dalam prestasi kewangan, maka apa salahnya untuk kerajaan untuk menambahkan peruntukan Pembangunan Modal Insan? Saya juga ingin bercadang, selain daripada UNISEL, kerajaan harus memberi lebih banyak tumpuan kepada kursus-kursus vokasional. Kita mempunyai sebuah kolej bernama INPENS *International College* yang mempunyai tanggungjawab besar untuk membangunkan pendidikan vokasional oleh itu saya meminta kerajaan memberi perhatian dan memberi peruntukan yang lebih banyak kepada INPENS kerana sekarang ini INPENS berada di Kuala Selangor. Adalah menjadi harapan saya supaya remaja-remaja, anak-anak Selangor di kawasan bandar seperti di Klang, di Shah Alam, di Petaling Jaya, di Ampang dan sebagainya juga mempunyai peluang untuk menikmati pendidikan vokasional yang bertaraf tinggi dengan yuran yang lebih murah daripada kolej-kolej swasta. Sejarah telah membuktikan bahawa negara-negara yang mempunyai kemahiran teknologi yang tinggi, juga mempunyai sistem pendidikan vokasional yang kukuh. Ambil contoh seperti negara Jepun, di mana pelajar-pelajar sekolah menengah akan melalui latihan vokasional sekurang-kurangnya selama 2 tahun sebelum diserap ke dalam sistem pendidikan tinggi di negara itu. Negara Jerman, pendidikan vokasional juga telah diserap ke dalam pendidikan utama mereka dan ia dikendalikan secara bersama iaitu oleh kerajaan, oleh pihak korporat dan juga kesatuan sekerja. Jadi, ini menunjukkan hubungan yang begitu rapat antara pendidikan dengan industri. Dan ini juga menyebabkan, merupakan sebab mengapa negara Jepun dan Jerman ini dapat

menjadi gergasi negara-negara berteknologi tinggi dan ini kalau kita lihat krisis Euro, negara Jerman sahaja lah yang masih belum dibelenggu dengan masalah ini. Ini kerana mereka mempunyai *foundation*, dengan izin, ekonomi dan teknologi yang tinggi sehingga mereka mampu berdaya saing dengan negara-negara yang lain. Jadi itulah apa yang saya ingin bagikan dalam ucapan saya, saya berterima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi masa yang cukup panjang kepada saya, jadi sebagai ADUN, saya mengakui mungkin saya ada silap seperti apa yang saya lakukan tadi. Saya mengaku dengan hati yang terbuka. Kalau saya silap fakta dan dapat dibuktikan, saya mengaku tapi kalau kesilapan itu adalah disengajakan untuk tujuan politik, saya rasa kita semua tanpa memilih parti politik perlu menghindari daripada sikap yang tidak betul ini. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

YB PUAN LEE YING HA: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya, Teratai.

YB PUAN LEE YING HA: Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada Teratai menyertai perbahasan ini. Sebelum saya masuk ke topik yang ingin saya bangkitkan, saya ingin *respond* sikit terhadap apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu. Sebab saya masih ingat pada tahun 2009, apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar memberi satu *lecture*, dengan izin, kepada kita semua mengenai transaksi dalam isu Talam dengan mengambil alih aset itu. Dia sudah memberi satu *lecture* yang agak panjang dan lebar. Hampir satu jam. Tapi, saya juga ingat pada masa itu, semua pembangkang, mungkin sudah ponteng ke atau hilang diri. Itulah kenapa mereka tak faham. Masih nak bangkitkan isu yang sudah dijelaskan banyak-banyak kali..

YB TUAN WONG KOON MUN: Tuan Speaker. Boleh saya cadang.

TUAN SPEAKER: Ok.

YB PUAN LEE YING HA: Satu lagi..

YB TUAN WONG KOON MUN: Saya rasa Teratai dia ada salah faham sikit. Kerana 2009, itu adalah cadangan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

TUAN SPEAKER: Teratai, boleh duduk.

YB TUAN WONG KOON MUN: Belum ada transaksi lagi. So, cadangan memang cantik, kita tak tau apa isu di dalam. Macam orang nak cadang kahwin. Kita tak tau selepas kahwin macam mana. So, itu sebab juga 2009 hanya cadangan untuk nak selamatkan Talam. Tapi 2010, sudah nampak transaksi, maka kita, itulah masalah timbul, transaksi 2010. Faham?

YB PUAN LEE YING HA: Saya rasa Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu, kalau tak cukup boleh bahas lagilah. Sebab hampir 2-3 jam pun nampak muka Yang Berhormat

sahaja. Jadi, kalau tak cukup boleh masuk lagi. Yang saya nak sebut adalah apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar menjelaskan isu ini, kebanyakan semua ini, dari Barisan Nasional semua ponteng. Itu yang penting, jadi apa-apa isi kandungan pun tak faham. Sekarang nak ulang lagi apa yang di cerita sebelum ini, tapi tak apa saya percaya Y.A B. Menteri Besar akan jelaskan ini sekali lagi, kalau tak cukup lagi saya rasa boleh mengadakan satu khusus seminar untuk pihak pembangkang sahaja.

Tuan Speaker, di sini Teratai ingin membangkitkan isu yang berlaku dalam Draft Rancangan MPAJ dan Pelaksanaan. Tiga tahun sebelum ini, satu Draft Rancangan MPAJ dibangkitkan pada tahun 2009. Pada masa itu ramai penduduk memberi pandangan dan bantahan, jadi pejabat saya pun mengadakan tiga kali bengkel untuk memperkenalkan draf tersebut dan memberi penerangan kepada penduduk untuk, dengan cara mengisi borang bantahan. Jadi selepas kita menghantar sebanyak 600 borang bantahan dari kawasan Teratai, satu sesi pendengaran awam diadakan pada tahun 2010. Namun demikian cadangan-cadangan dari penduduk dan wakil rakyat dari Teratai tidak dimasukkan dalam draf tersebut, ini amatlah mengecewakan kita. Cadangan atau bantahan penduduk yang saya kemukakan seperti mengezonkan tanah rizab untuk kegunaan agama bukan Islam, tanah rizab Sekolah Rendah Cina, tapak pasar, tapak untuk bengkel seperti membaiki motosikal, tapak untuk *parking* lori dan bas komersial dan juga melebarkan jalan kuari. Kesemua cadangan ini tidak dimasukkan. Sebenarnya kesemua permintaan saya sebut tadi adalah berasas. Misalnya :

- i) Tanah Rizab untuk tokong atau kuil adalah amat diperlukan, sebab pada setakat ini kebanyakan kuil dibina di atas tapak yang tidak sah dan selalu mendapat saman dari Pihak Berkuasa Tempatan;
- ii) Ada dua (2) tapak pasar utama di kawasan Teratai, iaitu pasar bagi Taman Muda dan pasar pagi di Pusat Perdagangan Pandan Perdana. Kedua-dua pasar beroperasi di jalan dan lorong di mana jalan dan lorong sepatutnya digunakan oleh kenderaan khusus untuk laluan bomba. Dalam pelan yang saya terima pada tahun 2007 dari Pejabat Tanah, terdapat satu tapak yang di zon untuk pasar pagi iaitu di kawasan Bukit Teratai, tetapi tapak tersebut telah dijual kepada pemaju pada zaman Barisan Nasional dan sekarang sedang dibina kedai dan kondominium. Oleh itu Teratai memohon dua (2) tapak di Pandan Perdana dan Taman Muda masing-masing untuk dijadikan tapak membina pasar dengan kemudahan tempat *loading* dan *unloading* dengan izin. Akan tetapi apa yang saya dapat dalam Rancangan Tempatan MPAJ muka surat 5 – 71, ialah satu perenggan sahaja yang berbunyi seperti berikut:

Cadangan pasar dengan kemudahan tempat letak kereta di Taman Muda akan dapat memberi manfaat kepada masyarakat yang tinggal di kawasan sekitar seperti di Taman Muda, Taman Seraya, Taman Putra dan sebagainya, itu sahaja.

Jadi di manakah tapak pasar, sampai hari ini ia tidak dimasukkan dalam Rancangan Tempatan MPAJ.

Seterusnya, cadangan untuk tapak bengkel dan *parking* kenderaan komersial juga tidak diambil kira. Teratai mengemukakan cadangan ini kerana terdapat banyak bengkel haram yang dibina di kawasan kediaman. Kita terima banyak aduan mengenai pencemaran bunyi dan udara dari penduduk di sekitar. Kita difahamkan dalam kawasan MPAJ, ada 2.27 *percent* tanah adalah kegunaan perniagaan dan perkhidmatan. Manakala 1.17 *percent* tanah adalah digunakan untuk perindustrian. Kebanyakan pemilik kenderaan komersial seperti bas dan lori, meletakkan kenderaan mereka di kawasan perumahan. Oleh kerana kenderaan tersebut membawa gangguan kepada penduduk dan menyebabkan pergaduhan sesama jiran, jadi setiap blok perancangan perlu menyediakan tapak. Malangnya cadangan ini tidak dimasukkan dalam Rancangan Tempatan juga. Walau bagaimanapun, dalam Rancangan Tempatan MPAJ 2020 ada beberapa cadangan yang bagus seperti mengezonkan sistem pembetulan yang dicatat dalam muka surat 3-16 dan juga pengurusan sisa pepejal di muka surat 3 – 18 dalam Rancangan Tempatan. Jadi saya berharap MPAJ dapat menelitikan cadangan-cadangan yang dicatatkan dalam buku tersebut supaya sistem pembetulan dan pengurusan sistem sisa pepejal dapat ditambah baik.

Isu yang kedua saya ingin menyentuh adalah isu gerai. Kerajaan Pakatan Rakyat dalam beberapa tahun ini mengamalkan prinsip ketelusan, kecekapan dan *accountable*. Oleh itu sistem tender digunakan Talam Projek Kerajaan khususnya dalam kerja pembersihan di setiap PBT. Namun demikian, sistem tender ini juga perlu digunakan dalam pembersihan pasar pagi. Setakat ini Persatuan Pasar Pagi mengutip wang pembersihan dari setiap penjaja setiap hari. Kerja-kerja pembersihan tersebut tidak pernah di tender. Walaupun kerja-kerja pembersihan tidak memuaskan, penduduk dan penjaja yang lain tidak ada peluang untuk tukar kontraktor kerana pihak yang menguruskan pasar tersebut adalah orang yang berkuasa. Mereka bukan sahaja kutip wang pembersihan tetapi berkuasa untuk memberi *endorsement* ataupun memberi gerai baru supaya kuasa mereka dapat dikekalkan. Akan tetapi pasar pagi adalah bawah kawalan PBT, jadi saya mencadangkan PBT bertanggungjawab untuk memastikan sistem tender diguna pakai dalam setiap peringkat dan isu kebersihan pasar pagi tidak boleh diserahkan kepada persatuan begitu sahaja.

Isu seterusnya adalah sewa dan jual gerai penjaja. Saya difahamkan dalam Undang-undang Kecil PBT adalah menghalang sewa atau jual gerai penjaja. Tetapi secara realiti kegiatan sewa dan jual beli gerai sering berlaku. Orang-orang yang berkuasa di pasar pagi atau pasar malam merupakan ejen untuk kegiatan ini. Ada gerai dijual dalam harga RM6,000 satu tapak dan ada yang dijual dalam harga RM30,000. Orang yang berkuasa mencari keuntungan dalam sewa dan jual beli gerai penjaja, telah menjejaskan peluang perniagaan bagi penjaja yang perlu. Orang yang betul-betul perlu tapak untuk berniaga terpaksa menyewa tapak atau pinjam wang dari along untuk membeli tapak tersebut. Ini adalah kerana tiada kekosongan lagi dalam sesuatu tapak. Jadi ini merupakan satu ketidakadilan dalam masyarakat, yang mana orang yang berkuasa dapat keuntungan lumayan dengan menggunakan sumber kerajaan dan orang miskin susah nak cari rezeki. Sebagai satu kerajaan yang mengamalkan sikap ketelusan, idea ketelusan perlu dimasukkan dalam sistem permohonan tapak penjaja.

Sistem pemantauan dan penguatkuasaan perlu wujud untuk memastikan penjaja yang layak sahaja dapat tapak-tapak perniagaan.

Dan seterusnya Tuan Speaker, baru-baru ini projek penurapan jalan di bawah MPAJ telah dilaksanakan. Sebahagian peruntukan adalah dari MARRIS dan sebahagian adalah dari Selangorku. Kerja-kerja penurapan kali ini adalah memang memuaskan dan dipuji oleh penduduk kerana Jabatan Kejuruteraan MPAJ memantau kerja-kerja mereka secara kerap dan serius dan boleh dikatakan kekebalan premis di kawasan ini, kawasan khususnya di Teratai, yang lain saya tak pasti memenuhi standard minima iaitu 40mm tetapi pada masa yang sama teguran diberi kepada pihak JKR kerana kerja-kerja penurapan jalan adalah tidak memuaskan. Penduduk boleh nampak kualiti jauh beza dari kerja yang dijalankan oleh MPAJ dan juga JKR. Ini kemungkinan kontraktor-kontraktor yang dipakai oleh JKR menggunakan *standard* zaman dulu. Jadi saya berharap kerja-kerja bawah JKR perlu ditambah baik dengan segera dan memantau kerja dengan serius.

Sebelum saya menghabiskan ucapan, saya juga ingin memberi pujian kepada Jabatan Kejuruteraan MPAJ yang dipimpin oleh Encik Nasrul Nizam, ahli-ahli dalam jabatan ini termasuk Encik Nasrul, Encik Faizal, Encik Zafrul, Encik Khairuddin dan semua pegawai dalam kejuruteraan MPAJ kerana bertindak pantas atas aduan-aduan daripada penduduk. Akhir sekali saya berharap kualiti kerja di setiap jabatan ditambah baik dari masa ke semasa kerana PBT adalah satu institusi mengutip cukai dari orang ramai. Oleh itu kita haruslah membekalkan perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai. Sekian, sahaja terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua Jabatan dan kakitangan kerajaan serta pemerhati yang saya muliakan. Salam sejahtera, salam bersih untuk semua. Dalam dewan yang mulia ini, Sekinchan ingin turut serta dalam Perbahasan dan Undang-undang Enakmen dan Perbekalan Tambahan No. 2, 2012 pada persidangan yang kedua penggal kelima Dewan Negeri Selangor yang kedua belas ini. Sebelum saya berbahas mengenai Perbekalan Tambahan ini, ingin saya nyatakan di sini tidak pernah dalam sejarah, dalam Sidang Dewan Negeri Selangor yang saya pantau, buat satu tempoh ini di mana sesuatu Perbekalan Tambahan apabila sudah dibentangkan oleh pihak kerajaan dan pembahasnya, amalan biasanya pembahas pertama adalah daripada pihak pembangkang, tetapi pada pagi ini, anehnya saya nampak Ketua Pembangkang tiada dalam dewan ini, beliau ada di luar, beliau ada di luar dan saya ada saksi, saya tengok dengan mata sendiri dan ada saksi, ada saksi dan saya bersalaman dengan Ketua Pembangkang dan ini persoalan sekarang ini, kenapa Ketua Pembangkang tidak menjalankan tugas sebagai Ketua Pembangkang. Beliau sepatutnya wajib masuk mengambil bahagian berbahas. Ini berkaitan dengan bajet tambahan dari pihak pembangkang kena bertanggungjawab, sikap bertanggungjawab, tetapi tidak, ini tidak pernah berlaku dan saya

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, minta penjelasan.

YB TUAN NG SUEE LIM: ... ini seolah-olah satu petunjuk awal, Barisan Nasional dari pihak pembangkang mereka dah mula *surrender*, mula menyerah diri kerana mereka tahu, mereka akan dihukum oleh rakyat, mereka sedar dulu, ini petanda awal.

TUAN SPEAKER: Ya, Sungai Burong.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin penjelasan, yang pertama, yang dikatakan wajib ini, ini hukum mana yang dikata wajib supaya Ketua Pembangkang itu mesti membahar apabila perbahasan dimulakan sebagai perbahasan pertama. Ini kerana setahu saya, tidak ada suatu amalan yang lazim pun supaya tiap-tiap Ketua Pembangkang mesti membahar kali yang pertama. Saya ingat mengikut rekod pada perbahasan dalam dewan ini. Pada masa musim yang lepas dalam sesi di zaman pemerintahan Perikatan Rakyat dulu mula-mula amalannya pun diamalkan yang pertama sekali bercakap ialah Ketua *Backbenchers* kemudian diikuti oleh Ketua Pembangkang dan perkara ini pun bukannya satu amalan, ini mungkin satu orang kata kebiasaan ataupun orang kata sebagai satu, orang kata urutan tapi bukanlah satu perkara yang wajib, ini yang saya nak bagi, jadi perkara wajib ini sebenarnya bukannya wajib, sunat pun tak tahu sunat yang ke berapa yang hujung-hujung, nak bagi tahu pada Sekinchan. Itu penjelasan yang pertama.

Yang kedua, saya ingin nak tanya penjelasan tentang apa yang nak isu sangat Ketua Pembangkang tak bercakap. Walaupun Ketua Pembangkang tak bercakap Timbalan Ketua Pembangkang pun telah bercakap dan berbahar, wakili juga pembangkang untuk menjelaskan isu perkara berkaitan dengan perkara bajet pada hari ini. Jadi sepatutnya ini tidaklah dijadikan sebagai satu kesimpulan. Saya ingat terlalu awal dan terlalu bongkaklah saya kata, ini adalah petunjuk kerajaan Barisan Nasional sudah mula kehilangan sokongan rakyat. Saya ingat kita lihatlah nanti, tak apa ye Yang Berhormat buat kerja, kita buat kerja kita lihat bila.....

YB TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker, dia berbahar ke

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Penjelasan, dua penjelasan, terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Tetapi sebab ini melibatkan amalan dewan, saya rasa sebagai Speaker dan sebagai salah seorang yang paling *senior* dalam dewan inilah saya berikan penjelasan. Sebenarnya kalau ikut amalan *Commonwealth* memang dalam perbahasan Rang Undang-undang atau dalam Rang Undang-undang Perbekalan memang pembangkang diberi keutamaan. Ketua Pembangkang diberi keutamaan untuk berucap. Ini sudah menjadi amalan di semua Parlimen di *Commonwealth* dan juga di dalam Dewan Negeri Selangor juga sejak sekurang-kurangnya sepanjang masa saya berada di dewan ini memang Ketua Pembangkang diberi keutamaan. Ini adalah satu penghormatan kepada pembangkang. Dan yang keduanya, kalau mengikut amalan *Commonwealth* dan juga mengikut amalan dalam Dewan Negeri ini dan juga

mengikut amalan Dewan Negeri dan Parlimen dalam Malaysia ini tidak ada jawatan, tidak pernah wujud jawatan Timbalan Ketua Pembangkang, itu tidak pernah wujud ye. Baik sila.

YB TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Oleh kerana Tuan Speaker telah memberi petua dan penjelasan mengenai perkara tersebut maka saya tidak mahu panjang lebar. Tuan Speaker saya ingin menekankan di sini bahawa persoalannya di sini ialah ke mana tanggungjawab sebagai Ketua Pembangkang. Bukan tidak ada. Ada di sini. Saya jumpa dia dekat luar. Dia tidak masuk. Ini yang kita hendak pertikaikan. Saya hendak beritahu rakyat di mana Ketua Pembangkang dia tidak melakukan tanggungjawab sebagai Ketua Pembangkang dengan baik. 'orang ada tapi tak masuk'. Dari pagi hingga hari ini nampak lagi. Nampak lagi. Apa maknanya datang ke Dewan sebagai Ahli Undang Negeri tapi tak masuk ke dalam Dewan untuk bersidang.

TUAN SPEAKER: Rang Undang-undang hari ini adalah untuk perbahasan. Belum habis. Ini amalan yang kurang baik ni. Speaker cakap ni. Jadi tidak ada kena mengena dengan emolument ataupun gaji ADUN. Jadi tak usah suka, banyak sangat tentang Ketua Pembangkang dengan tugasnya. Sebab kalau hari ini kita bincangkan Rang Undang-undang untuk gaji DUN maka bolehlah lebih sesuai. Tapi bajet hari ini bajet tambahan tidak kena mengena. Jadi saya minta Yang Berhormat balik kepada pokoknya.

YB TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Maka dengan itu saya akur dengan nasihat daripada Tuan Speaker. Sebelum saya menyentuh isu perbahasan bajet tambahan ingin saya ucapkan selamat hari ulang tahun kedua BERSIH 2009 ya yang berjaya menerusi sekatan kerana hari ini adalah 9 Julai 2012 ulang tahun BERSIH yang di mana 2009 yang lalu berjaya menerusi sekatan, halangan, rintangan dan kawalan ketat PDRM dan Pihak Berkuasa hari tersebut, hari ini dalam sejarah Malaysia pada 9 Julai 2011 rakyat seluruhnya Melayu, Cina dan India serta turun ke Kuala Lumpur menyaksikan menyatakan sokongan dan hukuman BERSIH yang mendesak Kerajaan penambah baik dalam sistem Pilihan raya Negara kita supaya ianya BERSIH dan bebas daripada sebagai penipuan. Susulan daripada himpunan BERSIH Julai 2009 Kerajaan Barisan Nasional yang selama ini sombong dan angkuh terpaksa akur buat pertama kalinya menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan mengenai Penambahbaikan sistem pilihan raya iaitu *Parliament Select Community* dengan izin walaupun sehingga hari ini Kerajaan Pusat berdolak-dalik seluruh 8 tuntutan BERSIH namun yang paling mustahak semangat BERSIH Julai 2009 telah berjaya memberi rangsangan dan suntikan semangat terhadap kesedaran rakyat dalam keperluan mendukung agenda perubahan dan reformasi.

Tuan Speaker. bajet tambahan yang memperuntukkan sejumlah RM120,115,327.23 ini bukan sahaja bagi memenuhi keperluan, perbelanjaan tambahan, malah ia adalah bukti nyata bahawa kedudukan kewangan negeri Selangor berada dalam keadaan kukuh dan stabil. Di samping itu peningkatan kutipan hasil semasa telah memperkukuhkan kedudukan kewangan di mana laporan terkini menyatakan rizab negeri Selangor bertambah mencecah RM2.1 bilion. Belum pernah sebelum ini jumlah rizab sebesar ini

dikatakan sesungguhnya ini merupakan satu sejarah baru bagi kedudukan kewangan kerajaan negeri Selangor di bawah kerajaan Pakatan Rakyat. Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Pakatan Rakyat dan saya cukup bangga dengan konsep kita berbelanja lebih kerana ada keperluan. Terletak demi rakyat dan apa yang penting kita mempunyai wang lebih bukan seperti Kerajaan Persekutuan mempunyai sindrom suka berbelanja sakan atau belanja lebih tetapi tidak mempunyai wang lebih tetapi mereka suka berbelanja lebih. Malah semakin hari di bisik dengan hutang yang semakin kronik. Ini berbezaan antara Kerajaan Pakatan Rakyat dengan Kerajaan Barisan Nasional. Pada masa yang sama menurut butiran yang diberikan oleh MIDA, Selangor mempunyai tempat yang kedua dalam Suku Tahun Yang Pertama 2012. dalam konteks menarik pelaburan. Domestik dan luar. Sebanyak 68 pelaburan yang bernilai sejumlah RM3875,638,384 juta. Manakala 7373 peluang pekerjaan baru telah diwujudkan untuk memenuhi dan permintaan seluruh rakyat Negeri Selangor. Kesemua membuktikan kepada kita kekuatan dan keyakinan pada pelabur terhadap iklim pelaburan negeri Selangor yang mengamalkan prinsip dan pentadbiran berlandaskan ketelusan.

Tuan Speaker, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang perbezaan kerajaan Pakatan Rakyat negeri Selangor dengan Kerajaan Barisan Nasional sama ada di peringkat persekutuan dan negeri-negeri yang lain seperti di Johor dan Melaka mahu pun sekali negeri Pahang. Yang Amat berhormat Dato' Menteri Besar cukup prihatin dan mempunyai sikap kepedulian rakyat yang tinggi terutamanya dalam soal kebajikan. Dalam tempoh 4 tahun Pentadbiran Pakatan Rakyat sejumlah RM600 juta dibelanjakan untuk kebajikan rakyat menerusi program agenda merakyatkan ekonomi Selangor MES seperti Skim Usia Emas, Tabung Warisan Anak Selangor, Hadiah Masuk Universiti, Program Tuisyen Rakyat, Program Kesihatan Wanita, Jom *Shopping* bersama ADUN, Skim Bantuan TADIKA Selangor TUNAS dan paling pentingnya program pemberian air percuma 20 meter padu. Serta yang lain-lain lagi.

Keseluruhan program tersebut semakin hari semakin mendapat sambutan besar daripada rakyat jelata. Sama ada Melayu, Cina dan India sehingga saya dimaklumkan Pejabat saya dan juga Pejabat Ahli Dewan Negeri yang lain daripada Pakatan Rakyat sentiasa penuh dan sibuk kebanjiran rakyat berbagai lapisan yang datang ingin mengetahui program tersebut soal pendaftaran dan mendaftarkan diri untuk program merakyatkan ekonomi negeri Selangor. Untuk makluman Dewan yang mulia ini saya banyak menerima pertanyaan-pertanyaan daripada rakyat di seluruh negeri Selangor hatta di seluruh negara. Sama ada di Johor, Negeri Sembilan, Melaka yang begitu ghairah dan bangga dengan rakyat Negeri Selangor yang dapat menikmati kekayaan hasil masyhur negeri. Tidak seperti mereka yang diperintah oleh Barisan Nasional. Lebih 55 tahun. Sampai hari ini air percuma. Jangan bicara 25 meter padu. 1 meter padu pun tidak diberi secara percuma. Yang mereka dapat ialah air hujan yang percuma. Dan pada itu oleh kerana rancangan dan anjakan kecemerlangan dan kejayaan dengan dasar-dasar kerajaan Pakatan Rakyat maka dewasa ini makin ramai rakyat dari luar Selangor mereka begitu berminat dan ada yang ramai ke negeri Selangor kerana program di negeri Selangor dan juga Pentadbiran Pakatan Rakyat

yang mengutamakan kebajikan rakyat dan ramai daripada mereka juga yang pentingnya menunggu 'kapan' pilihan raya ke 13 untuk menukar Kerajaan Barisan Nasional yang sudah ternyata kehilangan tempat di hati rakyat, angkara terlalu lama memerintah. Dan juga elemen-elemen rasuah dan kebocoran sapu tangan rakyat, sapu lembu, memperkayakan suku sakat kroni dan mengutamakan kepentingan syarikat kroni daripada kepentingan rakyat walaupun perbagai usaha cuba dilaksanakan oleh Menteri Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib Tun Razak pun namun tidak berkesan kerana ramai pemimpin Barisan Nasional kerana sudah biasa dan sinonim dengan amalan rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Manakala rakyat yang dianggap adalah pak turut dan pak angguk yang akan patuh apa sahaja mereka ajarkan sejak 50 tahun yang lalu kerana mereka yakin melalui sebaran media yang mereka kuasai rakyat akan ikut sahaja yang mereka cakap. Tetapi saya yakin dan percaya dalam Dewan yang mulia ini rakyat semakin hari semakin matang dan sedar dengan perkembangan apa yang berlaku tentang bagaimana tentang perbezaan di antara Pakatan Rakyat dengan Barisan Nasional. Dan di sini saya ingin memberi satu contoh kenapa saya sebut Barisan Nasional kita anggap hanya mengutamakan kepentingan kroni daripada.

YB TUAN WONG KOON MUN: Terima kasih Sekinchan dan Tuan Speaker. Tadi seperti mana yang dikatakan oleh Sekinchan bahawa kerajaan negeri telah memberi air percuma. Kalau dengan pemberian air percuma RM11.40 itu bolehkan membantu keluarga miskin. Kalau kita bandingkan bahawa dengan keseluruhan Selangor, rakyat yang perlukan bantuan air hanya 40%. Bagi Sekinchan dan saya tidak perlu. Perlu tak. Itu tauke kedai masih perlu?. Itu sebab kita jangan uar-uarkan RM11.40. Kalau kita hendak bandingkan Kerajaan Pusat bahawa kami berikan bantuan masuk sekolah RM100 *voucher* buku kepada IPPTS dan JPA kita lebih baik kalau nak dibandingkan kepada rakyat. Dalam aspek kebajikan bahawa Kerajaan Pusat telah berbelanja hampir RM118 juta setahun untuk rakyat Selangor. Kalau bandingkan Kerajaan Negeri Selangor berbelanja RM10 juta sahaja. Tak sampai 10% diberikan kepada rakyat tetapi dipolitikkan dan diuar-uarkan. Seolah-olah Kerajaan telah membantu rakyat tetapi *you* nak syok sendiri *you* syoklah. Pilihan raya akan tahu kalau berani bila bubar Kerajaan Pusat bersama-sama bubar kerajaan negeri jangan tunggu. Boleh. Tapi bukan kuasa *you*.

YB TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Saya sungguh pelik dengan Kuala Kubu Baharu ini sebab dia tanya soalan yang saya bukan kapasiti untuk menjawab. Tanya saya bila bubar, saya Menteri Besar insya-Allah saya akan menjawab. Dia tanya saya, pelik, saya bukan. Maaf Yang Berhormat Kuala Kubu, saya tidak boleh menjawab soalan tersebut. Walau bagaimanapun dalam konteks Sri Muda. Ha, Sri Muda.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih Yang Berhormat Sekinchan, saya nak tolong menjawab apa yang dikemukakan oleh Kuala Kubu Bahru. Memang jumlah RM11.40 itu tidak banyak tetapi kalau dikalikan dengan 12 bulan nilainya RM136 dengan 4 tahun pemerintahan Pakatan Rakyat lebih kurang RM540. Lebih RM40 daripada bantuan rakyat satu Malaysia. Banyak tu RM40. itu cuma 4 tahun kerajaan Pakatan Rakyat. Bagi kita 50 tahun insya-Allah banyak lagi kita bantu rakyat bukan

sahaja di Selangor tetapi di seluruh negara. RM500 bantuan rakyat satu Malaysia dibahagi dengan 54 tahun purata RM50 setahun. Cukupkah bantuan sebanyak itu diberi kepada rakyat. Jadi saya tolong jawab kepada Yang Berhormat Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih rakan seperjuangan saya dari Sri Muda yang semakin Muda dengan jawaban ini.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat sila duduk. Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian jam menunjukkan 4.30 petang, maka saya menanggungkan perbahasan Rang Undang-undang Pembekalan Tambahan 2012 pada hari ini. Sebelum itu di hadapan saya terdapat permohonan untuk membuat ucapan penanggunghan dan bersesuaian dengan Peraturan Tetap 16(2) dan sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Kg. Tunku untuk membuat ucapan penanggunghannya. Dipersilakan Yang Berhormat 10 minit.

YB TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih. Kerajaan Selangor harus memastikan pemilihan kontraktor penyelenggaraan rumah-rumah pangsa kos rendah dijalankan dengan teratur. Kerajaan Selangor telah melancarkan program ceria pada tahun 2010 di mana sehingga sekarang Kerajaan telah memperuntukkan wang sebanyak RM9.7 juta untuk menyelenggarakan bangunan, bumbung dan lif rumah-rumah kos rendah di Selangor di bawah program ceria. Rumah Pangsa Seri Aman di Seksyen 22 Petaling Jaya telah dipilih sebagai salah satu rumah pangsa yang menerima manfaat di bawah program ini. Di mana TNB berkenaan telah diberi peruntukan untuk membaik pulih 2 lif yang telah rosak. Malangnya pembaikpulihan kedua-dua lif ini terpaksa menghadapi berbagai kesulitan. Pertama kontraktor yang dilantik oleh SSIC Berhad pernah berhenti kerja beberapa kali dengan alasan bahawa bayaran kos penyelenggaraan tidak dilakukan secara berkala. Maka saya masuk campur tangan untuk menyelesaikan kemelut ini. Saya difahamkan oleh pegawai SSIC bahawa perkara tentang cara bayaran dibuat tidak termaktub dalam perjanjian antara SSIC dengan kontraktor berkenaan. Selain itu saya difahamkan bahawa semua kontraktor yang dilantik hanya akan mendapat bayaran penuh selepas menyelesaikan tugas mereka.

Kesulitan yang kedua ialah kontraktor berkenaan enggan menyerah beberapa komponen elektronik yang diperlukan untuk memantau perjalanan motor lif berkenaan melainkan TNB bersetuju untuk mengambil mereka sebagai kontraktor penyelenggaraan selama 2 tahun. Hal ini bertukar menjadi lebih rumit apabila TNB yang selama ini tidak berpuas hati dengan prestasi kontraktor berkenaan memutuskan untuk tidak mengambil kontraktor ini sebagai kontraktor penyelenggaraan. TNB kemudian telah mengupah sebuah kontraktor yang lain yang difahamkan mampu bekerjasama dengan TNB dengan bayaran yang lebih munasabah. Kesulitan tertimbul sekali lagi apabila kontraktor lama membuat aduan kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Kerja atau JKKT bahawa lif-lif yang sedang berfungsi sekarang di rumah pangsa Sri Aman tidak boleh berjalan tanpa perjanjian penyelenggaraan di mana ini adalah dilarang di bawah undang-undang yang sedia ada. Kerajaan telah melakukan dua kesilapan dan perlu mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk mengelak pisang berbuah dua kali. Pertama bagi mengelakkan sebarang pertelingkahan yang

tidak menguntungkan sesiapaapun, kerajaan harus menyatakan dengan jelas dalam perjanjiannya tentang cara pembayaran caj penyelenggaraan kepada kontraktor. Malangnya perkara ini tidak disebut dalam perjanjian. Kedua kerajaan harus memastikan bahawa prestasi kontraktor dipantau lebih rapi dengan melibatkan pihak TNB dalam usaha ini. Kerajaan juga harus mempunyai pakar dalam bidang ini untuk memantau prestasi kontraktor-kontraktor yang dilantik dan tidak terpesong oleh kontraktor-kontraktor yang tidak berkelayakan. Sekian terima kasih

TUAN SPEAKER: Ya pihak EXCO.

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: Ya terima kasih kepada Kampung Tunku. Kita telah membuat beberapa penambahbaikan kepada program Ceria ini. Sebelum ini kita hanya membukanya kepada pihak PKNS dan anak-anak syarikatnya. Tapi kali ini kita telah membuka pelantikan kontraktor ini tidak termaktub ataupun tidak hanya kepada PKNS dan anak-anak syarikatnya, kita buka kepada pasaran terbuka. Dengan ini bermakna tidak ada monopoli lagi dari segi pembaikpulihan di bawah program Ceria dan juga ini bermakna bahawa kita tidak *untwist* atau dengan izin atau memaksa pihak penduduk jika penduduk mempunyai cadangan bermakna bahawa kalau dulu hanya kepada PKNS dan anak-anak syarikat sahaja tetapi sekarang ini kita terbuka itu yang pertama supaya kita mendapat kontrak yang lebih baik untuk kepentingan rakyat. Perkara kedua adalah pihak Lembaga Perumahan sendiri oleh kerana projek ceria ataupun skim ceria ini merupakan satu projek yang besar kita akan membelanjakan RM9.7 juta tahun ini sahaja dan tahun lepas dan kita akan menambah jumlah ini hingga mencecah kepada lebih kurang RM18 juta. Oleh kerana itu di antara perkara-perkara yang telah kita laksanakan adalah di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Perumahan dan Hartanah Selangor kita telah meluluskan kerajaan negeri ataupun Lembaga Pengarah telah meluluskan pelantikan pakar-pakar ataupun *technician-technician* atau mereka-mereka yang boleh mengendalikan projek ini bermakna kita akan mempunyai tenaga-tenaga pakar yang khusus untuk mengendalikan projek ceria ini ataupun skim ceria ini. Sebelum ini kita hanya berkongsi kepakaran dengan anak-anak syarikat tetapi sekarang ini Lembaga Perumahan sendiri yang akan mempunyai pakar-pakar ataupun *technician-technician* yang khusus untuk projek ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian maka dengan itu Dewan ditangguhkan sehingga hari esok, Selasa, 10 Julai 2012 bermula jam 10 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 4.35 petang)